

**Berakhirnya Suatu Babak,
Ternukil Kisah yang Baharu.**



**EKUITI NASIONAL BERHAD
LAPORAN TAHUNAN | 2024**



Berakhirnya Suatu Babak, Ternukil Kisah yang Baharu.

Tema Laporan Tahunan tahun ini—**“Berakhirnya Suatu Babak, Ternukil Kisah Yang Baharu”** mencerminkan detik penting dan kesinambungan perjalanan Ekuinas. Ia melambangkan berakhirnya suatu babak yang bermakna dan bermulanya babak baharu yang penting, disulami dengan transformasi, pertumbuhan, dan penggarisan semula matlamat.

Secara visual, ilustrasi muka depan memaparkan tema ini melalui **garisan topografi berlapis dan persimpangan jalan, di bawah matahari terbit yang simbolik**. Elemen topografi melambangkan kontur landskap yang berubah—menggambarkan peranan Ekuinas yang kian berkembang dalam membentuk masa depan ekosistem **modal persendirian** di Malaysia. Topografi tersebut menzahirkan kedalaman, kerumitan, dan evolusi yang membina daya adaptasi kami dan yang menyerlahkan sifat dinamik peluang-peluang yang menanti di hadapan.

Pada tahun 2024, Ekuinas memasuki fasa baharu yang kritikal. Tahun ini menyaksikan **pelancaran inisiatif kredit persendirian** yang melihat Ekuinas menjangkau **modal persendirian** tradisional ke platform yang lebih luas, mencatat suatu evolusi yang direka khas untuk mempertingkatkan sokongan kami untuk syarikat berpotensi tinggi di Malaysia, melalui penyelesaian modal alternatif. Peralihan ini meningkatkan keupayaan kami memacu inovasi, pertumbuhan, dan daya tahan usahawan Bumiputera dan perniagaan-perniagaan yang kurang mendapat perhatian.

Satu lagi evolusi penting ialah **peralihan pemilikan kami**. Di ambang 2025, Ekuinas mula beroperasi di bawah **Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB)**, bersama institusi pelaburan berkaitan kerajaan lain. Penjajaran strategik ini bertujuan menyelaras semula sokongan dan menjajar impak yang lebih bermakna dalam memacu penyertaan ekonomi Bumiputera serta objektif pembangunan negara. Suatu lagi evolusi yang bermakna ialah **peralihan kepimpinan** di mana **Dato’ Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas**, menyerahkan tampuk kepimpinan kepada **Aliff Omar Mohamad Omar** berkuatkuasa 31 Mac 2025, sebagai sebahagian daripada pelan penggantian teratur. Peralihan kepimpinan ini merupakan detik penghargaan dan peneguhan semula komitmen Ekuinas terhadap kesinambungan, kecemerlangan, dan impak jangka panjang.

Kami sedang **melakar babak seterusnya** dengan penuh keyakinan—berpandukan legasi, didorong oleh visi, dan diperkukuhkan oleh tujuan dan mandat. Laporan ini dan temanya mencerminkan lebih daripada kesinambungan—ia adalah **satu permulaan baharu** yang berakar umbi kepada transformasi yang berwawasan. Apabila lembaran baharu dibuka, misi kami tetap utuh: menjadi pemangkin kepada pertumbuhan mampan, kemajuan inklusif, dan penciptaan nilai yang bermakna dalam ekosistem modal persendirian Malaysia yang terus berkembang.

Isi Kandungan Laporan Ini

1

Menerokai Kisah Kami: Kenali Ekuinas

- 6** Mengenai Kami
- 7** Visi, Misi dan Nilai-Nilai Kami
- 8** Struktur Korporat
- 9** Maklumat Korporat
- 10** Struktur Organisasi
- 11** Pelaburan Kami Sekilas Pandang

2

Para Penulis Naratif Kami: Kenali Barisan Kepimpinan Ekuinas

- 14** Lembaga Pengarah
- 16** Profil Lembaga Pengarah
- 24** Pengurusan Kanan
- 26** Profil Pengurusan Kanan

3

Membuka Lembaran 2024: Ulasan Kisah Ekuinas Sepanjang Tahun

- 32** Tahun 2024 Sekilas Pandang
- 34** Sorotan Kewangan Utama 2024
- 38** Sorotan Kewangan 5 Tahun
- 40** Berita-berita Utama yang Melakarkan Perjalanan Kami di Tahun 2024
- 42** Perutusan Bersama Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif
- 54** Mengakhiri Suatu Lembaran yang Bermakna
Refleksi dan Pesanan daripada Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif, Ekuinas (meletak jawatan pada 31 Mac 2025)
- 56** Membuka Lembaran yang Baharu
Kata Alu-aluan daripada Aliff Omar Mohamad Omar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ekuinas (dilantik pada 23 Mei 2025)



4

Merangka Kemajuan: Prestasi Kami pada Tahun 2024

- 60** Laporan Prestasi Pelaburan
- 92** Laporan Portfolio
- 92** Dana Ekuinas Direct (Tranche II)
- 94** Dana Ekuinas Direct (Tranche III)
- 96** Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)
- 97** Dana Asas Ekuinas
- 98** Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)
- 99** Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)
- 100** Nota kepada Laporan Portfolio

5


Merancang Masa Depan Lestari: Keutamaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

- 104** Menempa Kemajuan Dalam Komitmen Kelestarian
 - Kerangka ESG Ekuinas
 - Sasaran & Kemajuan ESG 2024
 - Laporan Kemajuan ESG Syarikat-Syarikat Portfolio
- 110** Alam Sekitar
- 112** Sosial: ILTIZAM oleh Ekuinas
 - ILTIZAM untuk Keusahawanan
 - ILTIZAM untuk Pendidikan
 - ILTIZAM untuk Komuniti
 - Skim Zakat Wakalah
- 128** Penyata Tadbir Urus Korporat
 - Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko
 - Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman



Menerokai Kisah Kami: Kenali Ekuinas

Mengenai Kami	6
Visi, Misi dan Nilai-Nilai Kami	7
Struktur Korporat	8
Maklumat Korporat	9
Struktur Organisasi	10
Pelaburan Kami Sekilas Pandang	11



Mengenai Kami

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah **syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian (PE)** yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 untuk **menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi secara saksama dan mampan**, menerusi pembentukan syarikat-syarikat peneraju generasi baharu di Malaysia, berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus.

Dari tahun 2009 sehingga 2019, Ekuinas telah menerima peruntukkan dana daripada Kerajaan berjumlah RM4.0 bilion dalam bentuk geran yang dipegang secara amanah oleh Yayasan Ekuiti Nasional (YEN), sebuah yayasan amanah ditubuh khusus dengan mandat untuk meningkatkan dan mengembangkan ekuiti Bumiputera.

Susulan langkah Kerajaan untuk menyatukan institusi pelaburan tertumpu Bumiputera, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2024, pemilikan Ekuinas dipindahkan kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) berkuatkuasa 1 Januari 2025.

Pada tahun 2024, Ekuinas telah mempelbagaikan kelas asetnya dengan pengenalan Kredit Persendirian, sebagai langkah memperluaskan sokongannya kepada perniagaan pasaran pertengahan tempatan melalui penyelesaian modal yang fleksibel dan disesuaikan, berlandaskan prinsip Syariah.


Ekuinas meneruskan legasinya sebagai firma modal persendirian dan berusaha untuk mencapai misinya untuk menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi secara saksama dan mampan serta memfokuskan kepada objektif kewangan dan objektif sosial.

BAGAIMANAKAH EKUINAS BEROPERASI?

Model Ekuiti Persendirian:



Model Kredit Persendirian



OBJEKTIF UTAMA



Objektif Kewangan

Meningkatkan penciptaan kekayaan Bumiputera



Objektif Sosial

Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam empat (4) dimensi:

- Pemilikan ekuiti
- Pengurusan
- Pekerjaan
- Penciptaan nilai dalam rantai bekalan

KAEDAH PELABURAN

Perlaburan Langsung:
Pelaburan yang dilakukan secara langsung oleh Ekuinas condong ke arah pembelian keluar dan pegangan kawalan atau majoriti, pegangan minoriti dan modal penumbuhan strategik untuk syarikat yang lebih kecil.

Program Penyumberan Luar:
Pelaburan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik sebagai Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) bagi pihak Ekuinas, berfokus kepada peruntukan modal pertumbuhan. Menerusi platform ini juga, Ekuinas menyumbang ke arah Pembangunan industri PE Malaysia.

Pinjaman Langsung:
Penyediaan kredit persendirian dengan syarat pembiayaan yang fleksibel dan disesuaikan untuk menyokong keperluan syarikat pasaran pertengahan di Malaysia dengan lebih baik.

VISI KAMI

Untuk menjadi syarikat **pengurusan dana modal persendirian bertaraf dunia.**



MISI KAMI

Untuk melahirkan **generasi syarikat peneraju Malaysia yang baharu**, di samping menggalakkan **penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi secara saksama dan mampan** berlandaskan prinsip-prinsip mesra pasaran, merit dan ketelusan.



NILAI-NILAI KAMI



DIDORONG SECARA KOMERSIAL

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai.



BERDASARKAN MERIT

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran berdasarkan merit.



FOKUS

Kami sentiasa fokus terhadap pencapaian objektif kami.



PRESTASI TINGGI

Kami sentiasa berusaha untuk menjangkau sasaran.



BERSEMANGAT


Kami menjalankan tugas dengan penuh semangat dan berusaha mencapai lebih daripada yang diharapkan.



RENDAH DIRI

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami dan sedar bahawa kami berkhidmat untuk matlamat yang lebih besar.

Struktur Korporat



* Telah direalisasikan sepenuhnya

Tarikh Penubuhan: 23 April 2024

^ Sedang menjalani proses pembubaran

Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

TAN SRI SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

Pengerusi, Bukan Eksekutif

DATUK ALI ABDUL KADIR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Meletak jawatan pada 30 Jun 2024)

DATO' ABDUL HAMID SHEIKH MOHAMED

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

DATUK MAIMOONAH HUSSAIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

DATO' ABDUL MUTALIB ALIAS

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

DATO' NOR AZMIE DIRON

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

DATO' RIZAL RICKMAN RAMLI

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik pada 19 Disember 2024)

DATO' SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)

JAWATANKUASA LEMBAGA

Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko

- ▶ Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed
Pengerusi
- ▶ Datuk Ali Abdul Kadir
(Meletak jawatan pada 30 Jun 2024)
- ▶ Dato' Abdul Mutalib Alias
- ▶ Datuk Maimoonah Hussain
(Dilantik pada 30 Jun 2024)

Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran

- ▶ Datuk Maimoonah Hussain
Pengerusi
- ▶ Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed
- ▶ Dato' Abdul Mutalib Alias

Jawatankuasa Pelaburan

- ▶ Datuk Ali Abdul Kadir
Pengerusi
(Meletak jawatan pada 30 Jun 2024)
- ▶ Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed
Pengerusi
(Dilantik pada 30 Jun 2024)
- ▶ Datuk Maimoonah Hussain
- ▶ Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)
- ▶ Heng Khim Hui
- ▶ Ahmad Hilmy Abd Jalil
- ▶ Aliff Omar Mohamad Omar
- ▶ Zain Azmir Zain Azahari

Jawatankuasa Kredit Persendirian

- ▶ Datuk Maimoonah Hussain
Pengerusi
- ▶ Dato' Abdul Mutalib Alias
- ▶ Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)
- ▶ Phua Pao Ann

Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

- ▶ Dato' Abdul Mutalib Alias
Pengerusi
- ▶ Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)
- ▶ Hizwani Hassan
- ▶ Fazlin Abu Hassan Shaari

JAWATANKUASA PENGURUSAN KANAN

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif

(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)

Roselinda Hashim
Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat
(Meletak jawatan pada 31 Januari 2025)

Heng Khim Hui
Pengarah Kanan, Pengurusan & Pemantauan Portfolio

Aliff Omar Mohamad Omar
Pengarah Kanan, Pelaburan

Ahmad Hilmy Abd Jalil
Pengarah Kanan, Pelaburan

Zain Azmir Zain Azahari
Pengarah Kanan, Pelaburan

Phua Pao Ann
Pengarah Kanan, Kredit Swasta

Sharifah Noralina Yassin
Ketua Sumber Manusia

Fazlin Abu Hassan Shaari
Ketua Pegawai Kewangan

SETIAUSAHA SYARIKAT

Alwizah Al-Yafii Ahmad Kamal
(MAICSA 7033148)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT
Akauntan Bertauliah

BANK-BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
Affin Bank Berhad


ALAMAT BERDAFTAR

AKAL Corporate Advisors Sdn. Bhd.
43-2, Plaza Damansara
Jalan Medan Setia 1
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
W. P. Kuala Lumpur


ALAMAT PEJABAT

Ekuiti Nasional Berhad
200901025164 (868265-U)
Aras 16, Surian Tower
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiar Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

Struktur Organisasi




Pelaburan Kami Sekilas Pandang



2

Para Penulis Naratif Kami: Kenali Barisan Kepimpinan Ekuinas

Lembaga Pengarah	14
Profil Lembaga Pengarah	16
Pengurusan Kanan	24
Profil Pengurusan Kanan	26





Lembaga Pengarah



Berdiri dari kiri ke kanan:

Dato' Rizal Rickman Ramli, Datuk Ali Abdul Kadir, Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed, Datuk Maimoonah Hussain, Dato' Abdul Mutalib Alias dan Dato' Nor Azmie Diron.

Duduk dari kiri ke kanan:

Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan dan Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir.

Profil Lembaga Pengarah



TAN SRI SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

 Kewarganegaraan: Malaysia

 Tarikh Pelantikan:

- 1 Oktober 2022 (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- 18 Julai 2023 (Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif)

• **Kelayakan/Keahlian/Anugerah**

- Ijazah Sarjana Seni, Cambridge University
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Sivil, Oxford University
- Dipanggil ke Badan Peguam Malaysia dan *Bar of England and Wales*

• **Jawatan Semasa**

- Pengerusi, Kumpulan Axiata
- Pengerusi, Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Right Sentiments Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Kuantan Agrofood Park Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Kuala Lumpur Kepong Berhad
- Ahli Lembaga, CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd
- Ahli Lembaga Standard Chartered Bank Malaysia Berhad

• **Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan**

- Pengarah Urusan, Khazanah Nasional Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan), KWSP
- Pengarah Urusan, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)
- Pengurusan Danaharta Nasional
- Pembantu Tadbir Undang-Undang, Zain & Co

**DATO' SYED YASIR ARAFAT
SYED ABD KADIR**
Ketua Pegawai Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 1 Mac 2016
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)

➤ **Kelayakan/Keahlian/Anugerah**

- Ijazah Sarjana Muda (dengan Kepujian) dalam Perakaunan dan Pengurusan Kewangan, University of Essex, United Kingdom
- Felo di Chartered Institute of Management (FCMA)
- Ahli, Chartered Global Management Accountant (CGMA)

➤ **Jawatan Semasa**

- Pengerusi, Orkim Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Icon Offshore Berhad
- Ahli Lembaga, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Revenue Valley Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Medispec (M) Sdn Bhd

➤ **Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan**

- Pengurus Negara, Perbankan Borong ING
- Timbalan Presiden, Kewangan Korporat, ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd
- United Overseas Bank (Malaysia) Berhad
- Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Commerce International Merchant Bankers Berhad
- Aseambankers Malaysia Berhad

Profil Lembaga Pengarah



DATUK ALI ABDUL KADIR
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

 Kewarganegaraan: Malaysia

 Tarikh Pelantikan: 10 Januari 2015
Tarikh Peletakan Jawatan: 30 Jun 2024

- Pengerusi, Jawatankuasa Pelaburan (IC)
(Meletak Jawatan pada 30 Jun 2024)
- Ahli, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)
(Meletak jawatan pada 30 Jun 2024)

• Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Felo, Institut Akauntan Bertauliah di England & Wales (ICAEW)
- Ahli, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Felo Kehormat, Institute of Chartered Secretaries & Administrators (UK)
- Felo Kehormat, Institut Pengarah-Pengarah Malaysia
- Penasihat Kehormat kepada ICAEW-Malaysian Chapter (2000-2021)
- Anugerah 'Lifetime Achievement Award' oleh ICAEW Malaysian Chapter (2012)
- Anugerah 'The President's Award' oleh MICPA (2012)

• Jawatan Semasa

- Pengerusi, JobNext Berhad
- Pengerusi, Enra Group Berhad
- Pengerusi, Amanah Lestari Alam
- Presiden, Persatuan Makanan Ehsan

• Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengerusi, Pusat Pemuliharaan dan Penyelidikan Hutan Hujan Tropika
- Pengerusi, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli, Lembaga Eksekutif dan Pengerusi (Asia Pasifik), Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO)
- Pengerusi, Yayasan Pelaporan Kewangan
- Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi, Ernst & Young
- Presiden, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

DATO' ABDUL HAMID SHEIKH MOHAMED
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 6 Januari 2020

- Pengerusi, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)
- Pengerusi, Jawatankuasa Pelaburan (IC)
(Dilantik pada 30 Jun 2024)
- Ahli, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

❶ **Kelayakan/Keahlian/Anugerah**

- Felo di Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA)

❷ **Jawatan Semasa**

- Pengarah Eksekutif, Symphony House Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, MMC Corporation Berhad
- Ahli Lembaga, Maybank Investment Bank Berhad
- Ahli Lembaga, Maybank International Holdings Sdn Bhd
- Komisaris, PT Maybank Sekuritas Indonesia
- Ahli Lembaga, OM Holdings Limited

❸ **Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan**

- Ketua Pegawai Kewangan, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad
- Pengurus Kanan, Perancangan Korporat, Kumpulan Amanah Capital Malaysia Berhad
- Pengurus, Perbankan Korporat, Bumiputra Merchant Bankers Berhad
- Akauntan, Tetuan Lim, Ali & Co./Arthur Young, kini dikenali sebagai Ernst & Young

Profil Lembaga Pengarah



DATUK MAIMOONAH HUSSAIN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Kewarganegaraan: Singapura

Tarikh Pelantikan: 1 Mei 2022

- Pengerusi, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)
- Pengerusi, Jawatankuasa Kredit Persendirian (PCC)
(Dilantik pada 12 September 2024)
- Ahli, Jawatankuasa Pelaburan (IC)
- Ahli, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)
(Dilantik pada 30 Jun 2024)

➤ **Kelayakan/Keahlian/Anugerah**

- Sarjana Muda Perakaunan, National University of Singapore
- Jurubank Bertauliah
- Anugerah Perniagaan Singapura untuk Eksekutif Cemerlang Luar Negara (2015)
- Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Asia Terbaik dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia berorientasi Sumber Manusia oleh World HRD Congress (2019)

➤ **Jawatan Semasa**

- Ahli Lembaga, National Gallery Singapore
- Ahli Lembaga, GXBank Berhad
- Ahli Lembaga, Hong Leong Asia Ltd
- Ahli Lembaga, Singapore Exchange Limited
- Ahli Lembaga, UMobile Holdings Bhd
- Ahli, Majlis Kepelbagaian Lembaga, Singapura

➤ **Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan**

- Pengarah Urusan Kumpulan, Affin Hwang Capital
- Pengarah Urusan, Affin Investment Bank
- Ahli Lembaga, Affin Hwang Asset Management
- Pengarah, Hutang dan Pasaran Modal, Affin Bank Berhad
- Pengarah, Ketua Bahagian Sindikasi Asia Tenggara, Standard Chartered Bank
- Pengarah, Kewangan Berstruktur & Penasihat Projek, Pasaran Asia Tenggara, Morgan Grenfell (Asia) Ltd

20

Laporan Tahunan 2024

EKUITI NASIONAL BERHAD

DATO' ABDUL MUTALIB ALIAS

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 1 Mei 2022

- Pengerusi, Jawatankuasa CSR (CSRC)
- Ahli, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)
- Ahli, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)
- Ahli, Jawatankuasa Kredit Persendirian (PCC)



➤ Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Governors State University, Illinois, USA
- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan, Northern Illinois University, DeKalb, Illinois, USA.

➤ Jawatan Semasa

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, AirAsia X Berhad
- Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif, Icon Offshore Berhad (Sehingga 30 Mei 2024)
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Prolintas Infra Business Trust Berhad, dahulu dikenali sebagai Prolintas Managers Berhad.

➤ Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif, Bintulu Port Holdings Berhad
- Ahli Lembaga, Kumpulan Bank Rakyat
- Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Perbadanan, Perbadanan PRIMA Malaysia
- Pegawai Khas/Setiausaha Politik, Kerajaan Malaysia
 - Kementerian Kerja Raya
 - Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi
 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
 - Kementerian Kewangan
- Ahli Majlis, Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Naib Presiden, Perbankan Pelaburan, The Chase Manhattan Bank

Profil Lembaga Pengarah



DATO' NOR AZMIE DIRON
Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif

 Kewarganegaraan: Malaysia

 Tarikh Pelantikan: 13 Januari 2023

► **Kelayakan/Keahlian/Anugerah**

- Sarjana Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya (UM)
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

► **Jawatan Semasa**

- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Malaysia
- Ahli Majlis, Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Ahli Lembaga, Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)
- Ahli Lembaga, Regional Corridor Development Authority, Sarawak (RECODA)
- Ahli Majlis, East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)
- Ahli Autoriti, Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
- Ahli Lembaga, Johor Corporation (JCorp)
- Ahli Lembaga, Perbadanan Putrajaya
- Ahli Lembaga, Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)
- Pemegang Amanah, TERAJU Bumiputera Corporation
- Pemegang Amanah, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YP)
- Lembaga Pengarah, Malaysia Aviation Commission (MAVCOM)

► **Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan**

- Timbalan Ketua Pengarah (Makro), Kementerian Ekonomi, dahulunya dikenali sebagai Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Setiausaha Kerajaan Negeri, Selangor
- Pengerusi, Kumpulan Perangsang Selangor
- Pengerusi, Worldwide Holdings Berhad
- Ahli Lembaga, Selangor State Development Corporation (PKNS)
- Ahli Lembaga, Air Selangor
- Ahli Lembaga, Invest Selangor
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Selangor
- Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Selangor
- Timbalan Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri (Makro & Penswastaan), Selangor
- Pegawai Kewangan Negeri, Selangor
- Ketua Penolong Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri
- Penolong Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan
- Penolong Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar

DATO' RIZAL RICKMAN RAMLI
Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif



Kewarganegaraan: Malaysia



Tarikh Pelantikan: 19 Disember 2024

➤ **Kelayakan/Keahlian/Anugerah**

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Kellogg School of Management, Northwestern University, USA
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (BA), University of Chicago, USA

➤ **Jawatan Semasa**

- Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad (PNB)
- Pengerusi, Sime Darby Property

➤ **Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan**

- Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Persendirian dan Strategik, PNB
- Rakan Kongsi & Pengarah Urusan dan Ketua Daerah Malaysia, The Boston Consulting Group

Pengurusan

Kanan





Berdiri dari kiri ke kanan:

Phua Pao Ann, Nina Yassin, Roselinda Hashim, Aliff Omar Mohamad Omar, Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ahmad Hilmy Abd Jalil, Zain Azmir Zain Azahari, Heng Khim Hui dan Fazlin Abu Hassan Shaari

Profil Pengurusan Kanan



DATO' SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh Mula Berkhidmat:

1 November 2009

(Tarikh Peletakan Jawatan: 31 Mac 2025)

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ahli Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Kredit Persendirian dan Jawatankuasa CSR Ekuinas. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 Mac 2016.

Profil dipaparkan pada halaman 17



ROSELINDA HASHIM

Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat

Tarikh Mula Berkhidmat:

1 Oktober 2009

(Tarikh Peletakan Jawatan: 31 Januari 2025)

Roselinda Hashim merupakan Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat di mana beliau mengetuai Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan serta Jabatan Komunikasi di Ekuinas. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Sebelum menyertai Ekuinas, Roselinda merupakan Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Perundangan & Kesetiausahaan di Media Prima Berhad selama lima tahun. Terlebih dahulu, beliau merupakan Rakan Kongsi di Raslan Loong dan memfokuskan kepada penggabungan dan pengambilalihan (M&A), usaha sama, pengaturan semula korporat dan aspek-aspek lain undang-undang komersil dan korporat Malaysia. Roselinda berkecimpung di dalam hal ehwal perundangan sejak 1996 dan memulakan kariernya di Shearn Delamore & Co.

Roselinda menamatkan pengajian di School of Oriental & African Studies (SOAS), University of London dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB, Hons) serta Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM). Beliau dipanggil ke *Bar of England and Wales*, United Kingdom pada tahun 1994 dan *Malaysian Bar* pada tahun 1996. Roselinda menerima lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat pada tahun 2005.



HENG KHIM HUI

Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio

Tarikh Mula Berkhidmat:

18 November 2013

Khim Hui adalah Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan. Beliau bekerjasama dengan para CEO dan pengurusan kanan syarikat portfolio untuk memacu pertumbuhan dan penciptaan nilai menerusi inisiatif-inisiatif strategik termasuk jualan dan pemasaran, operasi, pendigitalan dan teknologi. Khim Hui mempunyai pengalaman luas dalam portfolio peruncitan, perkilangan, penjagaan kesihatan dan teknologi.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau berkhidmat di Boston Consulting Group di mana beliau menasihati dan bekerjasama dengan Syarikat Multinasional (MNC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di rantau Asia Tenggara dalam bidang strategi kemasukan pasaran, strategi pertumbuhan, M&A dan transformasi operasi. Sebelum itu, beliau berkhidmat di Kearney (dahulu dikenali sebagai A.T Kearney) dan Accenture. Beliau mempunyai 14 tahun pengalaman perundingan pengurusan dalam sektor perkhidmatan kewangan, minyak dan gas dan juga telekomunikasi.

Khim Hui menamatkan pengajian di Imperial College di London dengan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan dan mempunyai Ijazah Sarjana Sains dari Stanford University, kedua-duanya dalam Kejuruteraan Mekanikal. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (MBA) dari INSEAD.

Profil Pengurusan Kanan



ALIFF OMAR MOHAMAD OMAR

Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh Mula Berkhidmat:

10 Julai 2017

Aliff Omar adalah Pengarah Kanan Pelaburan. Beliau menyertai Ekuinas sebagai Pengarah Pelaburan pada Julai 2017, meliputi sektor tenaga dan pengguna. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Aliff mempunyai lebih daripada 16 tahun pengalaman dalam bidang khidmat nasihat korporat dan urus niaga. Sebelum menyertai Ekuinas, Aliff berkhidmat sebagai Pengarah, Perbankan Pelaburan di UBS AG. Beliau mengetuai beberapa urus niaga penggabungan dan pengambilalihan (M&A) dan pasaran modal di Malaysia dan Asia Tenggara, menasihati korporat dalam sektor tenaga, kewangan, infrastruktur & utiliti dan hartanah. Sebelum UBS, Aliff menganggotai pasukan M&A di CIMB Investment Bank dan Bahagian Perbankan Pelaburan di Maybank Investment Bank.

Aliff telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan dan Sains Pengurusan Industri (Cum Laude) dengan pengkhususan kedua dalam Ekonomi dari Northwestern University, serta Ijazah Sarjana Falsafah dalam Kewangan dari University of Cambridge.



AHMAD HILMY ABD JALIL

Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh Mula Berkhidmat:

6 Januari 2020

Ahmad Hilmy Abd Jalil merupakan Pengarah Kanan Pelaburan dan juga ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Hilmy mempunyai 16 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan di rantau Asia Tenggara, sebagai pemimpin kanan dengan Deutsche Bank yang berpusat di Singapura dan sebelumnya dengan UBS Investment Bank. Beliau telah memimpin urusan M&A, urus niaga ekuiti dan hutang untuk pelanggan di Malaysia, Singapura dan Indonesia dalam pelbagai industri termasuk penjagaan kesihatan dan pengguna, telekomunikasi & media, industri dan infrastruktur & utiliti. Sebelum menyertai industri perbankan, Hilmy berkhidmat di Symphony House dan PwC Corporate Advisory.

Beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam bidang Perakaunan dan Kewangan dari University of Melbourne dan Ijazah Sarjana Perdagangan (Kewangan Lanjutan) dari University of New South Wales dan merupakan penganalisa kewangan bertauliah atau Chartered Financial Analyst (CFA)



ZAIN AZMIR ZAIN AZAHARI

Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh Mula Berkhidmat:

15 Jun 2022

Azmir Zain merupakan Pengarah Kanan Pelaburan, beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Sebelum menyertai Ekuinas, Azmir berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi di Suruhanjaya Penerbangan Malaysia dan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan pelaburan, pengawalseliaan ekonomi, perancangan korporat dan M&A, terutamanya dalam industri yang terkawalselia, di dalam pasaran domestik dan antarabangsa.

Azmir memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari University of Oxford dan Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari INSEAD. Beliau juga merupakan Felo di Institute of Chartered Accountants in England & Wales (ICAEW) dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).



PHUA PAO ANN

Pengarah Kanan, Kredit Persendirian

Tarikh Mula Berkhidmat:
2 Mei 2024

Phua Pao Ann ialah Pengarah Kanan, Kredit Persendirian. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kredit Persendirian (PCC) dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Pao Ann mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam industri kewangan. Sebelum menyertai Ekuinas, beliau bekerja di CIMB di mana beliau terlibat dalam perbankan korporat, perbankan pelaburan dan pasaran ekuiti. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai peguam korporat bersama dua firma guaman Amerika Syarikat – Shearman & Sterling LLP dan Cleary, Gottlieb, Steen & Hamilton – di New York, Hong Kong dan Singapura.

Pao Ann memegang Ijazah Sarjana Sastera dalam Undang-undang dari Universiti Cambridge, dan Ijazah Sarjana Undang-undang (LL.M.) dari Harvard Law School.



SHARIFAH NORALINA YASSIN

Ketua Pegawai Sumber Manusia

Tarikh Mula Berkhidmat:
3 September 2012

Sharifah Noralina (Nina) merupakan Ketua Pegawai Sumber Manusia, yang bertanggungjawab untuk pengurusan Sumber Manusia, Pentadbiran dan fungsi Sistem Maklumat Pengurusan (MIS) bagi Ekuinas. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan. Nina bertanggungjawab untuk strategi sumber manusia dan pelaksanaannya di semua syarikat Portfolio Ekuinas. Beliau bekerjasama rapat dengan para CEO dan Ketua Sumber Manusia syarikat portfolio dan juga dengan pasukan Pelaburan dan pasukan Pemantauan & Pengurusan Portfolio untuk memastikan semua inisiatif berhubung sumber manusia selaras dengan pelan penciptaan nilai bagi setiap syarikat.

Sebelum menyertai Ekuinas, Nina bertugas sebagai Pengarah Sumber Manusia di Dutch Lady Malaysia & Singapura. Sebelum menyertai dunia sumber manusia korporat, Nina mempunyai pengalaman lebih sembilan (9) tahun sebagai perunding di Accenture, Aon dan Willis Towers Watson di mana beliau memberi khidmat nasihat kepada syarikat multinasional syarikat berkaitan Kerajaan, syarikat pelaburan dan agensi Kerajaan lain.

Nina memegang Ijazah Sarjana Muda Seni dalam Organisasi dan Psikologi dari University of Michigan, Ann Arbor.



FAZLIN ABU HASSAN SHAARI

Ketua Pegawai Kewangan

Tarikh Mula Berkhidmat:
27 September 2021

Fazlin merupakan Ketua Pegawai Kewangan (CFO). Beliau adalah seorang akauntan yang bertauliah dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang strategi & pelaburan, kewangan korporat & operasi, perhubungan pelabur dan pengurusan am.

Sebelum menyertai Ekuinas, Fazlin berkhidmat dengan PricewaterhouseCoopers, CIMB Investment Bank, Media Prima Berhad dan Tune Group. Beliau juga pernah berperanan sebagai penasihat dalam projek pengumpulan dana, penstrukturan semula hutang, pengurangan kos dan penyusunan semula korporat.

Fazlin memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dengan Kepujian dari Nottingham University dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Perakaunan & Kewangan dari Warwick University. Beliau juga seorang ahli Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

3

Membuka Lembaran 2024: Ulasan Kisah Ekuinas Sepanjang Tahun

Tahun 2024 Sekilas Pandang 32

Sorotan Kewangan Utama 2024 34

Sorotan Kewangan 5 Tahun 38

Berita-berita Utama yang Melakarkan
Perjalanan Kami di Tahun 2024 40


Perutusan Bersama Pengerusi &
Ketua Pegawai Eksekutif 42

Mengakhiri Suatu Lembaran
yang Bermakna 54

Refleksi dan pesanan daripada Dato' Syed Yasir Arafat
Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif, Ekuinas
(meletak jawatan pada 31 Mac 2025)

Membuka Lembaran yang Baharu 56

Kata Alu-aluan daripada Aliff Omar Mohamad Omar,
Ketua Pegawai Eksekutif, Ekuinas
(dilantik pada 23 Mei 2025)



Tahun 2024 Sekilas Pandang



PRESTASI PELABURAN

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)

PULANGAN KASAR
PORTFOLIO

RM925.4 JUTA

IRR KASAR

12.0% SETAHUN

IRR BERSIH

9.0% SETAHUN

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)

PULANGAN KASAR
PORTFOLIO

RM88.3 JUTA

IRR KASAR

1.6% SETAHUN

IRR BERSIH

-2.5% SETAHUN

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV)

PULANGAN KASAR
PORTFOLIO

RM163.4 JUTA

IRR KASAR

38.9% SETAHUN

IRR BERSIH

6.5% SETAHUN

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I)

PULANGAN KASAR
PORTFOLIO

RM76.2 JUTA

IRR KASAR

3.8% SETAHUN

IRR BERSIH

3.1% SETAHUN

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II)

KERUGIAN KASAR
PORTFOLIO

RM(35.0) JUTA

IRR KASAR

-6.9% SETAHUN

IRR BERSIH

-8.0% SETAHUN

JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN



JUMLAH BILANGAN SYARIKAT
– PELABURAN LANGSUNG DAN
PENYUMBERAN LUAR

47

JUMLAH PELABURAN
KOMITED OLEH EKUINAS

RM4.9 BILION

PELABURAN LANGSUNG

29

JUMLAH MODAL EKONOMI
DIKELUARKAN, BERSAMA
DENGAN RAKAN SEKTOR
SWASTA

RM5.6 BILION

PROGRAM
PENYUMBERAN LUAR

18

PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

- GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

EKUITI BUMIPUTERA
DICIPTA

RM6.9 BILION

1.6x modal dilaburkan

PENINGKATAN PENGURUSAN
BUMIPUTERA SEJAK KEMASUKAN
EKUINAS

28.4%

JUMLAH NILAI PEMEGANG
SAHAM DICIPTA

RM8.8 BILION

2.0x modal dilaburkan

PERTAMBAHAN PEKERJA
BUMIPUTERA SEJAK
KEMASUKAN EKUINAS

13.2%



SYARIKAT PENGURUSAN DANA



JUMLAH DANA DI BAWAH
PENGURUSAN (FuM)

RM5.0 BILION

PERBELANJAAN
OPERASI (OPEX)

RM53.0 JUTA

NISBAH OPEX
KEPADA FuM

1.1%

KEUNTUNGAN SELEPAS
CUKAI DAN ZAKAT

RM2.5 JUTA

Sorotan Kewangan Utama 2024

1. PERGERAKAN DANA DARIPADA/KEPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)

	2024 RM juta	2023 RM juta
Dana diterima daripada YEN pada tahun ini	–	–
Dana kumulatif diterima daripada YEN	4,000.0	4,000.0
Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini	–	–
Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN	320.0	320.0

2. DANA-DANA YANG DITUBUHKAN

	Tahun ditubuhkan	Saiz Dana RM juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
Dana Ekuinas Direct (Tranche I)	2010	1,000.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5+2+1 tahun	Terealisasi sepenuhnya
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	2012	1,000.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5+2+1.5+2+2+1 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	2014	1,500.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5+1+2+4 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	2019	1,000.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5+4 tahun	Sedang Dilaburkan
Dana Ekuinas Dana Asas	2023	100.0	Modal Pertumbuhan	8+2 tahun	Sedang Dilaburkan
Dana Ekuinas Private Credit	2024	800.0	Pinjaman Langsung	5+2 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6+1+1+1+1+1+1+1+1 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7+1+1+1+1+1 tahun	Telah Dilaburkan

3. JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2024 RM juta	2023 RM juta
Pelaburan Langsung	4,400.0	3,600.0
Penyumberan Luar	640.0	640.0
	5,040.0	4,240.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian	5,302.0	4,502.0

4. RINGKASAN PRESTASI DANA

a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Kumulatif

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited Dilaksanakan RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
2024			
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi	11	1,258.2	1,380.3
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	16	1,074.9	1,074.9
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	22	1,717.1	1,717.1
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	3	465.5	465.5
Dana Ekuinas Private Credit	1	36.9	36.9
Dana Ekuinas Dana Asas	2	56.5	56.5
Jumlah – Pelaburan Langsung	55	4,609.1	4,731.2
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	15	264.0	708.4
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	8	75.6	140.6
Jumlah – Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar	78	4,948.7	5,580.2
2023			
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi	11	1,258.2	1,380.3
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	16	1,074.9	1,074.9
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	22	1,701.8	1,701.8
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	1	69.6	69.6
Dana Ekuinas Dana Asas	1	19.5	19.5
Jumlah – Pelaburan Langsung	51	4,124.0	4,246.1
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	15	264.0	708.4
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	8	75.6	140.6
Jumlah – Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar	74	4,463.6	5,095.1

Sorotan Kewangan Utama 2024

4. Ringkasan Prestasi Dana (sambungan)

b. Ringkasan Aktiviti Terealisasi Kumulatif

	Jumlah Bilangan Terealisasi	Jumlah Amaun Terealisasi RM juta
2024		
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi	11	1,624.4
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	11	901.1
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	11	1,162.3*
Jumlah	33	3,687.8
2023		
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi	11	1,624.4
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	11	901.1
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	7	838.6*
Jumlah	29	3,364.1

* Sebelum penyelesaian hutang

c. Ringkasan Prestasi Kewangan Kumulatif

	Pulangan/ (Kerugian) Kasar Portfolio RM juta	Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Langsung			
2024			
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	925.4	12.0%	9.0%
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	88.3	1.6%	-2.5%
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	163.4	38.9%	6.5%
2023			
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	765.4	11.5%	8.3%
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	(29.0)	-0.6%	-5.1%
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	83.0	43.0%	-2.4%

4. Ringkasan Prestasi Dana (sambungan)

c. Ringkasan Aktiviti Terealisasi Kumulatif (sambungan)

	Pulangan/ (Kerugian) Kasar Portfolio RM juta	Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Penyumberan Luar			
2024			
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	76.2	3.8%	3.1%
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	(35.0)	-6.9%	-8.0%
2023			
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	81.0	4.1%	3.3%
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	(17.7)	-3.1%	-4.1%

d. Prestasi Objektif Sosial – Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar


	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan
2024	6,924.0	1.6x	8,800.3	2.0x
2023	6,447.6	1.6x	8,088.9	2.1x

5. Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)


	2024 RM juta	2023 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	5,040.0	4,240.0
Perbelanjaan Operasi (OPEX)	53.0	41.3
Nisbah OPEX kepada FuM	1.1%	1.0%
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat (PAT)	2.5	3.9

Sorotan Kewangan 5 Tahun


JUMLAH DANA DITERIMA




JUMLAH BILANGAN DAN NILAI PELABURAN KOMITED




JUMLAH MODAL EKONOMI DIKELUARKAN




PELABURAN LANGSUNG – JUMLAH NILAI TEREALISASI DAN BILANGAN PELUPUSAN




PRESTASI DANA – DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)




PRESTASI DANA – DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)



JUMLAH EKUITI BUMIPUTERA DAN NILAI PEMEGANG SAHAM LAIN YANG DICIPTA



JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FUM) DAN NISBAH FUM KEPADA PERBELANJAAN OPERASI (OPEX)



A strong 2024 for Ekuinas driven by active dealmaking

KUALA LUMPUR: Ekuinas Nasional Bhd (Ekuinas) is seeing its strategic investment and divestment efforts set in motion during a challenging 2023 come to fruition in H124. Mizuho Holdings Sdn Bhd (Mizuho) marks the second investment from the RM100 million Dana Asas Fund launched in March 2023 aimed at catalysing the growth of mid-market, high-growth bumiputera companies. In announcing its financial results for the financial year 2023, Ekuinas CEO Datuk Syed Yusaf Arif Syed Abd Kadir said, "2023 was a trying year due to the geopolitical and macroeconomic impact which left its mark on local and global economies. We divested 50.2% of our stake in Icon Offshore Bhd in March, deployed capital from our Tranche B Fund with an RPO, acquisitions

in Symbiotica in April and committed 52% of the capital for Dana Asas, with our second investment from the fund in Mizuho earlier this month." For the year ending Dec 31, 2023, Ekuinas' Cumulative Committed Direct Investment reached RM4.1 billion. The overall year-on-year revenue growth for the portfolio companies was 7%, Eazbytes and Medscape achieved impressive revenue growth of 22.5% and 15.4%, respectively. Although the overall ebbs for portfolio companies contacted by 7%, Orkim Education Group saw a remarkable 65.3% increase in ebbs. The company continues to meet its

bumiputera equity target, achieving 1.6 times capital invested totaling RM6.4 billion, with an increase in total shareholders' value to RM8.1 billion, with 2.1 times the capital invested. "It has been a good start for the year for Ekuinas and to intensify this momentum, we plan to enhance our support for more high-growth, mid-market bumiputera companies through Dana Asas 8, adding a further commitment of RM100 million into the new fund. This marks the second tranche following the launch of Dana Asas with a RM100 million fund in March 2023 and aims to expand the investment activity into Private Credit with an allocation of RM200 million, which will complement Ekuinas' existing PE investment portfolio," he said.

Ekuinas opens application for Iltizam programme for Bumiputera SMEs

By Emir Zainul / theedgema.com

01 Aug 2024, 03:50 pm



INVESTMENT

By SYAZWANI HASNIZAM
syazwani@theedge.com.my

PETALING JAYA: Government-owned private equity (PE) firm Ekuinas Nasional Bhd (Ekuinas) is eyeing to complete investments in one or two companies before the year-end.

Without going into details, chief executive officer Datuk Syed Yusaf Arif Syed Abd Kadir told *StarBiz* the PE firm is "truly fond" of the healthcare and manufacturing sectors.

"I think areas like healthcare and the pharmaceutical industry will continue to be positive. For manufacturing or certain export-oriented



"Ekuinas will continue our mission to create a thriving ecosystem for SMEs."

Datuk Syed Yusaf Arif Syed Abd Kadir

At Ekuinas for RM9.5bn. However in 2023, the PE firm started to have discussions to crystallise its investments in Al-Bihsan via an initial public offering (IPO) or trade sale. "We have yet to have any updates on

tiveness of the programme. "We see the growing impact from the programme and out of the 17 companies selected this year, nine SMEs have achieved at least four of the five KPIs set," he said.

Orkim, Shell Malaysia Trading dan Shell Timur meterai perjanjian sewa khas untuk dua kapal tangki baharu

KUALA LUMPUR: Orkim Sdn Bhd mengumumkan perjanjian sewa khas dengan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan Shell Timur Sdn Bhd untuk menyewakan dua kapal tangki baharu.



Orkim mengumumkan perjanjian sewa khas dengan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan Shell Timur Sdn Bhd untuk menyewakan dua kapal tangki baharu.

Perjanjian ini memperkukuhkan hubungan kerjasama antara Orkim dan Shell dalam menyediakan perkhidmatan logistik tenaga fosil kepada industri petrokimia di Malaysia.

Perjanjian ini memperkukuhkan hubungan kerjasama antara Orkim dan Shell dalam menyediakan perkhidmatan logistik tenaga fosil kepada industri petrokimia di Malaysia.

Perjanjian ini memperkukuhkan hubungan kerjasama antara Orkim dan Shell dalam menyediakan perkhidmatan logistik tenaga fosil kepada industri petrokimia di Malaysia.

Kaisar Pharmacy amalkan konsep farmasi komuniti

KUALA LUMPUR: Kaisar Pharmacy Group (KPG) mengumumkan amalan konsep farmasi komuniti di seluruh negara.



KPG mengumumkan amalan konsep farmasi komuniti di seluruh negara.

KPG mengumumkan amalan konsep farmasi komuniti di seluruh negara.

KPG mengumumkan amalan konsep farmasi komuniti di seluruh negara.

KPG mengumumkan amalan konsep farmasi komuniti di seluruh negara.

KPG mengumumkan amalan konsep farmasi komuniti di seluruh negara.

KPG mengumumkan amalan konsep farmasi komuniti di seluruh negara.

By KIRANDEEN NAR

Education high on Ekuinas checklist



Ekuinas Nasional Bhd (Ekuinas) mengumumkan bahawa pendidikan adalah salah satu sektor yang menjadi fokus utama dalam senarai semakannya.

Ekuinas mengumumkan bahawa pendidikan adalah salah satu sektor yang menjadi fokus utama dalam senarai semakannya.

Iltizam PDP bimbing graduan menganggur

SEMANG KOPORAT

Iltizam PDP bimbing graduan menganggur.



Iltizam PDP bimbing graduan menganggur.

Iltizam PDP bimbing graduan menganggur.

Iltizam PDP bimbing graduan menganggur.

Iltizam PDP bimbing graduan menganggur.

Iltizam PDP bimbing graduan menganggur.

Iltizam PDP bimbing graduan menganggur.

Iltizam bimbing usahawan bumiputera

SEMANG KOPORAT

Iltizam bimbing usahawan bumiputera.



Iltizam bimbing usahawan bumiputera.

Iltizam bimbing usahawan bumiputera.

Iltizam bimbing usahawan bumiputera.

Iltizam bimbing usahawan bumiputera.

Iltizam bimbing usahawan bumiputera.

Iltizam bimbing usahawan bumiputera.

Ekuinas eyes investments in untapped sectors from debut private credit fund



Ekuinas eyes investments in untapped sectors from debut private credit fund.

Ekuinas eyes investments in untapped sectors from debut private credit fund.

PERUTUSAN BERSAMA PENGERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Pada tahun 2024, pasaran global mengharungi peralihan politik, gangguan dari kecerdasan buatan (AI), dan **pencapaian ekonomi**. Di sebalik ketidaktentuan ini, Malaysia **pulih** dengan **pertumbuhan yang memberangsangkan**, peningkatan pasaran, dan menerajui Tawaran Awam Permulaan (IPO) serantau — didorong oleh **kekuatan dan daya tahan domestik** serta reformasi strategik **di bawah kerangka Ekonomi Madani**. ”

- Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan
Pengerusi





“

2024 merupakan tahun yang dinamik bagi Ekuinas, bermula dengan **pelupusan** ICON Offshore Bhd (ICON) yang menguntungkan dan **pelaburan modal strategik**. Kami juga aktif dalam pelaksanaan pelan penciptaan nilai untuk syarikat-syarikat dalam portfolio kami, sambil melihat asas yang telah kami bina pada tahun-tahun yang lepas, membuahkan hasil yang positif.

”

- Dato' Syed Yasir Arafat
Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif

Perutusan Bersama Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif

Tahun 2024 mencerminkan landskap ekonomi global yang kompleks, dipengaruhi oleh perubahan geopolitik, penyesuaian dasar monetari, dan kemajuan teknologi yang pesat. Pilihanraya berlangsung di lebih daripada 70 buah negara,¹ termasuk Amerika Syarikat, di mana bekas Presiden Donald Trump dipilih semula, dan ketidakpastian dasar dan ketegangan perdagangan memberi tekanan berat kepada pasaran global.

Bank Pusat di seluruh dunia, termasuk *US Federal Reserve*, mengambil langkah penurunan kadar faedah untuk menyokong aktiviti ekonomi, walaupun pada kadar yang berbeza. Sementara itu, Eropah dan China terus berdepan dengan cabaran ekonomi yang berpanjangan, yang meningkatkan kebimbangan terhadap pertumbuhan global.

Inovasi disruptif, terutamanya dalam kecerdasan buatan (AI) dan penjagaan kesihatan, menjadi pemangkin utama dalam membentuk trend pasaran. Seperti yang kami nyatakan dalam laporan tahunan kami pada tahun-tahun lepas, peningkatan AI generatif telah mempercepat transformasi digital merentasi pelbagai industri. Tahun lalu, AI menarik pelaburan besar sambil menimbulkan kebimbangan mengenai tumpuan pasaran dan peningkatan perbelanjaan modal.

Selain daripada itu, ketegangan geopolitik, termasuk peperangan yang berterusan di Ukraine, genosid di Gaza, dan perubahan politik di Syria, meningkatkan ketidakpastian global. Selain daripada pencapahan perdagangan yang meningkat, didorong oleh dasar perlindungan, perkembangan-perkembangan ini membawa risiko besar terhadap kestabilan ekonomi, terutamanya bagi pasaran baru muncul yang sangat bergantung kepada perdagangan global.

Pasaran kewangan bertindak balas dengan ketidakstabilan yang ketara. Walau bagaimanapun, di tengah cabaran-cabaran global, pasaran saham AS mencatatkan keuntungan besar pada tahun 2024, dengan S&P 500 meningkat lebih daripada 23%, menandakan tahun kedua berturut-turut pulangan menjangkau 20% — suatu pencapaian yang tidak berlaku sejak akhir 1990-an. Sementara itu, Nasdaq Composite melonjak hampir 29%, dan Nasdaq 100 meningkat hampir 25%.

Dalam pada itu, pasaran saham Malaysia, yang diwakili oleh indeks FBM KLCI, menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Selepas tiga (3) tahun berturut-turut mencatat pulangan negatif, indeks penanda aras ini melonjak pada 2024, dan muncul sebagai salah satu pasaran berprestasi terbaik di rantau ini.

Indeks 30 saham tersebut meningkat sebanyak 12.9% pada 2024, berbanding penurunan 2.7% pada 2023, disokong oleh pendapatan korporat yang kukuh, keyakinan pelabur terhadap pertumbuhan ekonomi domestik, dan peningkatan aliran masuk dana asing. Sementara itu, Bursa Malaysia menyaksikan 55 penyenaaraan awam permulaan (IPO), jumlah penyenaaraan tertinggi dalam tempoh 19 tahun terakhir.



Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.1% pada tahun 2024, jauh mengatasi kadar pertumbuhan tahun sebelumnya iaitu 3.7%. Pertumbuhan ini didorong oleh perbelanjaan penggunaan individu yang kuat, hasil dan pengeluaran industri yang memberangsangkan, serta sektor eksport yang teguh. Pasaran buruh kekal sihat dengan kadar pengangguran yang rendah, manakala Ringgit Malaysia muncul sebagai mata wang berprestasi terbaik di Asia, meningkat sebanyak 2.7% berbanding Dolar AS.

Momentum positif ini selaras dengan komitmen kerajaan terhadap pertumbuhan mampan. Belanjawan 2025 yang bertemakan "Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat" mencerminkan pendekatan strategik untuk memupuk kemakmuran jangka panjang sambil mengharungi cabaran ekonomi yang semakin berkembang. Hala tuju kerajaan yang dipandu oleh rangka kerja Ekonomi Madani mempunyai tiga (3) teras utama iaitu pendekatan 'meningkatkan siling', 'meningkatkan lantai', dan pendekatan 'keseluruhan negara'. 'Meningkatkan siling' memberi fokus kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan negara. 'Meningkatkan lantai' pula memfokuskan kepada peningkatan taraf hidup dan pengukuhan keselamatan sosial, sementara pendekatan 'keseluruhan negara' bertumpu kepada perpaduan nasional, tadbir urus yang baik, serta penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan kolaboratif.

¹ Sumber: Time.com, "The Ultimate Election Year: All the Elections Around the World in 2024."

JALAN PEMULIHAN EKUITI PERSENDIRIAN

Pasaran Ekuiti Persendirian (PE) global terus mengharungi persekitaran mencabar pada tahun 2024, ditandai dengan pengumpulan dana yang lemah dan aktiviti urus niaga yang mengambil pendekatan yang berwaspada. Pengumpulan dana ekuiti persendirian dan modal teroka yang berfokus kepada Asia jatuh ke paras terendah dalam tempoh 12 tahun, dengan AS\$63.79 bilion, penurunan sebanyak 29% berbanding 2023, di tengah-tengah ketegangan perdagangan AS-China yang berterusan².

Aktiviti pelupusan menunjukkan momentum positif sepanjang tahun, pulih setelah mencatat penurunan selama dua tahun berturut-turut, dengan peningkatan ketara dalam nilai dan juga bilangan urus niaga ekuiti persendirian yang berskala besar (nilai perusahaan melebihi AS\$500 juta)³. Jumlah nilai urus niaga meningkat sebanyak 37%, manakala jumlah urus niaga meningkat sebanyak 3%, menunjukkan peningkatan dalam saiz purata urus niaga.

Asia Tenggara menjadi tumpuan dalam landskap ekuiti persendirian, dengan nilai urus niaga melonjak 221% tahun ke tahun (YoY) dan jumlah urus niaga berganda⁴. Sebanyak 67 urus niaga melibatkan pelaburan lebih daripada AS\$15.8 bilion, dengan sektor infrastruktur merangkumi 40% daripada jumlah nilai urus niaga.⁵

Walaupun aktiviti Penggabungan dan Pengambilalihan (M&A) dalam ekuiti persendirian masih di bawah paras rekod 2021, terdapat tanda-tanda awal pemulihan. Pendigitalan pesat di rantau ini, didorong oleh penggunaan AI dan pengembangan infrastruktur awan, berpotensi menarik pelaburan besar. Trend ini dijangka akan bertambah teguh pada tahun 2025 dan akan mengukuhkan lagi kedudukan Asia Tenggara sebagai destinasi pelaburan utama.

Sebahagian besar pelaburan ekuiti persendirian di Asia Tenggara memberi tumpuan kepada syarikat peringkat pertumbuhan dan pegangan minoriti, menjadikan proses pelupusan lebih mencabar untuk dilaksanakan. Namun begitu, 2024 menyaksikan peningkatan sebanyak 1.8x dalam nilai pelupusan di rantau ini berbanding tahun sebelumnya.⁶ Dengan kadar faedah yang beransur-ansur menurun dan pasaran Tawaran Awam Permulaan (IPO) semakin stabil, kami berharap persekitaran pelupusan akan semakin pulih tidak lama lagi, memberi para pelabur opsyen kecairan yang lebih baik.

Aset di bawah pengurusan (AUM) ekuiti persendirian di Malaysia mencapai AS\$8.5 bilion pada tahun 2024, menandakan paras tertinggi sejak 2021. Penilaian urus niaga juga meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh lima tahun berdasarkan gandaan ekuiti persendirian. Walau bagaimanapun, transaksi ekuiti persendirian masih merangkumi sebahagian kecil daripada keseluruhan aktiviti M&A di negara ini.

Memandang ke hadapan, aliran urus niaga dijangka akan mengukuh dengan inisiatif nasional GEAR-uP, yang dipimpin oleh syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLICs). Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan perbelanjaan modal korporat dan menyokong pembangunan infrastruktur. Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, enam (6) buah GLIC⁷ telah mengukuhkan komitmen berjumlah RM120.0 bilion selama tempoh masa lima (5) tahun akan datang untuk melabur dalam sektor bernilai tinggi dan berpotensi tinggi seperti peralihan tenaga dan pembuatan maju.

Pada tahun 2024, pasaran modal Malaysia mencapai penanda aras bersejarah, mencecah paras tertinggi sebanyak RM4.2 trilion.⁸ Berlandaskan asas ekosistem kewangan yang kukuh di negara ini, industri pengurusan dana turut mencatat rekod baharu, dengan aset di bawah pengurusan (AUM) melebihi RM1.1 trilion.⁹

Aktiviti pengumpulan dana di negara ini mencatatkan peningkatan ketara, kepada RM138.9 bilion daripada RM127.7 bilion.¹⁰ Bursa Malaysia mencatatkan 55 penyenaaran awam permulaan (IPO), suatu rekod baharu, yang secara keseluruhannya berjaya mengumpul RM7.4 bilion. Landskap ekuiti persendirian dan modal teroka juga kekal kukuh, dengan jumlah dana komited mencecah RM24.7 bilion.¹¹ Ekuiti persendirian menyumbang sebanyak RM18.0 bilion, dengan sebahagian besarnya berfokuskan kepada pelaburan peringkat pertumbuhan.

Pasaran Ekuiti Persendirian Asia Tenggara 2024

Nilai Urus Niaga
Meningkat
+221% tahun
ke tahun (YoY)

Jumlah Urus niaga:
Berganda

Bilangan Urus niaga:
67 urus niaga

Modal Dilabur:
AS\$15.8 bilion

Pelaburan di dalam
Infrastruktur:
40% daripada
jumlah nilai
urus niaga

Nilai Pelupusan
Meningkat:
1.8x YoY



⁴ Sumber: EY's Quarterly Report, Southeast Asia Private Equity Pulse: 2024 in Review.

⁵ Rujukan sama seperti nota 4.

⁶ Rujukan sama seperti nota 4.

⁷ Enam (6) GLIC terlibat dalam GEAR-uP: Khazanah Nasional Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Permodalan Nasional Bhd, Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan Wang Angkatan Tentera.

⁸ Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Malaysian Capital Market Hits Record RM4.2 Trillion in 2024, Stays Resilient Amid Earnings Growth.

⁹ Rujukan sama seperti nota 8.

¹⁰ Rujukan sama seperti nota 8.

¹¹ Sumber: Bursa Malaysia, Committed Funds in PE and VC Industry.

² Sumber: S&P Global, Asia-Focused Private Equity Fundraising Hits 12-Year Low.

³ Sumber: McKinsey & Company, Global Private Markets Report 2025: Private Equity Emerging from the Fog.

Perutusan Bersama Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif

DINAMIK PASARAN PADA 2025

Melangkah ke tahun baharu, kami tetap sedar tentang ketidakpastian yang semakin meningkat, walaupun telah dijangka ekonomi global akan mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 3.3% pada tahun 2025.¹² Ketidakpastian ini bertambah rumit dengan pelaksanaan semula tarif yang meluas di bawah dasar Presiden Donald Trump, yang mencetuskan kekecohan dalam pasaran global. Penerapan semula langkah-langkah perdagangan yang agresif telah menambah kepada ketidakstabilan ekonomi dan geopolitik, risiko terhadap pertumbuhan global serta mencetuskan kebimbangan mengenai hakisan tatanan ekonomi liberal pasca-perang yang dipimpin oleh Amerika Syarikat.

Sementara itu, reformasi berasaskan inovasi dan peningkatan penggunaan domestik menjadi pemangkin kepada pemulihan China, walaupun ekonominya masih bergelut dengan kemelesetan pasca-Covid yang berterusan. Kelemahan dalam pasaran hartanah China, yang selama ini menjadi tonggak utama ekonomi negara tersebut, terus menjejaskan keyakinan pelabur, manakala hutang kerajaan tempatan yang tinggi dan pengangguran belia yang berterusan menambah lagi kerisauan terhadap prospek pertumbuhan negara itu.

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2025, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, kemajuan teknologi, dan pelaburan langsung asing dalam industri-industri utama. Namun begitu, ketidakpastian yang berterusan berkaitan dasar perdagangan Amerika Syarikat telah menyebabkan para penganalisa menurunkan unjuran pertumbuhan. Pada awal tahun, tarif sebanyak 24% dikenakan ke atas barangan Malaysia di bawah agenda proteksionis yang lebih luas semasa pentadbiran Trump, sebelum keputusan terkini untuk menangguhkan kenaikan tarif tersebut secara sementara, selain duti 10% yang dikenakan secara menyeluruh ke atas semua barangan yang diimport oleh Amerika Syarikat.



¹² Sumber: IMF, *World Economic Outlook Update*: Januari 2025.

Walaupun penangguhan ini memberi sedikit kelonggaran sementara, kami menjangkakan ketidakpastian berterusan daripada kemungkinan pengenaan tarif pada peringkat negara dan sektor tertentu. Beberapa negara anggota ASEAN terutamanya mengalami kesan yang teruk, dengan Kemboja, Vietnam, Laos, dan Myanmar menghadapi tarif melebihi 40%. Dalam suasana yang mencabar ini, Malaysia telah dipuji atas kepimpinannya dalam menyelaraskan tindak balas bersatu ASEAN untuk mengurangkan impak ketegangan perdagangan yang semakin meningkat dan mengukuhkan ketahanan ekonomi serantau.

Bank Negara Malaysia juga telah menggariskan beberapa cabaran lain yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan negara. Antaranya termasuk tindakan balas yang mungkin dikenakan, dasar perdagangan global yang semakin ketat, serta peningkatan konflik geopolitik yang boleh mengganggu perdagangan global. Sebagai sebuah ekonomi terbuka yang sangat berkait rapat dengan negara-negara lain, Malaysia dijangka akan turut terkesan oleh gangguan-gangguan ini.

Pertimbangan lain yang utama adalah bagaimana bank-bank pusat, termasuk *US Federal Reserve*, Bank Pusat Eropah (*European Central Bank*) dan Bank Negara Malaysia, akan bertindak balas terhadap kesan daripada ancaman tarif yang meningkat. Keputusan dasar monetari dijangka akan dipengaruhi oleh bagaimana ketegangan perdagangan menjejaskan inflasi, pertumbuhan dan kestabilan kewangan. Cabaran utama ialah mencari keseimbangan antara keperluan menyokong permintaan domestik sambil berwaspada terhadap kejutan luaran yang boleh memberi kesan berantai di pasaran global.

Kami mengekalkan pandangan berhati-hati dan berwaspada untuk tahun 2025, kerana sektor yang berkaitan pengguna mungkin menghadapi cabaran akibat perbelanjaan isi rumah yang lebih lemah. Namun begitu, sektor yang mempunyai permintaan lebih kukuh seperti keselamatan siber, penjagaan kesihatan, pembuatan makanan dan pendidikan dijangka akan terus mencatat pertumbuhan yang konsisten.

Selain itu, inisiatif GEAR-uP yang diketuai oleh GLIC dijangka akan mewujudkan momentum positif dalam pasaran persendirian. Dengan mengambil kira perkara ini, serta persaingan yang semakin meningkat daripada penganjur ekuiti persendirian domestik lain yang berpotensi meningkatkan penilaian urus niaga, kami akan memberi keutamaan kepada pelupusan pelaburan yang memaksimumkan nilai.

MEMBUKA PELUANG

Sebagai penganjur ekuiti persendirian dengan syarikat portfolio yang pelbagai, kami amat sedar akan potensi transformasi serta risiko gangguan yang dibawa oleh teknologi baru dalam pelbagai industri. Sebagai tindak balas, Ekuinas telah memberi tumpuan yang besar untuk memperkukuh keupayaan digital syarikat-syarikat portfolio kami, memastikan mereka kekal tangkas dan kompetitif dalam ekonomi global yang semakin dipacu oleh teknologi.



Pada tahun 2024, Kumpulan Pendidikan UNITAR mula melaksanakan Sistem Pengurusan Pembelajaran dan Pelajar yang baharu, yang dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada suku keempat 2025. Exabytes meningkatkan keberkesanan pemasarannya melalui penjejakan masa nyata dan pelaporan prestasi. Flexi Versa Group berjaya melancarkan sistem perancangan sumber perusahaan (ERP) merentasi anak-anak syarikat utama, manakala Al-Ikhsan melaksanakan e-invois pada September 2024 serta melancarkan konsep terbukti untuk infrastruktur kedai ber-Wi-Fi, integrasi peranti mudah alih, dan sistem digital berpusat untuk bahan promosi di titik jualan bagi meningkatkan pengalaman pelanggan dan kecekapan operasi. Medispec menaik taraf sistem di titik jualannya, manakala Kaisar beralih kepada sistem titik jualan dan perakaunan SMART. Symbiotica sedang mendigitalkan proses jualannya untuk menggantikan kaedah manual dan juga proses pengurusan pertanyaan pelanggan melalui e-mel. Sementara itu, Mizou sedang mereka bentuk sistem pesanan hujung-ke-hujung yang komprehensif untuk alat ganti.

Usaha kolektif ini mencerminkan fokus strategik Ekuinas terhadap transformasi digital dan inovasi proses sebagai tonggak utama dalam memastikan kelestarian masa hadapan portfolio kami serta memacu penciptaan nilai yang mampan.

Kami juga memimpin dengan teladan. Komitmen kami terhadap inovasi bukan sahaja melibatkan syarikat portfolio kami, tetapi turut merangkumi strategi pertumbuhan kami. Pada tahun 2024, selepas tiga (3) tahun perancangan dan persediaan yang teliti, kami berjaya memperoleh semua kelulusan yang diperlukan untuk melancarkan inisiatif kredit persendirian kami. Langkah ini didorong oleh usaha berterusan kami untuk memperluas penawaran pelaburan sebagai tindak balas kepada pasaran yang berkembang, di mana kredit persendirian menawarkan peluang yang menarik.

Kami ingin merakamkan setulus penghargaan kepada YB Dato' Seri Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi, kerana melancarkan Dana Kredit Persendirian Ekuinas pada Mei 2024, serta kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atas sokongan yang tidak ternilai dalam segala urusan kelulusan kawal selia yang membolehkan kami melaksanakan program kredit persendirian ini dengan jayanya.

Pada November 2024, kami melancarkan Dana Kredit Persendirian Ekuinas untuk menyokong syarikat-syarikat pasaran pertengahan di Malaysia, iaitu segmen yang masih kurang mendapat perhatian dalam landskap kredit tradisional. Dana ini memberi tumpuan kepada sektor yang sama seperti strategi ekuiti persendirian kami, dengan pengecualian konsisten dalam industri hartanah, pembinaan, dan industri tidak beretika seperti tembakau, alkohol, dan senjata api. Kami telah melancarkan pelaburan kredit persendirian pertama pada suku pertama tahun 2025, menandakan pencapaian penting dalam mengembangkan platform pelaburan kami dan meningkatkan akses kepada modal untuk perusahaan berpotensi tinggi di Malaysia.

Langkah pengembangan ini menandakan titik perubahan penting dalam evolusi kami, memperkukuh keupayaan kami untuk menyokong perniagaan bukan sahaja melalui pelaburan ekuiti tetapi juga dalam bentuk kredit. Dengan pengalaman luas dalam ekuiti persendirian, kami mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk menilai peluang serta risiko yang dihadapi oleh syarikat-syarikat kecil dan pertengahan.

Walaupun perubahan itu pasti, namun matlamat kami tetap tidak berubah. Ekuinas berbangga dengan daya tahan, keupayaan menyesuaikan diri, dan kemajuan yang berterusan. Ketika kami melangkah ke babak seterusnya, kami kekal komited untuk memanfaatkan peluang dan membuat keputusan strategik yang akan terus memacu pertumbuhan perniagaan Bumiputera dan meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi.

"Berakhirnya Suatu Babak, Ternukil Kisah yang Baharu", tema laporan tahunan kami tahun ini, mencerminkan perjalanan kami yang berterusan dalam pertumbuhan dan transformasi, menegaskan bahawa usaha kami masih jauh dari selesai.

Perutusan Bersama Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif

Sorotan Pasaran Ekuiti Persendirian Malaysia

Aset Diuruskan (AUM)
Ekuiti Persendirian
Malaysia mencapai

AS\$8.5 bilion
- tahap tertinggi
sejak 2021

Pasaran modal
mencapai tahap
tertinggi pada

RM4.2 trilion

Industri pengurusan
dana mencatat AUM
melebihi

RM1.1 trilion

Aktiviti pengumpulan
dana meningkat
kepada

RM138.9 bilion
daripada RM127.7 bilion

Sebanyak 55 Tawaran
Awam Permulaan (IPO)
dilancarkan, mencatat
rekod baru, dan
berjaya mengumpul
dana sebanyak

RM7.42 bilion

SOROTAN KEWANGAN DAN PRESTASI 2024

Sehingga 31 Disember 2024, Ekuinas telah menerima RM4.0 bilion dalam jumlah dana terkumpul. Kami telah menubuhkan lapan (8) dana dengan komitmen pelaburan berjumlah RM4.9 bilion.

Jumlah modal ekonomi yang disuntikkan daripada pelaburan langsung dan program penyumbangan luar masing-masing berjumlah RM4.7 bilion dan RM849.0 juta pada akhir 2024. Ini menjadikan jumlah modal ekonomi terkumpul yang disuntikkan sebanyak RM5.6 bilion.

Jumlah pelaburan langsung komited terkumpul adalah sebanyak RM4.6 bilion setakat 31 Disember 2024. Dari segi prestasi, dana langsung kami mencatat kadar pulangan dalaman kasar (GIRR) yang memberangsangkan iaitu 12.0%, 1.6% dan 38.9% untuk dana Tranche II, Tranche III, dan Tranche IV masing-masing.

Dilancarkan pada tahun 2023 untuk menyokong syarikat Bumiputera peringkat pertumbuhan, Dana Asas mencatatkan GIRR yang baik, sebanyak 4.0%. Dana ini diuruskan secara langsung oleh kami, direka untuk menyediakan modal pelaburan jangka panjang, membolehkan kami melaksanakan inisiatif penciptaan nilai yang berimpak tinggi untuk perusahaan pasaran pertengahan.

Dana penyumbangan luar kami mencatatkan prestasi yang berbeza. Tranche I menghasilkan kadar pulangan dalaman kasar (GIRR) sebanyak

3.8%, manakala Tranche II mencatatkan GIRR sebanyak -6.9%. Kami akan terus memantau prestasi dana penyumbangan luar kami sambil pengurus dana yang dilantik berusaha untuk melupuskan syarikat-syarikat portfolio yang masih dipegang.

Tahun 2024 merupakan tahun yang dinamik bagi Ekuinas, ditandai dengan kejayaan pelupusan ICON Offshore Bhd (ICON) yang menguntungkan dan pelaburan modal yang strategik. Kami juga terus kekal aktif dalam melaksanakan pelan penciptaan nilai untuk syarikat-syarikat portfolio kami, yang menunjukkan hasil positif berikutan asas kukuh yang telah kami bina pada tahun-tahun lepas.

EBITDA bagi syarikat-syarikat portfolio di bawah dana langsung kami meningkat sebanyak 3.3% pada tahun 2024, kembali pulih selepas penyusutan 7.0% pada tahun sebelumnya. Tanpa mengambil kira Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd, yang menghadapi tekanan permintaan pengguna yang lemah akibat inflasi, pertumbuhan EBITDA sepatutnya melonjak kepada 16.8%. Seperti banyak syarikat dalam sektor runcit, Al-Ikhsan terpaksa mengharungi persekitaran operasi yang mencabar. Walau bagaimanapun, kami tetap yakin dengan prospek pertumbuhan jangka panjang Al-Ikhsan.

PENYALURAN MODAL

Ekuiti persendirian sememangnya bersifat kitaran. Walaupun momentum aktiviti urus niaga agak perlahan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kami yakin bahawa peluang untuk menyalurkan modal akan beransur pulih. Mengimbu kembali, sememangnya perniagaan yang terjejas akibat pandemik global memerlukan beberapa suku tahun untuk penyusunan semula strategi dan beransur pulih.

Mengamalkan disiplin pelaburan dalam tempoh tersebut dan dengan pendekatan yang berwaspada terbukti berkesan dan menjadi keputusan yang bijak, kerana syarikat yang berkembang pesat semasa pandemik tidak semestinya menunjukkan prestasi yang kekal baik dalam persekitaran pasca pandemik. Banyak tabiat pengguna yang terbentuk semasa "normal baharu," seperti lonjakan dalam pembelian makanan dalam talian, mula berkurangan apabila sekatan pergerakan ditamatkan, manakala industri seperti penerbangan pulih dengan pantas. Peralihan ini menunjukkan pendekatan kami dalam mengelakkan penilaian yang mendadak, terbukti berkesan. Dengan sikap berwaspada dan selektif, kami dapat menilai peluang pelaburan secara teliti dan bernas, demi merebut urus niaga berkualiti tinggi pada penilaian yang menarik.



Pada tahun 2024, Ekuinas telah melabur dalam dua (2) syarikat baharu: Symbiotica Speciality Ingredients Sdn Bhd (Symbiotica) dan Mizou Holdings Sdn Bhd (Mizou).

Symbiotica adalah pengeluar bahan farmaseutikal aktif (API) untuk kortikosteroid dan hormon steroid. Berpusat di Kulim dan diasaskan oleh pasangan suami isteri, Symbiotica merupakan salah satu daripada segelintir syarikat Malaysia yang aktif dalam pembuatan API, mencerminkan inovasi dan semangat keusahawanan yang semakin berkembang di negara ini.

Syarikat ini berada pada kedudukan strategik untuk meraih manfaat dari trend makroekonomi yang memacu pertumbuhan dalam sektor farmaseutikal. Kami telah membuat komitmen pelaburan sebanyak RM374.2 juta di bawah Dana Tranche IV. Ini merupakan pelaburan ketiga Ekuinas dalam bidang farmaseutikal, selepas Medispec (M) Sdn Bhd, yang mengedar ubat-ubatan farmaseutikal dan suplemen kesihatan, dan Eagle Cliffe Sdn Bhd, yang memiliki dan mengendalikan 33 cawangan runcit Kaiser Farmasi.

Mizou pula adalah sebuah syarikat Bumiputera tempatan yang memberi tumpuan kepada penyelidikan & pembangunan, jualan, pengedaran, dan perkhidmatan sokongan untuk jentera pertanian khusus dalam sektor hulu minyak sawit. Diasaskan oleh pasangan suami isteri, di mana suami tersebut berpengalaman bekerja di sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Malaysia, Mizou turut mencerminkan semangat keusahawanan tempatan. Kami telah membuat komitmen pelaburan sebanyak RM37.0 juta di bawah Dana Asas untuk Mizou.



MEMPERKUKUHKAN NILAI

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, menjana pulangan kewangan yang kukuh adalah asas kepada model perniagaan kami. Ini merangkumi pelaksanaan pelupusan yang menguntungkan sambil memastikan syarikat-syarikat portfolio kami berada dalam persekitaran yang selari dengan objektif sosial Ekuinas untuk memupuk penyertaan Bumiputera dalam pelbagai aspek ekonomi Malaysia, termasuk pemilikan ekuiti, pengurusan, pekerjaan, dan rantai bekalan. Mengimbangi objektif dwifokus ini kekal sebagai teras pendekatan pelaburan kami.

Pada tahun 2024, kami telah melupuskan 50.2% pegangan ekuiti kami dalam ICON kepada Liannex Maritime Sdn Bhd dengan jumlah tunai keseluruhan sebanyak RM172.7 juta. Keputusan untuk melupuskan dibuat berdasarkan keadaan pasaran yang menggalakkan dan peluang untuk memindahkan pemilikan kepada syarikat yang stabil dari segi kewangan dengan rekod prestasi yang kukuh dalam industri minyak dan gas (O&G). ICON telah dinamakan semula sebagai Lianson Fleet Group (LFG) pada Februari 2025.

Memandangkan cabaran dalam sektor O&G ini, termasuk harga minyak yang berada di paras terendah dan kebimbangan global terhadap peralihan kepada tenaga bersih, melaksanakan pelupusan kepada pengendali yang berkeupayaan merupakan usaha yang kompleks dan memerlukan strategi yang teliti. Walaupun industri ini penuh dengan cabaran, kami berbangga kerana berjaya mencapai salah satu pelupusan yang menguntungkan dalam industri O&G di Malaysia. Dengan pelupusan ini, pegangan saham kami dalam ICON menurun kepada kurang daripada 5%.

Sepanjang tempoh pemegangan selama satu dekad, pelaburan kami dalam ICON telah menghasilkan lebih daripada RM500 juta dalam pendapatan yang direalisasikan, dan kami berpuas hati dengan nilai yang telah kami cipta melalui kerjasama yang membuahkan kejayaan ini.



Perutusan Bersama Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif

MENTRANSFORMASIKAN PERNIAGAAN, MENYERLAHKAN POTENSI

Laporan tahunan kami pada tahun 2023 yang bertemakan **Dilema Distopia Digital**, menggariskan strategi kami untuk memperkukuh pertumbuhan jangka panjang syarikat-syarikat portfolio kami melalui pemacuan transformasi digital dan kecekapan operasi. Pada tahun 2024, kami meningkatkan usaha untuk memperkukuhkan keupayaan digital, mengoptimumkan titik sentuh pelanggan merentasi kedai fizikal, platform e-dagang, dan saluran media sosial.

Ekuinas melihat kecerdasan buatan (AI) bukan sekadar strategi, tetapi sebagai pemangkin untuk pertumbuhan perniagaan. Kami menerapkan AI dalam operasi dalaman serta syarikat-syarikat portfolio untuk meningkatkan kecekapan, membuat keputusan yang lebih baik, dan memacu inovasi.

Berikut adalah beberapa inisiatif penciptaan nilai utama yang dilaksanakan untuk syarikat-syarikat portfolio Ekuinas yang mencatat prestasi tertinggi pada tahun 2024.

Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR)

Penggabungan UNITAR dengan Cosmopoint Group pada Jun 2024 menjadi pemacu pertumbuhan utama, membawa kepada peningkatan 77.2% dalam EBITDA dan kenaikan 27.3% dalam hasil pendapatan. UNITAR juga mencatatkan peningkatan sebanyak 18% dalam permohonan pelajar antarabangsa berbanding tahun sebelumnya, didorong oleh UIU Global Sdn Bhd, agen perekrutan pelajar antarabangsa yang berprestasi tinggi.

Bagi meningkatkan kecekapan operasi dan pengalaman pelajar, UNITAR telah melancarkan Sistem Pengurusan Pembelajaran baharu pada tahun 2024, dan sistem pengurusan pelajar baharu dijangka dilancarkan pada suku keempat 2025. Selain itu, UNITAR mengekalkan baki tunai yang sihat melalui pemantauan berterusan dan usaha pengukuhan kutipan. UNITAR terus komited untuk menghasilkan graduan-graduan berkebolehan yang mudah mendapat pekerjaan sambil menawarkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada pelajar dewasa.

Exabytes Capital Group (Exabytes)

Exabytes mencatat pertumbuhan kewangan yang kukuh pada tahun 2024, dengan peningkatan 16.8% dalam hasil pendapatan dan lonjakan 30.9% dalam EBITDA. Kejayaan ini adalah hasil daripada kerjasama berterusan dengan pengasas syarikat untuk mengembangkan perniagaan Exabytes dari perkhidmatan pengehosan web dan domain utama kepada penyelesaian Perusahaan dan Digital khusus untuk industri kecil dan sederhana (SME). Dalam beberapa suku terakhir, Exabytes mula menuai hasil daripada arah strategik baharu ini.

Pada Mac 2024, Exabytes mencatat pencapaian penting dengan memperoleh pensijilan ISO/IEC 27001:2022, yang mengukuhkan lagi reputasinya sebagai pemudahcara perniagaan utama dan penyedia perkhidmatan Kawalan Sistem dan Organisasi Terkelola yang dipercayai.

Exabytes juga mempererat kerjasama dengan Amazon Web Services (AWS), menghasilkan tambahan RM7.4 juta dalam pendapatan daripada AWS pada tahun 2024. Selain itu, syarikat bekerjasama dengan MYNIC Malaysia dan PANDI Indonesia, pendaftar domain nasional masing-masing, untuk melancarkan kempen pemasaran tersasar yang telah meningkatkan jualan domain baharu.

Medispec (M) Sdn Bhd (Medispec)

Medispec mencatat prestasi cemerlang pada tahun 2024, dengan pertumbuhan hasil sebanyak 20.5% dan lonjakan 48.7% dalam EBITDA. Pertumbuhan ini didorong oleh beberapa inisiatif strategik yang bertujuan untuk mengembangkan dan mempelbagaikan perniagaannya.

Antara inisiatif utama ialah penjenamaan semula dan penempatan semula jenama “Vitamode” milik syarikat, mempelbagaian produk etika dan alat perubatan baharu, serta perluasan pasaran antarabangsa ke negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Singapura, dan Brunei.

Sebagai sebahagian daripada strategi pertumbuhan, Medispec telah memperkenalkan 11 produk baharu dalam segmen etika, sembilan (9) produk Vitamode baharu, dan memperoleh enam (6) prinsipal baharu untuk alat perubatan. Syarikat juga telah mendaftarkan empat (4) produk etika dan dua (2) produk Vitamode, dan pendaftaran tambahan sedang dijalankan di Filipina dan Vietnam. Selain itu, arah tuju jenama yang diperbaharui telah diluluskan dan dilaksanakan.

Medispec memperkukuh kesedaran jenama melalui kerjasama dengan rakan niaga utama, untuk penganjuran ceramah pendidikan dan acara awam demi meningkatkan kesedaran mengenai Vitamode. Selain itu, syarikat melaksanakan aktiviti pelupusan stok dan promosi secara berkala untuk mengoptimumkan inventori dan memperbaiki aliran tunai.

Dengan berpegang pada nilai teras dan usaha berterusan untuk meningkatkan keupayaan, Ekuinas berada pada kedudukan yang kukuh untuk memacu nilai jangka panjang yang mampan bagi syarikat portfolio kami dalam landskap perniagaan yang sentiasa berubah.

KOMITED TERHADAP PERTUMBUHAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Kini memasuki tahun ketiga pelaksanaannya, rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Ekuinas terus berfokus kepada memperkukuh kecekapan operasi syarikat portfolio kami. Dengan mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam strategi perniagaan, kami berhasrat untuk meningkatkan daya tahan jangka panjang dan keupayaan penyesuaian syarikat portfolio kami dalam landskap ekonomi yang sentiasa berubah.

Kerangka ESG Ekuinas diselaraskan dengan tujuh (7) Matlamat Pembangunan Mampan (*SDG*) yang dikenal pasti oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UN*). Pada tahun 2024, kami berjaya mencapai 89% daripada sasaran ESG kami (8 daripada 9), dengan penurunan pelepasan karbon Skop 1 dan Skop 2 pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (*CAGR*) sebanyak -0.6% sejak 2022.

Walaupun kemajuan ESG memberangsangkan, pelaksanaan di sesetengah syarikat portfolio mengambil masa yang lebih lama disebabkan keperluan mendesak untuk berfokus pada isu-isu perniagaan utama. Namun begitu, kami tetap komited untuk menggabungkan elemen ESG dalam menyokong penciptaan nilai mampan.

Pendekatan ESG kami pada tahun 2025 akan mengekalkan fokus yang seimbang merangkumi keutamaan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus yang telah ditetapkan. Kami mengakui bahawa perniagaan yang mengutamakan kecekapan sumber, operasi yang bertanggungjawab, dan tadbir urus yang kukuh berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk mencapai kejayaan jangka panjang.

Fokus utama adalah bekerjasama rapat dengan syarikat portfolio kami, terutamanya syarikat di bawah Dana Asas, untuk mempercepatkan pelaksanaan ESG mereka. Langkah ini penting dalam menyediakan mereka untuk pertumbuhan masa hadapan dan pelupusan pelaburan dengan jayanya.

Maklumat lanjut mengenai pendekatan ESG kami boleh didapati di muka surat 105 dalam laporan ini.



MEMACU PERUBAHAN BERMAKNA

Ekuinas kekal komited untuk mencipta impak sosial yang bermakna kepada individu, keluarga, dan komuniti, dengan tumpuan khusus kepada komuniti Bumiputera. Pada tahun 2024, kami berjaya merealisasikan objektif ini dengan pencapaian yang signifikan.

Dana langsung dan dana penyumbangan luar kami menyumbang kepada peningkatan RM6.9 bilion dalam pemilikan ekuiti Bumiputera sejak penglibatan kami, sekali gus mencapai sasaran 1.6 kali ganda modal yang dilaburkan. Selain itu, syarikat portfolio kami mencatat peningkatan sebanyak 28.4% dalam penglibatan kakitangan Bumiputera di peringkat pengurusan dan 13.2% di peringkat pekerjaan lain, sejak penyertaan kami.

Bagi menyokong usahawan Bumiputera, kami melancarkan Dana Asas pada tahun 2023, yang dikhususkan untuk perniagaan Bumiputera peringkat awal yang memerlukan sokongan tersuai, panduan strategik, dan pembangunan jangka panjang. Dengan peruntukan masa dan usaha berterusan, kami berhasrat memacu pertumbuhan dan kejayaan mereka.

Selain pelaburan, kami amat berbangga dengan *ILTIZAM*, pemangkin utama di sebalik sumbangan sosial kami sebagai warga korporat yang bertanggungjawab. Menerusi tiga (3) tonggak utama *ILTIZAM* iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti, kami memperkasa usahawan Bumiputera, belia, kanak-kanak, dan masyarakat secara amnya dengan kemahiran dan sumber yang diperlukan untuk membuka peluang, menyerlah potensi, demi membina aliran pendapatan mampan, dan meningkatkan kualiti hidup.

ILTIZAM memainkan peranan penting dalam memperkukuh mandat kami untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera dan penciptaan kekayaan. Ia membolehkan kami meluaskan impak ke golongan sasaran yang memerlukan sokongan, di luar pelaburan teras ekuiti dan kredit persendirian kami, melengkapkan hasrat kami untuk mencipta nilai bermakna.

Pada tahun 2024 sahaja, kami telah memperuntukkan RM15.3 juta merentasi inisiatif Keusahawanan, Pendidikan, dan Komuniti yang telah membawa manfaat kepada 17,194 individu, keluarga, usahawan, dan perniagaan di seluruh negara. Sejak penubuhannya pada tahun 2012, *ILTIZAM* telah melaburkan lebih daripada RM115 juta untuk memperkasa komuniti Bumiputera di seluruh Malaysia.

Setiap tahun Program Pembangunan Profesional (*PDP*) *ILTIZAM* membantu memperkasa 75 orang graduan Bumiputera yang menganggur melalui program strategik yang menyediakan penempatan pekerjaan selama 12 bulan dan latihan berstruktur yang membantu membina daya diri dan kecekapan untuk membina kerjaya yang cemerlang. Kami juga telah memperluaskan inisiatif pendidikan kami untuk menawarkan lebih banyak latihan berasaskan kemahiran, termasuk kepada komuniti yang terpinggir seperti banduan dan belia yang kurang berkemampuan. Mencapai kumpulan sasaran khusus ini merupakan satu kejayaan yang bermakna dan kebanggaan bagi kami kerana inisiatif ini secara langsung memperkasa komuniti yang kurang diberi perhatian dengan peluang berharga untuk pertumbuhan sendiri dan secara profesional.

ILTIZAM Seni merupakan salah satu pencapaian utama pada tahun 2024, sebuah inisiatif khusus untuk memupuk bakat komuniti artis muda Bumiputera. Dengan kejayaan kitaran keduanya, program residensi seni ini, yang dilaksanakan dengan kerjasama Galeri PUTEH, terus menyediakan sokongan kritikal kepada artis-artis dan menyediakan platform untuk mempromosikan karya seni mereka. Inisiatif ini unik dan bermakna kerana menyokong dan memperkasa pembangunan bakat seni yang sering berdepan cabaran besar dalam membina nama dalam industri kreatif.

Maklumat lanjut mengenai inisiatif *ILTIZAM* pada tahun 2024 boleh didapati di muka surat 112 laporan ini.

Perutusan Bersama Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif


PERMULAAN BABAK YANG BAHARU

Pada tahun 2024, seperti tahun-tahun sebelumnya, kami berjaya mencapai sasaran sosial dan mencatat prestasi kewangan yang positif untuk dana kami, walaupun berdepan dengan keadaan pasaran yang mencabar. Kejayaan ini tercapai melalui kepercayaan dan autonomi yang diberikan kepada Ekuinas, membolehkan kami memberi keutamaan kepada peluang komersial berdasarkan merit, memastikan setiap keputusan mendorong nilai maksimum dan prestasi terbaik.

Ekuinas akan terus memfokus kepada dua (2) objektif utama: Objektif kewangan untuk meningkatkan penajaan kekayaan Bumiputera secara institusi dan pemilikan ekuiti korporat, serta objektif sosial untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam empat (4) dimensi: pemilikan ekuiti, pengurusan, pekerjaan, dan mencipta nilai dalam rantai bekalan.

Apa yang kekal tidak berubah adalah komitmen kami terhadap pencapaian objektif-objektif ini melalui pendekatan mesra pasaran, berasaskan merit, dan ketelusan. Seperti yang telah terbukti, pendekatan ini memastikan kemampunan perniagaan jangka panjang dan mewujudkan impak ekonomi yang bermakna.

Ekuinas melangkah ke tahun 2025 sebagai sebuah entiti berkaitan Kerajaan yang telah didefinisikan semula — kini mengembangkan peranan sebagai entiti pelaburan modal persendirian, dengan keupayaan pelaburan yang lebih meluas. Selain daripada pelaburan ekuiti persendirian secara langsung yang memfokuskan kepada pengambilalihan syarikat-syarikat Malaysia dan menyediakan modal pertumbuhan kepada usahawan Bumiputera, Ekuinas juga menawarkan pembiayaan kredit persendirian yang patuh Syariah untuk menyokong pertumbuhan syarikat, pengambilalihan oleh pihak pengurusan dan juga latihan korporat yang lain.



Struktur pemilikan Ekuinas turut berubah apabila ia dipindahkan daripada Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024. Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB), yang ditubuhkan pada tahun 1978, memainkan peranan penting dalam mempromosikan pemilikan saham Bumiputera, mengurangkan kadar kemiskinan, dan memupuk kesaksamaan ekonomi di negara ini.

Sejajar dengan perubahan ini, Ekuinas kini menyelaraskan operasi bagi memastikan proses integrasi di bawah YPB berlangsung dengan lancar. Sebagai sebahagian daripada YPB, Ekuinas akan terus menyokong usaha Kerajaan dalam melaksanakan pendekatan yang lebih tersusun dan menyeluruh dalam mengurus pelaburan bagi komuniti Bumiputera. Pendekatan ini juga akan diselaraskan dengan institusi-institusi utama seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).

Di bawah struktur korporat baharu ini, Ekuinas berhasrat untuk memacu impak dari dalam ekosistem pelaburan Bumiputera yang lebih menyeluruh di bawah YPB, sambil kekal komited untuk mendorong penciptaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera secara saksama dan mampan melalui pembangunan syarikat peneraju generasi baharu negara. Kami akan terus melabur secara strategik dengan mengenal pasti peluang pelaburan secara proaktif, menyokong usahawan Bumiputera berpotensi tinggi, serta menawarkan pembiayaan patuh Syariah melalui fasiliti kredit persendirian kami.

Dalam melaksanakan strategi ini, Ekuinas akan terus memacu penciptaan nilai portfolio, mengukuhkan nilai bagi dana-dana langsung kami, dan melupakan dana penyumbangan luar pada penilaian yang wajar. Pendekatan pelaburan berteraskan ESG akan terus diguna pakai bagi mengurus risiko, sekali gus mengukuhkan komitmen kami terhadap pelaburan yang bertanggungjawab dan mampan.



MENGHARGAI PERJALANAN BERSAMA YANG BERMAKNA

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak berkepentingan atas sokongan padu sepanjang perjalanan yang bermakna ini. Kepercayaan dan kerjasama anda telah menjadi pemangkin kepada usaha kami dalam menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan industri Ekuiti Persendirian di Malaysia. Pencapaian kami pada tahun 2024 tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan berterusan daripada Kerajaan Malaysia, terutamanya Kementerian Ekonomi.

Kami juga amat berterima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah Ekuinas atas penglibatan aktif dalam menggariskan arah strategik serta panduan dalam keputusan-keputusan penting yang kami ambil. Kejayaan kami mencerminkan kepimpinan mereka. Kami juga menghargai dedikasi kakitangan kami, kegigihan dan ketabahan yang ditunjukkan, serta usaha berterusan dalam memastikan setiap inisiatif berjaya dilaksanakan.

Penghargaan tulus ikhlas turut ditujukan kepada pasukan pengurusan dan barisan kakitangan di syarikat-syarikat portfolio kami, para usahawan, rakan kongsi, serta masyarakat secara keseluruhan. Sumbangan anda yang tidak ternilai telah menjadi asas kukuh dalam membantu kami memacu transformasi bermakna dan mencipta nilai yang mampan.

Ini menandakan kenyataan bersama terakhir daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir. (Refleksi peribadi beliau mengenai perjalanan ini dikongsikan di halaman 54).

Melangkah ke hadapan, Ekuinas akan kekal komited dalam memenuhi misi kami untuk memacu penciptaan kekayaan Bumiputera secara saksama dan mampan. Dengan asas yang kukuh, kami bertekad untuk menghasilkan nilai yang lebih besar melalui pelaburan strategik dan kecemerlangan operasi. Sebagai sebuah institusi modal persendirian, kami akan terus memacu syarikat-syarikat portfolio kami serta inisiatif-inisiatif baharu ke tahap yang lebih tinggi. Kami yakin dengan perjalanan yang bakal ditempuh dan kami teruja untuk melakarkan pencapaian yang lebih gemilang bersama-sama.

Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan
Pengerusi

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif

Mengakhiri Suatu Lembaran Yang Bermakna

Refleksi dan Pesanan daripada **Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**,
Ketua Pegawai Eksekutif, Ekuinas (meletak jawatan pada 31 Mac 2025)



Dalam meraikan ulangtahun ke-15 Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada tahun 2024, ia menjadi suatu penghormatan bagi saya untuk mengimbas kembali perjalanan kami – sebuah perjalanan yang ditandai dengan ketabahan, pelaburan strategik, dan komitmen terhadap penciptaan nilai yang mampan.”

Kepada Pihak Berkepentingan yang Dihargai,

Tahun 2024 menandakan perjalanan Ekuinas selama 15 tahun dan saya berasa begitu bangga dan tetap bersyukur. Menjadi sebahagian daripada organisasi ini sejak penubuhannya, dan kemudian diberi peluang untuk memimpin perjalanannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif adalah salah satu penghormatan terbesar dalam kehidupan profesional saya. Merenung perjalanan kita ini, saya diingati betapa jauhnya kita telah melangkah: sebuah perjalanan yang ditandai dengan ketabahan, pelaburan strategik, dan komitmen terhadap penciptaan nilai yang mampan. Sepanjang sedekad setengah yang lalu, Ekuinas telah memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan memupuk kecemerlangan perniagaan. Kejayaan dan pencapaian kita ini berlandaskan pelaksanaan yang berdisiplin, rangka kerja tadbir urus yang kukuh, dan fokus yang tidak berbelah bahagi terhadap impak jangka panjang.

Pencapaian Kami: Legasi Penciptaan Nilai

Sejak penubuhannya, Ekuinas telah membentuk landskap ekuiti persendirian Malaysia melalui pelaburan strategik yang dipacu keberanian. Namun, susur galur kami tidaklah semudah dan bukan tanpa cabaran. Pada permulaan, ramai yang mempersoalkan kemampuan kami untuk berkembang dalam pasaran ekuiti persendirian yang semakin matang. Mengenalpasti urusan yang berpotensi tinggi serta melaksanakan strategi pelupusan dengan jayanya bukanlah tugas yang mudah. Ramai yang meragui kemampuan kami untuk mencapai kedua-dua pulangan kewangan dan juga impak sosio-ekonomi.

Namun, kami telah membuktikan kemampuan kami. Hari ini, kami telah **melabur secara langsung dalam 30 buah syarikat dan melupuskan 14 darinya**, menunjukkan kemampuan kami untuk mencipta nilai yang mampan sambil mengekalkan disiplin kewangan.

Jejak pelaburan kami merangkumi **Minyak & Gas, Maritim & Logistik, Pendidikan, Penjagaan Kesihatan, Barangan Runcit & Pengguna, dan Teknologi**, mencerminkan kemampuan kami untuk membina portfolio yang pelbagai yang menjana impak kewangan dan ekonomi. Selain itu, kami telah **berjaya mempelbagaikan aset kami dengan pelaksanaan Kredit Persendirian**, suatu langkah strategik yang meningkatkan kemampuan kami untuk menyokong perusahaan-perusahaan melalui penyelesaian modal yang fleksibel. Dengan **saiz dana berjumlah RM800 juta**, inisiatif Kredit Persendirian kami direka untuk menyediakan fleksibiliti kewangan untuk perusahaan bersaiz sederhana dengan modal yang diperlukan untuk berkembang, mengoptimumkan struktur modal, dan mengharungi keadaan pasaran yang senantiasa berubah. Bidang tumpuan utama kami yang lain turut merangkumi:

- **Kecemerlangan Pelaburan:** Kami telah berjaya mengagihkan modal merentasi pelbagai industri, merangsang pertumbuhan perniagaan dan menjana pulangan yang mampan.
- **Pertumbuhan dan Pengoptimuman Portfolio:** Pelaburan kami telah mengukuhkan daya ketahanan dan meningkatkan daya saing syarikat-syarikat portfolio kami sambil memaksimumkan nilai pihak berkepentingan.
- **Tadbir Urus dan Ketelusan:** Dengan mengekalkan amalan

tadbir urus bertaraf dunia, kami telah memperkukuhkan akauntabiliti, kepercayaan, dan pelaburan yang bertanggungjawab.

- **Impak Ekonomi dan Sosial:** Melalui pelaburan kami, kami telah meningkatkan peluang pekerjaan, meningkatkan kemahiran tenaga kerja, dan memperkasa ekonomi secara jangka panjang.
- **Membina Pasukan Berprestasi Tinggi:** Keupayaan kami untuk memenuhi mandat kami telah didorong oleh budaya kecemerlangan, bimbingan dan pementoran, dan pembelajaran berterusan.

Cabaran dan Ketahanan

Walaupun perjalanan kami mencerminkan pertumbuhan, kami juga telah mengharungi pelbagai cabaran. Ketidaktentuan pasaran, perubahan keadaan ekonomi, dan gangguan global seperti pandemik COVID-19 telah menguji kecekapan dan ketahanan kami.

- **Mengimbangi Mandat Berganda:** Ekuinas diasaskan dengan mandat berganda - untuk memacu pulangan kewangan sambil memajukan pemerikasaan ekonomi. Mengimbangi kejayaan komersial sambil memberi keutamaan terhadap pembangunan negara memerlukan disiplin strategik, inovasi, dan komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap penciptaan nilai yang mampan.
- **Ketidaktentuan Ekonomi:** Kitaran pasaran dan perubahan ekonomi global terus memberikan cabaran dan juga membawa peluang dalam pengurusan pelaburan.
- **Gangguan Industri:** Pecutan transformasi digital dan perubahan tingkah laku pengguna memerlukan para usahawan dan perusahaan untuk sentiasa beradaptasi dan berinovasi.
- **Cabaran Pelupusan:** Melaksanakan pelupusan yang tepat pada masanya dan yang menguntungkan, kekal sebagai fokus utama dalam ekuiti persendirian, dan rekod kami dengan 14 pelupusan yang berjaya adalah bukti pendekatan berdisiplin kami.

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran ini, Ekuinas tetap teguh dalam komitmennya terhadap penciptaan nilai, berlandaskan kecekapan dalam pemahaman serta tinjauan pasaran dan juga perkongsian dan kerjasama yang kukuh untuk memacu daya ketahanan perusahaan dan membuka peluang-peluang baharu.

Jalan Yang Menunggu Di Hadapan: Pertumbuhan Mampan Yang Berterusan

Merengung ke masa hadapan, fokus kami tetap kekal untuk memacu pertumbuhan mampan, mengembangkan keupayaan pelaburan kami, dan mencipta nilai jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan.

- **Menguukuhkan Pelaburan Teras:** Dalam landskap yang berkembang pesat, fokus kami adalah untuk mengoptimumkan portfolio kami yang sedia ada, memacu kecekapan operasi, dan mengenal pasti peluang-peluang berimpak tinggi yang sejajar dengan visi strategik kami. Segala usaha kami berakar umbi pada komitmen kami untuk mengekalkan dan

mengembangkan **pemilikan Bumiputera**, memastikan pelaburan kami menyumbang kepada pemerikasaan ekonomi dan inklusiviti. Dengan unjuran mandat pelaburan **Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB)**, kami akan terus menyelaraskan peruntukan modal dengan keutamaan-keutamaan nasional sambil mengekalkan kecekapan untuk mengejar peluang-peluang baharu.

- **Menguukuhkan Penciptaan Nilai Portfolio:** Kami akan terus meningkatkan ketahanan syarikat-syarikat portfolio kami dengan bekerjasama rapat dengan rakan operasi untuk memacu inovasi, meningkatkan kecekapan, dan mempercepatkan pengembangan pasaran.
- **Mengembangkan Inisiatif Kredit Persendirian:** Portfolio **Kredit Persendirian kami yang berjumlah RM800 juta** akan terus menyediakan penyelesaian pembiayaan alternatif, memastikan perusahaan-perusahaan mempunyai akses kepada modal yang diperlukan untuk berkembang dan menyesuaikan diri dalam pasaran yang berubah.
- **Memupuk Inovasi dan Kepimpinan:** Melabur dalam perusahaan yang menunjukkan potensi yang tinggi dan keupayaan untuk bersaing di peringkat global tetap menjadi keutamaan.
- **Membangunkan Pemimpin Masa Hadapan:** Pasukan yang cekap dan berkemampuan adalah asas kejayaan kami. Kami akan terus melabur dalam bakat, memastikan bahawa kami memupuk generasi pemimpin industri yang akan datang.

Nota Peribadi: Peralihan Kepimpinan

Ketika saya merengung penglibatan saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, saya berasa amat bangga dengan apa yang telah kita bina dan capai bersama. Peluang yang telah diberikan untuk memimpin Ekuinas mengemudi tahun-tahun pembentukannya dan mengharungi landskap pelaburan yang sentiasa berubah, adalah suatu yang istimewa. Di kala saya bersiap untuk beralih, saya yakin bahawa asas kukuh yang telah dibina bersama akan terus memacu Ekuinas ke hadapan. Pasukan kepimpinan baharu tetap teguh dalam memacu penciptaan nilai secara jangka panjang, dan saya tidak ragu-ragu bahawa pengganti saya akan terus menegakkan misi kita dengan semangat dan komitmen yang sama.

Setulus Penghargaan

Setiap usaha dan pencapaian kami tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan teguh daripada rakan-rakan kongsi, syarikat-syarikat portfolio, dan pasukan kakitangan kami yang berdedikasi. Keyakinan anda terhadap Ekuinas telah menjadi motivasi dan pemacu di sebalik kejayaan kami, dan saya amat berterima kasih atas kepercayaan dan kerjasama anda.

Di kala kita meraikan impak dan transformasi yang dijana sepanjang 15 tahun, harapan saya adalah untuk melihat Ekuinas terus bertumbuh, berkembang, dan membentuk masa hadapan ekuiti persendirian dengan ketahanan, inovasi, dan tujuan.

Salam mesra,

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif
Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas)

Membuka Lembaran yang Baharu

Kata Alu-aluan daripada **Aliff Omar Mohamad Omar**,
Ketua Pegawai Eksekutif, Ekuinas (dilantik pada 23 Mei 2025)



Saya teruja untuk memimpin Ekuinas ke lembaran yang seterusnya. Dengan peralihan pemilikan kepada Yayasan Pembangunan Bumiputera (YPB) sejak Januari 2025, Ekuinas kini merupakan sebahagian daripada usaha bersepadu yang lebih luas untuk memajukan keusahawanan dan pemerkasaan ekonomi Bumiputera. ”

Saya amat berbesar hati menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), sebuah firma di mana saya telah berkhidmat sejak tujuh (7) tahun yang lalu. Ini adalah detik yang sangat bermakna bagi saya, secara profesional dan peribadi, dan saya menerajui kepimpinan Ekuinas dengan penuh kesyukuran dan tanggungjawab yang mendalam.

Pertama, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Syed Yasir Arafat di atas kepimpinannya selama ini. Seseorang pemimpin diukur dengan apa yang ditinggalkannya. Di bawah kepimpinan Dato' Syed Yasir Arafat, Ekuinas telah berkembang kukuh dalam ruang modal persendirian, membina reputasi sebagai pelabur yang berdisiplin, penciptaan nilai yang mampan, dan impak jangka panjang terhadap pembangunan negara. Menjangkau peranan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Syed Yasir Arafat juga merupakan seorang mentor dan rakan bagi saya. Kebijaksanaan, integriti, dan komitmen teguh beliau kepada Ekuinas adalah tidak ternilai, dan saya amat berterimakasih di atas kepercayaan dan sokongan yang telah beliau berikan kepada saya. Beliau telah menetapkan standard yang tinggi, namun saya bersedia untuk terus membina dan berkembang, berlandaskan asas kukuh yang telah ditinggalkan.

Sambil kami mengorak langkah ke hadapan, saya yakin dengan kekuatan kolektif pasukan dalaman yang telah kami pupuk – barisan rakan sekerja yang berbekalkan kepakaran mendalam, pengetahuan institusi dan komitmen bersama terhadap mandat kami. Berpanduan bimbingan dari Lembaga Pengarah yang dihormati dan sokongan daripada pihak berkepentingan, kami berada di kedudukan yang teguh untuk mengemudi perjalanan seterusnya dengan mantap, sambil kekal berpegang teguh kepada nilai-nilai teras kami yang sentiasa membimbing kami dalam menjana nilai jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan dan terus memartabatkan negara melalui pelaburan modal persendirian.

Dalam melangkah ke hadapan, Ekuinas menjejak lembaran baharu yang penting, yang akan menyaksikan kami berubah dan berkembang bersama landskap modal persendirian yang berubah dengan pantas. Dengan pengenalan kredit persendirian pada penghujung TK2024, Ekuinas telah mengambil langkah berani melangkaui asas kami dalam ekuiti persendirian, mengembangkan platform kami ke ruang modal persendirian yang lebih luas. Evolusi ini mencerminkan cita-cita kami untuk menjadi pengurus aset alternatif yang lebih holistik - yang berkeupayaan untuk menyokong keperluan perusahaan di Malaysia yang berpelbagai dan dinamik, merentasi pelbagai peringkat pertumbuhan.

Saya teruja untuk memimpin Ekuinas ke lembaran yang seterusnya. Dengan peralihan pemilikan kepada Yayasan Pembangunan Bumiputera (YPB) sejak Januari 2025, Ekuinas kini merupakan sebahagian daripada usaha bersepadu yang lebih luas untuk memajukan keusahawanan dan pemeraksaan ekonomi Bumiputera. Penjajaran ini menandakan satu transformasi penting bagi Ekuinas, sambil mengukuhkan peranan kami dalam landskap pelaburan Malaysia yang semakin berkembang dan mengesahkan komitmen kami terhadap pembangunan negara.

Misi kami kekal jelas dalam usaha kami mencipta nilai yang bermakna, dan yang boleh diukur, untuk pihak berkepentingan kami dan menyumbang kepada ekonomi yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Kami akan terus melabur dengan berdisiplin, beroperasi dengan integriti, dan menjana hasil yang melangkaui pulangan - memperkasakan perusahaan-perusahaan, memperkasakan komuniti dan membuka peluang-peluang untuk generasi peneraju Malaysia.


Ia adalah suatu penghormatan untuk memimpin Ekuinas dan saya akan bekerja rapat dengan pasukan dalaman kami dan semua pihak berkepentingan sambil kami menavigasi perjalanan kami seterusnya dengan kejelasan, keyakinan dan impak.

Terima kasih di atas kepercayaan dan sokongan anda yang berterusan.

Salam hormat,

ALIFF OMAR MOHAMAD OMAR
Ketua Pegawai Eksekutif





4

Merangka Kemajuan: **Prestasi** Kami pada tahun 2024

Laporan Prestasi Pelaburan	60
Laporan Portfolio	92
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	92
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	94
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	96
Dana Asas Ekuinas	97
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	98
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	99
Nota kepada Pelaporan Portfolio	100

Laporan Prestasi Pelaburan

TESIS PELABURAN

Ekuinas berhasrat untuk mengenal pasti peluang pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersaiz sederhana di Malaysia dan mentransformasi serta mengembangkan perniagaan mereka menjadi peneraju pasaran dan pelaburan yang menguntungkan, dan seterusnya Ekuinas akan melupuskan aset tersebut dan menerapkan proses penciptaan nilai yang sama di syarikat-syarikat lain yang layak. Gambar di bawah menerangkan elemen utama strategi pelaburan kami.

Pendekatan Pelaburan

- Menyasar urus niaga yang menawarkan **pulangan melebihi pasaran** yang **mampam dan konsisten** sambil memenuhi sasaran dalaman, dan melindungi risiko
- Menumpu kepada **pelaksanaan Pelan Penciptaan Nilai (VCP)**, sambil mengambil kesempatan daripada peluang-peluang pelaburan yang baik

Kawalan

- Tumpuan kepada **kawalan sepenuhnya atau saiz pegangan yang besar** demi memastikan penyertaan bermakna
- Menyokong usahawan Bumiputera yang berkeupayaan dan berpotensi tinggi untuk Dana Asas
- Memastikan kemampuan untuk melaksanakan Pelan Penciptaan Nilai

Perlaksanaan Berfokus

- Penekanan pada **pelaksanaan Pelan Penciptaan Nilai**
- Penciptaan nilai operasi melalui **pertumbuhan dan kecekapan kos**
- Memastikan penggunaan modal yang cekap
- Memacu **pemerolehan** yang agresif
- **Menerapkan Amalan Terbaik** dalam pengurusan, operasi dan tadbir urus
- Pendekatan praktikal untuk memacu penciptaan nilai
- Memacu perolehan bakat untuk menggalakkan **perwakilan Bumiputera yang lebih besar** dalam pengurusan dan tenaga kerja

Syarikat


- Syarikat yang **hampir menjadi peneraju pasaran** atau syarikat yang berpotensi untuk menjadi peneraju pasaran
- Kelebihan **daya saing & kemampuan** yang unik
- Struktur **pengurusan yang baik** atau di mana penambahbaikan jelas boleh dilaksanakan

Industri

- Mengenalpasti industri yang pasaran pertengahan yang mempunyai peluang **pertumbuhan**, dari segi:
 - Pertumbuhan organik & keuntungan bahagian pasaran
 - Peluang penggabungan
 - Perkembangan di peringkat serantau
- Mengutamakan **industri-industri yang bebas berdaya saing** dan berbanding industri-industri berasaskan kontrak dan dengan pelanggan tunggal.


Pelupusan

- Premium akan dijamin untuk peneraju industri yang signifikan
- **Memaksimumkan pulangan** di samping **memastikan kemampuan ekuiti Bumiputera**




A KESELURUHAN

1. Dana Diterima



2. Penggunaan Dana



Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG

1. Gambaran Keseluruhan Dana

	EKUITI PERSENDIRIAN					KREDIT PERSENDIRIAN*
DANA	DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE I)	DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)	DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)	DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV)	DANA ASAS EKUINAS	DANA KREDIT PERSENDIRIAN EKUINAS
TAHUN PENUBUHAN	2010	2012	2014	2019	2023	2024
STATUS	Terealisasi Sepenuhnya	Telah Dilaburkan	Telah Dilaburkan	Sedang Dilaburkan	Sedang Dilaburkan	Sedang Dilaburkan
MODAL KOMITED	RM1.0 Bilion	RM1.0 Bilion	RM1.5 Bilion	RM1.0 Bilion	RM100 Juta	RM800 Juta
TEMPOH	5 + 2 + 1 tahun	5 + 2 + 1.5 + 2 + 2 + 1 tahun	5 + 1 + 2 + 4 tahun	5 + 4 tahun	8 + 2 tahun	5 + 2 tahun
JANGKA MASA PELABURAN	3 hingga 5 Tahun					
BENTUK & STRUKTUR UNDANG-UNDANG	Seorang Pengurus Dana dan Seorang Pelabur					
SAIZ SYARIKAT	Pasaran Pertengahan				Pasaran Pertengahan, Pertumbuhan Awal	Pasaran Pertengahan,
INDUSTRI TUMPUAN	Pendidikan, Minyak & Gas, FMCG, Peruncitan & Rekreasi, Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan					
JENIS PELABURAN	Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan				Modal Pertumbuhan	Pinjaman Terus

* Prestasi pelaburan Dana Kredit Persendirian Ekuinas tidak dipaparkan kerana dana tersebut masih dalam peringkat awal pelaksanaan.

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

2. Aktiviti Pelaburan

a. Aktiviti Pelaburan Langsung untuk 2024

RM Juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Jumlah untuk Tahun		
			Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Dana Ekuinas Direct (Tranche I):					
Symbiotica Speciality Ingredients Sdn Bhd	Penjagaan Kesihatan	80.0%	374.2	–	374.2
Dana Asas Ekuinas:					
Mizou Holdings Sdn Bhd	Dagangan Perindustrian	19.4%	37.0	–	37.0

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Kumulatif pada 31 Disember 2024

RM Juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Dana Ekuinas Direct (Tranche I)					
1 Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG	20.0%			
2 Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Minyak & Gas	24.0%			
3 Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Perkhidmatan	61.6%			
4 APIIT Education Group (APIIT)	Pendidikan	51.0%			
5 Burger King Group (BK)	Peruncitan	74.1%	1,258.2	122.1	1,380.3
6 Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan	90.0%			
7 Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan	85.8%			
8 Cosmopoint Group (Cosmopoint)	Pendidikan	90.0%			
9 UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan	90.0%			
10 Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	70.7%			
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)					
1 Burger King Group (BKM & BKS)	Peruncitan	100.0%			
2 ICON^	Minyak & Gas	17.4%			
3 PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pembuatan Makanan	100.0%			
4 Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan	45.9%			
5 SF*	Peruncitan	–	1,074.9	–	1,074.9
6 RV	Peruncitan	–			
7 Coolblog Apps Sdn Bhd (Coolblog)	Peruncitan	60.0%			
8 Orkim Sdn Bhd* (Orkim)	Minyak & Gas	95.5%			
9 Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby)	Pendidikan	70.0%			
10 Tranglo Sdn Bhd (Tranglo)	Perkhidmatan Teknologi	60.0%			

* Termasuk pelaburan susulan

^ Penyatuan pra-saham dan pengeluaran terbitan hak pada Januari 2020

Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Kumulatif pada 31 Disember 2024

RM Juta Syarikat Portfolio		Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)						
1	MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd (Medix)	Penjagaan Kesihatan	60.0%	1,717.1	–	1,717.1
2	PMCare Sdn Bhd (PMCare)	Penjagaan Kesihatan	60.0%			
3	ILMU Education Group (ILMU)	Pendidikan	100.0%			
4	Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan)	Peruncitan	35.0%			
5	ICON	Minyak & Gas	–			
6	Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex)	Pembuatan	100.0%			
7	RV*#	Peruncitan F&B	97.2%			
8	Cosmopoint***	Pendidikan	100.0%			
9	UNITAR*#	Pendidikan	100.0%			
10	ICON#	Minyak & Gas	0.3%			
11	Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG)*	Pembuatan	76.1%			
12	Exabytes Capital Group Sdn Bhd (Exabytes)	Perkhidmatan Teknologi	45.4%			
13	ICON+	Minyak & Gas	55.7%			
14	ICON+^^	Minyak & Gas	0.1%			
15	ICON	Minyak & Gas	–			
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)						
1	Medispec (M) Sdn Bhd	Penjagaan Kesihatan	75.0%	465.5	–	465.5
2	Symbiotica Speciality Ingredients Sdn Bhd	Penjagaan Kesihatan	80.0%			
3	Xenergi Sdn Bhd	Penyelesaian Kecekapan Tenaga	51.0%			
Dana Ekuinas Dana Asas						
1	Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd (Kaisar Farmasi)	Penjagaan Kesihatan	34.8%	56.5	–	56.5
2	Mizou Holdings Sdn Bhd	Dagangan Perindustrian	19.4%			
Jumlah Pelaburan Kumulatif Dilaksanakan				4,572.2	122.1	4,694.3

* Termasuk pelaburan susulan

Dipindahkan daripada Dana Ekuinas Direct (Tranche I)

** Termasuk pemerolehan kepentingan minoriti

~ Dipindahkan daripada Dana Ekuinas Direct (Tranche II)


+ Selepas penyatuan saham pada November 2023

^ Selepas penyatuan saham dan pengeluaran terbitan hak pada Januari 2020

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)


c. Analisis Komposisi Pelaburan - Aktif*



B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)


c. Analisis Komposisi Pelaburan - Aktif* (sambungan)



B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)


c. Analisis Komposisi Pelaburan - Kumulatif



B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

2. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

c. Analisis Komposisi Pelaburan - Kumulatif (sambungan)



B Pelaburan Langsung (sambungan)

3. Aktiviti Realisasi

Aktiviti Realisasi Kumulatif pada 31 Disember 2024

Pelaburan yang Direalisasikan RM juta	Tahun Terealisasi	% Pelaburan Terealisasi	Jumlah Amaun Terealisasi
Terealisasi Sepenuhnya			
TOB	2012	100.0	3,687.8
KLB	2013	100.0	
BKM & BKS^	2015	100.0	
SF^	2015	100.0	
ACG	2016	100.0	
APIIT & Tenby^	2017	100.0	
UNITAR & Cosmopoint*	2017	100.0	
RV*	2017	100.0	
Tranglo	2018	100.0	
Medix & PMCare	2018	100.0	
APIIT Lanka^	2019	100.0	
Primabaguz	2019	100.0	
ICON^	2019	N/A	
Coolblog	2020	100.0	
ICON	2023	100.0	
ICON^	2014	89.1	
ICON*	2020	N/M	
Cosmopoint**	2024	100.0	
Separa Realisasi			
ICON	2024	50.2	

[^] Realisasi di peringkat dana merentas pelbagai dana

^{*} Dipindahkan ke Dana Ekuinas Direct (Tranche III).

^{**} Pelupusan Cosmopoint kepada Unitar (perasionalan aset Kumpulan Pendidikan)

Laporan Prestasi Pelaburan

B Pelaburan Langsung (sambungan)

4. Prestasi Syarikat Portfolio

Prestasi Syarikat Portfolio - Gabungan Hasil dan EBITDA

Syarikat RM juta	Hasil (RM juta)			EBITDA (RM juta)*		
	2024^ A	2023 B	% Pertumbuhan A - B	2024^ A	2023 B	% Pertumbuhan A - B
Kumpulan Pendidikan	129.6	101.8	27.3%	21.8	12.3	77.2%
Peruncitan - F&B	59.7	67.3	-11.3%	5.3	0.4	>100.0%
Minyak & Gas	259.2	251.6	3.0%	164.9	154.8	6.5%
Peruncitan	423.3	489.5	-13.5%	(2.0)	27.7	(>100.0%)
Kumpulan Pembuatan	305.1	343.5	-11.2%	22.5	21.9	2.7%
Perkhidmatan Teknologi	141.6	121.2	16.8%	25.5	19.5	30.8%
Penjagaan Kesihatan	186.0	155.2	19.8%	25.4	18.3	38.8%
Gabungan Syarikat Portfolio	1,504.5	1,530.1	-1.7%	263.4	254.9	3.3%

* Dilaraskan untuk item luar biasa di mana berkenaan

^ Keputusan tidak diaudit

Nota: Di atas mewakili prestasi kewangan setahun penuh

5. Aktiviti Pelaburan

5.1 Dana Ekuinas Direct (Tranche II)

a. Prestasi Pelaburan

	2024	2023
IRR Kasar Tahunan	12.0%	11.5%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	9.0%	8.3%


IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

B Pelaburan Langsung (sambungan)

5. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

5.1 Dana Ekuinas Direct (Tranche II) (sambungan)


b. Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Dana Ekuinas Direct (Tranche II)



^A Jumlah digabungkan membawa kepada Pulangan Portfolio Kasar kumulatif sebanyak RM925.4 juta pada akhir tahun 2024

[#] Bersih daripada pembiayaan dan tidak termasuk pelaburan dalam RV RPS sebanyak RM10.0 juta yang telah dirosot nilai sepenuhnya

c. Perubahan Nilai Portfolio Dana Ekuinas Direct (Tranche II) pada 31 Disember 2024



^A Jumlah digabungkan membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM765.4 juta untuk tahun 2023

^B Jumlah digabungkan membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM925.4 juta untuk tahun 2024

^C Jumlah digabungkan membawa kepada perubahan sebanyak RM160.0 juta

[#] Bersih daripada pembiayaan dan tidak termasuk pelaburan dalam RV RPS sebanyak RM10.0 juta yang telah dirosot nilai sepenuhnya

^A Dilaraskan untuk perbandingan

B Pelaburan Langsung (sambungan)

5. Aktiviti Pelaburan (sambungan)


5.2 Dana Ekuinas Direct (Tranche III)

a. Prestasi Pelaburan

	2024	2023
IRR kasar tahunan	1.6%	-0.6%
IRR bersih tahunan (sebelum faedah)	-2.5%	-5.1%


IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

b. Peningkatan Nilai Portfolio Kumulatif Dana Ekuinas Direct (Tranche III)



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Portfolio Kasar kumulatif sebanyak RM88.3 juta pada akhir tahun 2024
[#] Jumlah pembiayaan bersih kecuali bagi pelaburan dalam Davex

C. Perubahan Nilai Portfolio Dana Ekuinas Direct (Tranche III) pada 31 Disember 2024



^A Jumlah digabungkan membawa kepada Kerugian Portfolio Kasar kumulatif sebanyak RM29.0 juta untuk tahun 2023
^B Jumlah digabungkan membawa kepada Pulangan Portfolio Kasar kumulatif sebanyak RM88.3 juta untuk tahun 2024
^C Jumlah digabungkan membawa kepada perubahan sebanyak RM117.3 juta bagi tahun semasa
[#] Jumlah pembiayaan bersih kecuali bagi pelaburan dalam Davex
^A Dilaraskan untuk perbandingan

B Pelaburan Langsung (sambungan)

5. Aktiviti Pelaburan (sambungan)


5.3 Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)

a. Prestasi Pelaburan

	2024	2023
IRR kasar tahunan	38.9%	43.0%
IRR bersih tahunan (sebelum faedah)	6.5%	-2.4%


IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

b. Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)



^A Jumlah digabungkan membawa kepada Pulangan Portfolio Kasar kumulatif sebanyak RM163.4 juta untuk tahun 2024

c. Perubahan Nilai Portfolio Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) pada 31 Disember 2024



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM83.0 juta pada tahun 2023

^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM163.4 juta pada tahun 2024

^C Jumlah digabung membawa kepada perubahan sebanyak RM80.4 juta pada tahun semasa

5.4 Dana Asas Ekuinas

Prestasi kewangan Dana Asas Ekuinas tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih dalam peringkat awal pelaburan.


B Pelaburan Langsung (sambungan)

6. Pengagihan

Jumlah yang diagihkan setakat 31 Disember 2024

RM320.0 juta

Pada April 2020, Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja Pengagihan Keuntungan yang Disemak, seperti berikut:



SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO SEKILAS PANDANG




Kumpulan Pendidikan Unitar

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Mei 2012



Pemilikan
100.0%




Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Bumiputera yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Februari 2023



Pemilikan
34.8%




Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Bumiputera yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Julai 2016



Pemilikan
35.0%



Orkim Sdn Bhd


Jenis pelaburan

Pembelian keluar aset bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)

Tarikh pemerolehan

Ogos 2014

Selesai pemerolehan kepentingan minoriti pada Februari 2025



Pemilikan
95.5%




Revenue Valley Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh pemerolehan

Januari 2012



Pemilikan
97.2%




Flexi Versa Group Sdn Bhd

Jenis pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh




Tarikh pemerolehan


April 2018



Pemilikan
76.1%

Laporan Prestasi Pelaburan

 Mizou Holdings Sdn Bhd Jenis pelaburan Pelaburan dalam syarikat Bumiputera yang kukuh Tarikh pemerolehan Mei 2024	 Pemilikan 19.4%	 Xenergi Sdn Bhd Jenis pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Bumiputera yang kukuh Tarikh pemerolehan Julai 2024	 Pemilikan 51.0%
 Exabytes Capital Group Sdn Bhd Jenis pelaburan Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh Tarikh pemerolehan Mac 2019	 Pemilikan 45.4%	 Jenis pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh Tarikh pemerolehan November 2012, penggabungan TKS dan Omni Pelupusan Signifikan Selesai pelupusan 50.2% pegangan pada Mac 2024	 Pemilikan <5%
 Symbiotica Specialty Ingredients Sdn Bhd Jenis pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh Tarikh pemerolehan April 2024	 Pemilikan 80.0%		

**Butiran Transaksi****Jenis pelaburan:**

Pelaburan dalam syarikat Bumiputera yang kukuh

Tarikh pemerolehan:

Julai 2016

Pemilikan:

35.0%

PROFIL

- Al-Ikhsan ialah peruncit sukan pelbagai jenama yang terkemuka di Malaysia dengan tiga (3) dekad sejarah dan kini mempunyai 189 cawangan milik korporat. Syarikat ini menjual peralatan sukan, pakaian dan kasut daripada jenama-jenama utama termasuk Adidas, Nike, Puma, Asics, Umbro dan Lotto.
- Al-Ikhsan juga merupakan pemilik utama jenama AL Sports dan memasarkan pelbagai barangan sukan di bawah tanda dagangan AL dan ALX.

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan dalam peruncit sukan pelbagai jenama terkemuka di Malaysia.
- Peluang untuk pertumbuhan dalam keuntungan menerusi penambahbaikan operasi dan pertumbuhan jualan.

	2024 [^] RM juta	2023 RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	423.3	489.5	-13.5%
EBITDA*	(2.0)	27.7	(>100%)

[^] Tidak diaudit

* Dilaraskan untuk butiran luar biasa jika berkenaan



Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan:
Pelaburan majoriti
dalam syarikat Malaysia
yang kukuh

Tarikh Pemerolehan:
Mei 2012

Pemilikan:
100.0%

PROFIL


- Ditubuhkan: 1997
- Perkembangan Baru: Berikutan penyatuan kumpulan Pendidikan oleh Ekuinas, kedua-dua Cosmopoint College dan Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) telah diambil alih oleh Kumpulan Pendidikan UNITAR pada tahun 2024. Cosmopoint College telah dijenamakan semula sebagai UNITAR College dan KLMUC kini dikenali sebagai NITAR University College Kuala Lumpur (UUCKL).
- Lokasi: Selangor dan 10 pusat serantau bebas di seluruh Malaysia.
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi dan Program Kelayakan Mikro.
- Fokus Program: Program Akademik di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran serta Program Kelayakan Mikro menerusi platform pembelajaran dalam talian dan program latihan korporat.
- Mod Penyampaian: Fleksibel - konvensional, dalam talian dan hibrid untuk terus menyokong komitmen kami terhadap pembelajaran sepanjang hayat.

RASIONAL PELABURAN

- Industri bersaiz besar dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.
- Kumpulan pendidikan yang mempunyai rekod prestasi yang kukuh.

	2024 [^] RM juta	2023 RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	129.6	101.8	27.3%
EBITDA*	21.8	12.3	77.2%
Bilangan pelajar	14,795	12,862	15.0%

[^] Tidak diaudit
* Dilaraskan untuk butiran luar biasa jika berkenaan



Revenue Valley Sdn Bhd

(Tony Roma's, The Manhattan FISH MARKET
New York Steak Shack dan Daporlah)

Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan:
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan:
Januari 2012

Pemilikan:
97.2%

PROFIL

- Ditubuhkan: 2002
- Cawangan milik korporat: 21
- Cawangan Francais: 13
- Jenis: Hidangan Santai


RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan dalam jenama makanan dan minuman (F&B) yang kukuh.
- Pelaburan dalam industri F&B, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna.
- Kehadiran antarabangsa menerusi francais di negara seperti Bangladesh, Myanmar, Sri Lanka, Jordan dan Maldives.
- Pasukan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membangunkan pasukan pengurusan yang profesional.

	2024 [^] RM juta	2023 RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	59.7	67.3	-11.3%
EBITDA*	5.3	0.4	>100.0%

[^] Tidak diaudit

* Dilaraskan untuk butiran luar biasa jika berkenaan



Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan:
Pembelian keluar aset
bukan teras syarikat
berkaitan Kerajaan (GLC)

Tarikh Pemerolehan:
Ogos 2014

Pemilikan:
95.5%
(Pemerolehan kepentingan minoriti
selesai pada Februari 2025)

PROFIL

- Salah sebuah syarikat pemilik-pengendali kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) dan Gas Petroleum Cecair (LPG) terkemuka di Malaysia.
- Rekod pertumbuhan yang kukuh dengan 17 kapal di bawah pemilikan dan pengurusan.
- Mengangkut CPP/LPG dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh Malaysia dan rantau ini dengan anggaran 50% bahagian pasaran domestik dari segi kapasiti.

RASIONAL PELABURAN

- Syarikat peneraju Malaysia dalam industri logistik marin dengan kehadiran serantau.
- Mempunyai rekod prestasi yang baik dengan Syarikat-syarikat minyak utama termasuk Petronas, Shell, Petron dan BHP.
- Pasukan pengurusan yang berpengalaman luas dengan peluang untuk mengembangkan lagi keupayaan dalaman.

	2024^ RM juta	2023 RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	259.2	251.6	3.0%
EBITDA*	164.9	154.8	6.5%

^ Tidak diaudit
* Dilaraskan untuk butiran luar biasa jika berkenaan

Flexi Versa Group Sdn Bhd

Butiran Trasaksi

Jenis Pelaburan:
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan:
April 2018

Pemilikan:
76.1%

PROFIL

- Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG) ialah Pembekal Perkhidmatan Pembuatan Elektronik (EMS) bersepadu menegak, menyampaikan keupayaan dan penyelesaian hujung ke hujung menyeluruh, merangkumi Acuan Suntikan Plastik Ketepatan, Elektro-Akustik, Elastomer, PCBA, Binaan Kotak, Pengujian & Pemeriksaan, dan Rantaian Bekalan.
- Menerusi jejak serantau Kumpulan dan rakan kongsi strategik kami, FVG telah mewujudkan kehadiran merentasi Asia Tenggara, Asia Utara, dan Amerika, membolehkannya menyampaikan penyelesaian inovatif kepada portfolio jenama terkemuka dunia dalam industri seperti Perindustrian & Teknologi Bersih, Perubatan, Semikonduktor, Gaya Hidup Premium, Telekomunikasi, IoT, serta Pertahanan & Keselamatan.
- Memanfaatkan teknologi canggih, fleksibiliti operasi, dan pendekatan berpusatkan pelanggan, FVG memastikan kualiti, kecekapan, dan skalabiliti pada setiap peringkat proses pembuatan, menjadikannya rakan kongsi yang dipercayai oleh OEM global serta syarikat-syarikat yang inovatif.

RASIONAL PELABURAN

- Hubungan kukuh dengan Pengilang Peralatan Asal yang besar (OEM).
- Keupayaan pembuatan yang bersepadu dengan jejak serantau.

	2024 [^] RM juta	2023 RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	276.2	283.3	-2.5%
EBITDA*	27.7	31.4	-11.8%

[^] Tidak diaudit

* Dilaraskan untuk butiran luar biasa jika berkenaan



Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan:
Pelaburan dalam syarikat
Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan:
Mac 2019

Pemilikan:
45.4%

PROFIL

- Exabytes ditubuhkan pada tahun 2001 dengan tumpuan untuk menjadi penyedia penyelesaian sehenti yang menyasarkan keperluan pelanggan akhir bagi mengembangkan perniagaan dalam talian mereka. Produk teras termasuk pendaftaran domain, pengehosan web, reka bentuk laman web, pelayan/VPS, penyelesaian awan, penyelesaian peruncitan baharu dan perkhidmatan pemasaran digital.
- Peneraju pasaran di Malaysia dan jenama terkemuka di Singapura dan Indonesia, dengan gabungan lebih 110,000 pelanggan aktif.

RASIONAL PELABURAN

- Potensi untuk menjadi peneraju pasaran Asia Tenggara dalam bidang pengehosan internet dan awan.
- Prospek pertumbuhan industri yang mantap, didorong oleh pendigitalan korporat dan pengembangan ekonomi internet.

	2024^ RM juta	2023 RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	141.6	121.2	16.8%
EBITDA*	25.5	19.5	30.9%

^ Tidak diaudit
* Dilaraskan untuk butiran luar biasa jika berkenaan



Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd (Kaisar Farmasi)

Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan:
Pelaburan dalam syarikat Bumiputera yang kukuh

Tarikh Pemerolehan:
Februari 2023

Pemilikan:
34.8%

PROFIL

- Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd atau nama runcitnya “Kaisar Farmasi”, ialah rangkaian farmasi komuniti dengan 33 cawangan di Lembah Klang dan Perak.
- Penawaran produknya yang pelbagai merangkumi spektrum yang luas, daripada ubat terkawal dan belian kaunter, peranti perubatan, keperluan penjagaan diri, barangan penjagaan bayi, suplemen kesihatan am dan pelbagai jenis ubat herba tradisional.
- Sehingga kini, Kaisar mempunyai lebih 50 produk yang dipasarkan di bawah jenama label peribadinya, iaitu VitalSign dan DeVenus.

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan dalam rantai farmasi komuniti Bumiputera yang terkemuka dengan kedudukan pasaran yang kukuh.
- Ekuinas menyokong usahawan Bumiputera yang berwawasan dan berpengalaman, Nor Hazalina Ibrahim, yang merupakan ahli farmasi terlatih dengan pengalaman kawal selia yang luas (NPRA).

	2024 [^] RM juta	2023 RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	29.2	25.1	16.3%
EBITDA*	(2.7)	(0.6)	(>100%)

[^] Tidak diaudit

* Dilaraskan untuk butiran luar biasa jika berkenaan

PENJAGAAN KESIHATAN



Medispec (M) Sdn Bhd

Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan:
Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan:
Januari 2021

Pemilikan:
75.0%

Tarikh Penjualan:
Mac 2025

PROFIL

- Ditubuhkan: 1985.
- Lokasi: Petaling Jaya, Selangor & Pulau Pinang.
- Medispec adalah syarikat pengedaran dan pemasaran yang terkemuka untuk produk farmaseutikal & suplemen kesihatan.
- Ia memasarkan lebih daripada 150 ubat farmaseutikal dan lebih daripada 50 suplemen kesihatan di bawah jenama label peribadi Vitamode yang berkembang pesat.

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan dalam syarikat pengedaran dan pemasaran terkemuka untuk produk farmaseutikal & suplemen kesihatan dengan kehadiran pasaran berbilang saluran yang kukuh.
- Saluran produk yang sihat dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.

	2024^ RM juta	2023 RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	156.8	130.1	20.5%
EBITDA*	28.1	18.9	48.7%

^ Tidak diaudit
* Dilaraskan untuk butiran luar biasa jika berkenaan



Mizou Holdings Sdn Bhd

Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan:
Pelaburan dalam syarikat Bumiputera yang kukuh

Tarikh Pemerolehan:
Mei 2024

Pemilikan:
19.4%

PROFIL

- Ditubuhkan pada tahun 2001.
- Mizou terlibat terutamanya dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembuatan, jualan dan perkhidmatan sokongan traktor pertanian khusus di bawah jenama "Mizou".
- Pada masa ini digunakan terutamanya oleh syarikat perladangan kelapa sawit, traktor dibina untuk pengumpulan dalam ladang, pembajaan dan kawalan mahluk perosak dengan keupayaan untuk mengemudi keadaan tanah dan rupa bumi yang berbeza.

RASIONAL PELABURAN

- Prospek pertumbuhan yang kukuh didorong oleh peralihan ke arah mekanisasi untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran oleh pemaju ladang kelapa sawit.
- Peluang untuk pertumbuhan dalam jualan dan keuntungan menerusi penambahbaikan operasi dan pengembangan pasaran serantau.



Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan:
Pelaburan majoriti
dalam syarikat Malaysia
yang kukuh

Tarikh Pemerolehan:
April 2024

Pemilikan:
80.0%

PROFIL

- Symbiotica Specialty Ingredients Sdn Bhd (Symbiotica) ialah pengilang Bahan Farmaseutikal Aktif (API) tempatan yang terkemuka yang melayani pelanggan di Malaysia dan lebih daripada 70 negara lain.
- Berpusat di Seberang Perai di Pulau Pinang dengan fasiliti pembuatan di Kulim, Kedah, Symbiotica pakar dalam mengeluarkan API hormon kortikosteroid dan steroid, yang merupakan bahan terapeutik utama dalam ubat bagi persediaan farmaseutikal, disediakan untuk rawatan penyakit dan gangguan untuk penggunaan manusia dan veterinar.
- Terkenal bagi pematuhan terhadap piawaian kualiti antarabangsa, Symbiotica mempunyai pensijilan berprestij seperti Sijil GMP dari Agensi Pengawalseliaan Farmaseutikal Negara (NPRA) dan telah mematuhi piawaian ketat yang ditetapkan oleh badan kawal selia termasuk Pentadbiran Makanan dan Ubatan Amerika Syarikat (FDA AS) dan Agensi Farmaseutikal dan Peranti Perubatan (PMDA) Jepun.

RASIONAL PELABURAN

- Pembuat API Malaysia terkemuka dengan kedudukan kukuh di rantau Asia Tenggara.
- Perniagaan yang dipacu eksport dengan jejak global—melayani lebih 70 negara merentasi enam (6) benua.
- Menunjukkan rekod prestasi pertumbuhan yang konsisten dengan portfolio berpelbagai dengan lebih 70 produk API.

Xenergi Sdn Bhd

Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan:
Pelaburan majoriti dalam syarikat Bumiputera yang kukuh

Tarikh Pemerolehan:
Julai 2024

Pemilikan:
51.0%

PROFIL

- Xenergi Sdn Bhd ialah syarikat penasihat dan penyelesaian tenaga milik Bumiputera dengan kepakaran dalam tenaga boleh diperbaharui (RE), kecekapan tenaga (EE), dan perundingan kemampunan.
- Ditubuhkan pada tahun 2018, Xenergi menyampaikan penyelesaian kejuruteraan hujung ke hujung yang disesuaikan untuk penggunaan komersil, perindustrian dan kediaman. Tawarannya termasuk penjanaan tenaga suria, sistem pengurusan tenaga, pengoptimuman penyejukan, dan nasihat bangunan hijau — membantu pelanggan mengurangkan kos tenaga, dan mencapai matlamat kemampunan.
- Rekod dalam Memperoleh Projek
 - Sehingga kini, Xenergi telah memperoleh sebanyak 9.76MW EPC projek tenaga solar merentasi pelbagai negeri di Malaysia, termasuk Kedah, Kelantan, Selangor, dan Negeri Sembilan.
 - Di samping itu, terdapat saluran yang sihat bagi projek yang disasarkan untuk tahun 2025, di mana proses tender dan cadangan dalam pelaksanaan.
- Pencapaian ini membuktikan kepakaran pasukan pengurusan dalam tenaga boleh diperbaharui (RE) dan kecekapan tenaga (EE) dan mencerminkan kepercayaan berterusan pasaran terhadap keupayaan mereka.

RASIONAL PELABURAN

- Membangunkan Usahawan Bumiputera dalam Sektor Pertumbuhan Tinggi didorong oleh inisiatif ESG dan Hijau
 - Selaras dengan agenda peralihan hijau Malaysia, Xenergi berada pada kedudukan yang baik dalam sektor yang mendapat manfaat daripada pengukuhan dasar dan keutamaan ESG yang semakin meningkat.

Laporan Prestasi Pelaburan

C PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

1. Tinjauan Keseluruhan Dana

DANA	TRANCHE I	TRANCHE II
MODAL TERIKAT	Ekuinas RM400.0 juta	Ekuinas RM240.0 juta
	LP lain RM151.9 juta	LP lain RM110.1 juta
	Jumlah RM551.9 juta	Jumlah RM350.1 juta
TUMPUAN PELABURAN	Modal Pertumbuhan Malaysia	
SEKTOR KEUTAMAAN	Minyak & Gas, Pendidikan, Barangan Pengguna Laris (FMCG), Peruncitan & Rekreasi, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan	

2. Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) yang Dilantik

NAVIS CAPITAL PARTNERS Nama Dana Navis Malaysia Growth Opportunities Fund 1, L.P. 	TAEL PARTNERS Nama Dana TAEL Tijari (OFM) L.P. 	RM CAPITAL PARTNERS (RMCP) Nama Dana RMCP One Sdn Bhd 	COPE PRIVATE EQUITY Nama Dana COPE Opportunities 3 Sdn Bhd 
Saiz Dana RM301.9 juta	Saiz Dana RM101.0 juta	Saiz Dana RM109.1 juta	Saiz Dana RM80.0 juta <i>(Dibubarkan pada Julai 2024)</i>

C PROGRAM PENYUMBERAN LUAR (SAMBUNGAN)

3. Aktiviti Pelaburan

Aktiviti Pelaburan Program Penyumberan Luar Kumulatif pada 31 Disember 2024

RM juta	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Subjumlah		
Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier)*	Navis MGO	FMCG					
MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)*	Navis MGO	Peruncitan & Rekreasi					
SEG International (SEGi)*	Navis MGO	Pendidikan					
Strateq Sdn Bhd (Strateq)*	Navis MGO	Perkhidmatan					
HG Power Transmission Sdn Bhd (HGPT)*	Navis MGO	Perkhidmatan	264.0	110.2	374.2	334.2	708.4
Brickfields Asia College (BAC)	Navis MGO	Pendidikan					
Macroiosk Sdn Bhd (Macroiosk)	CNEF	Perkhidmatan					
R.E.A.L Education Group (REAL)	CNEF	Pendidikan					
Mega Fortris Innovation (Malaysia) Sdn Bhd (Mega Fortris)	TAP	Pembuatan					
Big Sdn Bhd (Big Group)	Navis MGO	F&B dan Peruncitan					
STX Precision Corporation Sdn Bhd (STX)	COPE	Perkhidmatan					
Consobiz Ventures Sdn Bhd (Consobiz)	RMCP	FMCG					
Excelvite Sdn Bhd (Excelvite)	TAEL	Pembuatan					
Romstar Sdn Bhd (Romstar)	RMCP	Pembuatan					
Packerman Sdn Bhd (Packerman)	RMCP	Pembuatan	75.6	46.0	121.6	19.0	140.6
MBG Holdings Sdn Bhd (MBG)	COPE	F&B dan Peruncitan					
My-Sutera Holdings Sdn Bhd (My-Sutera)	COPE	Pembuatan					
Tanamera Group Sdn Bhd (Tanamera)	RMCP	FMCG					
Jumlah Kumulatif Pelaburan Yang Dilaksanakan			339.6	156.2	495.8	353.2	849.0

* Termasuk pelaburan susulan.

4. Prestasi Dana

4.1 Dana Outsourced Ekuinas (Tranche I)

Prestasi Pelaburan	2024	2023
IRR kasar tahunan	3.8%	4.1%
IRR bersih tahunan (sebelum faedah)	3.1%	3.3%

4.2 Dana Outsourced Ekuinas (Tranche II)

Prestasi Pelaburan	2024	2023
IRR kasar tahunan	-6.9%	-3.1%
IRR bersih tahunan (sebelum faedah)	-8.0%	-4.1%

Laporan Prestasi Pelaburan

SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO DI BAWAH PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

 EXCELVITE SDN BHD Butiran Transaksi OFM: Tael Capital Partners Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: April 2015	 ROMSTAR SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Perkhidmatan Tarikh Pemerolehan: Januari 2016	 PACKERMAN SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: Julai 2016
--	---	--

D PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

a. Nilai Ekuiti Bumiputera dan Jumlah Nilai Ekonomi

Jumlah untuk Syarikat Portfolio	Bumiputera				Jumlah Syarikat			
	Ex Ante	Pada 31 Disember	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan Modal Pelaburan Ekuinas	Ex Ante	Pada 31 Disember	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan Modal Pelaburan Ekuinas
2024	2,487.6	7,744.9	6,924.0	1.6x	6,255.4	9,490.4	8,800.3	2.0x
2023	2,381.4	7,186.9	6,447.6	1.6x	5,791.8	8,734.1	8,088.9	2.1x

D PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

b. Syarikat Portfolio – Pengurusan dan Pekerja

	Bilangan Pekerja Bumiputera	Jumlah Bilangan Pekerja	% Bumiputera Kepada Jumlah Bilangan Pekerja	% Peningkatan dalam Bilangan Pekerja Bumiputera daripada Ex Ante
2024				
Pengurusan	258	697	37.0%	28.4%
Pekerja	9,895	17,114	57.8%	13.2%
2023				
Pengurusan	251	779	32.2%	28.1%
Pekerja	9,969	17,061	58.4%	15.2%

E EKUITI NASIONAL BERHAD - SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)	2024 RM juta	2023 RM juta
Jumlah Dana Di Bawah Pengurusan (FuM)	5,040.0	4,240.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	53.0	41.3
Nisbah OPEX kepada FuM	1.1%	1.0%
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat (PATZ)	2.5	3.9

Laporan Portfolio

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)

1. Tinjauan Dana

NAMA DANA	Dana Ekuinas Direct (Tranche II)
TAHUN PENUBUHAN	2012
STATUS	Telah dilaburkan
MODAL TERIKAT	RM1.0 bilion
TEMPOH	5 + 2 + 1.5 + 2 + 2 + 1 tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 5 tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur Dana: Dana Ekuinas Direct (Tranche II) Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan
TUMPUAN INDUSTRI	• Pendidikan • Minyak & Gas • Barangan Pengguna Laris (FMCG) • Peruncitan & Rekreasi • Penjagaan Kesihatan • Perkhidmatan

2. Prestasi Pelaburan

(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2024

IRR Kasar	12.0% setahun
IRR bersih	9.0% setahun

IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

(b) Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2024

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Jumlah Terealisasi RM juta
Icon Offshore Berhad	25 Jun 2014	7.8	901.1
Burger King Singapore	18 Ogos 2015	100.0	
Burger King Malaysia	18 Ogos 2015	20.9	
Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	28 Mac 2016	–	
Tenby Educare Sdn Bhd	17 Januari 2018	70.0	
Tranglo Sdn Bhd	11 Oktober 2018	60.0	
Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd	25 Februari 2019	45.9	
Primabaguz Sdn Bhd	18 Ogos 2020	100.0	
Icon Offshore Berhad	30 Januari 2020	–	
Coolblog Apps Sdn Bhd	20 Julai 2020	60.0	
Icon Offshore Berhad	30 September 2020	0.1	

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)

1. Tinjauan Dana

NAMA DANA	Dana Ekuinas Direct (Tranche III)
TAHUN PENUBUHAN	2014
STATUS	Telah dilaburkan
MODAL TERIKAT	RM1.5 bilion
TEMPOH	5 + 1 + 2 + 4 tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 5 tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur Dana: Dana Ekuinas Direct (Tranche III) Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan
TUMPUAN INDUSTRI	• Pendidikan • Minyak & Gas • Barangan Pengguna Laris (FMCG) • Peruncitan & Rekreasi • Penjagaan Kesihatan • Perkhidmatan

2. Prestasi Pelaburan

(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2024

IRR Kasar	1.6% setahun
IRR bersih	-2.5% setahun

IRR bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

(b) Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2024

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Jumlah Terealisasi RM juta
ILMU Education Group	29 Disember 2017	49.0	743.4
ILMU Education Group	17 Januari 2018	30.0	
PMCare Sdn Bhd	31 Januari 2019	60.0	
MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd	31 Januari 2019	60.0	
ILMU Education Group	25 Februari 2019	37.6	
Icon Offshore Berhad	30 Januari 2020	-	
Icon Offshore Berhad	30 Januari 2023	-	
Icon Offshore Berhad	26 Mac 2024	50.2	
Cosmopoint Group	29 Mac 2024	100.00	

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV)

1. Tinjauan Dana

NAMA DANA	Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)
TAHUN PENUBUHAN	2019
STATUS	Sedang dilabur
MODAL TERIKAT	RM1.0 bilion
TEMPOH	5 + 4 tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 5 tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur Dana: Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan
TUMPUAN INDUSTRI	• Pendidikan • Minyak & Gas • Barangan Pengguna Laris (FMCG) • Peruncitan & Rekreasi • Penjagaan Kesihatan • Perkhidmatan

2. Prestasi Pelaburan

(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2024

IRR Kasar	38.9% setahun
IRR bersih	6.5% setahun

IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

DANA ASAS EKUINAS

1. Tinjauan Dana

NAMA DANA	Dana Asas Ekuinas
TAHUN PENUBUHAN	2023
STATUS	Sedang dilabur
MODAL TERIKAT	RM100 juta
TEMPOH	8 + 2 tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 5 tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur Dana: Dana Asas Ekuinas Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan
TUMPUAN INDUSTRI	• Pendidikan • Minyak & Gas • Barangan Pengguna Laris (FMCG) • Peruncitan & Rekreasi • Penjagaan Kesihatan • Perkhidmatan

2. Prestasi Pelaburan

Prestasi kewangan Dana Asas Ekuinas tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih di peringkat awal pelaburan.

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I)

1. Gambaran Keseluruhan Dana

NAMA DANA	Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)
TAHUN PENUBUHAN	2011
STATUS	Telah dilaburkan
MODAL TERIKAT	RM400.0 juta
TEMPOH	6 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 6 tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu Pengurus Dana dan Pelbagai Pelabur. Penyumberan Luar Kepada Dana dan Pengurus Dana Berikut: 1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO I GP Ltd. Domisil Dana: Cayman Islands 2) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd. Domisil Dana: Labuan 3) Dana: TAP Harimau Fund L.P. Pengurus Dana: TAP (Malaysia) Ltd. Domisil Dana: Labuan
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
TUMPUAN INDUSTRI	Am, kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

2. Prestasi Pelaburan

(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2024

IRR Kasar	3.8% tahun
IRR bersih	3.1% tahun

IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II)

1. Gambaran Keseluruhan Dana

NAMA DANA	Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)
TAHUN PENUBUHAN	2013
STATUS	Telah dilaburkan
MODAL TERIKAT	RM240.0 juta (RM180.0 juta tidak termasuk TUAS)
TEMPOH	7 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 7 tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu Pengurus Dana dan Pelbagai Pelabur. Penyumberan Luar Kepada Dana dan Pengurus Berikut: 1) Dana: RMCP One Sdn Bhd Pengurus Dana: RMCP Cayman Ltd. Domisil Dana: Malaysia 2) Dana: COPE Opportunities 3 Sdn Bhd Pengurus Dana: CMS Opus Private Equity Sdn Bhd Domisil Dana: Malaysia 3) Dana: Tael Tijari (OFM) L.P. Pengurus Dana: TAEI Tijari Partners Ltd. Domisil Dana: Cayman Islands
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
TUMPUAN INDUSTRI	Am, kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

2. Prestasi Pelaburan

(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2024

IRR Kasar	-6.9% tahun
IRR bersih	-8.0% tahun


IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

NOTA KEPADA LAPORAN PORTFOLIO

1 Nota kepada Laporan Portfolio

Juruaudit luar, PricewaterhouseCoopers PLT, telah dilantik oleh Ekuinas untuk melaksanakan prosedur tertentu yang dipersetujui pada Laporan Portfolio pada halaman 92 hingga 99 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, dan telah menyemak maklumat tentang Prestasi Pelaburan berakhir 31 Disember 2024 yang turut disertakan di dalam ini untuk menyokong data sumber, dan pengiraan semula, di mana perlu.





5

Merancang Masa Depan Lestari: Keutamaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Menempa Kemajuan Dalam Komitmen Kelestarian	104
- Kerangka dan Perkembangan ESG Ekuinas	
- Sasaran & Kemajuan ESG 2024	
- Laporan Kemajuan ESG Syarikat-Syarikat Portfolio	

Alam Sekitar	110
---------------------	------------

Sosial: ILTIZAM oleh Ekuinas	112
- ILTIZAM untuk Keusahawanan	
- ILTIZAM untuk Pendidikan	
- ILTIZAM untuk Komuniti	
- Skim Zakat Wakalah	

Penyata Tadbir Urus Korporat	128
- Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko	
- Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	

Menempa Kemajuan dalam Komitmen Kelestarian


Di Ekuinas, mandat untuk memupuk penciptaan kekayaan dan penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi secara adil dan lestari menjadi teras kepada semua tindakan kami. Di dalam mencipta dan membentuk syarikat peneraju generasi akan datang berdasarkan prinsip mesra pasaran, merit dan ketelusan, kami turut menggabungkan prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam setiap aspek operasi kami dan juga di syarikat-syarikat portfolio kami.

Sebagai firma modal persendirian yang berkaitan dengan kerajaan, kami mengakui pengaruh yang kami miliki dapat mempercepatkan penerapan ESG dan kesan transformasinya. Tanggungjawab ini mendorong usaha kami untuk memastikan tindakan kami berasaskan tujuan, berfokuskan impak, dan berlandaskan nilai-nilai etika yang kukuh.


Kami berusaha untuk mengintegrasikan komitmen ESG kami ke dalam operasi dalaman, strategi pelaburan, inisiatif **ILTIZAM**, iaitu cabang tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami, dan tadbir urus korporat. Pendekatan holistik ini mencerminkan dedikasi kami untuk membina ekonomi yang lebih inklusif dan lestari, yang memanfaatkan semua pihak berkepentingan.

Kerangka ESG tukar kepada: Ekuinas adalah sistem yang berstruktur dan komprehensif yang menghubungkan mandat kami dengan peta jalan strategik, proses pelaburan, dan struktur tadbir urus kami. Ia adalah prinsip dan panduan untuk segala inisiatif dalaman kami dan juga syarikat-syarikat portfolio kami, dan keselarasan penjajaran dengan matlamat kelestarian nasional dan global.

Kerangka ESG Ekuinas mencerminkan sokongan kami terhadap tujuh (7) daripada Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG). Setiap tema dikaitkan dengan sasaran yang ditetapkan dan direka untuk menangani dan mengurangkan risiko dan isu ESG yang material. Ia menyediakan asas yang jelas dan konsisten untuk pelaksanaan, pemantauan, dan pelaporan di seluruh operasi dan portfolio kami. Kerangka ini juga berfungsi sebagai alat pelaporan utama kami, memastikan pendedahan yang telus tentang setiap kemajuan dan kebertanggungjawaban kami terhadap pihak berkepentingan.



Kerangka ESG Ekuinas



Kerangka ESG kami berakar umbi di dalam empat (4) tema kelestarian utama yang menjadi prinsip dan panduan kami.



Pasukan Petugas ESG kami bertanggungjawab mengintegrasikan rangka kerja ESG di Ekuinas dan di syarikat-syarikat portfolio kami. Terdiri daripada wakil-wakil dari jabatan-jabatan utama, Pasukan Petugas ini adalah penting dalam memperkukuh matlamat kelestarian dan mendorong komitmen di seluruh organisasi dan syarikat portfolio. Pasukan Petugas ini bersidang setiap suku tahun untuk menilai kemajuan, memperincikan perkembangan terkini mengenai inisiatif yang sedang dijalankan, dan membantu sebarang isu dan cabaran dengan segera.

Sorotan Prestasi ESG 2024



Ekuinas mencapai 89% daripada sasaran ESG kami bagi tahun 2024 (8 daripada 9 sasaran dicapai), mencerminkan kemajuan kukuh dalam melaksanakan inisiatif kelestarian di seluruh operasi dan syarikat portfolio kami.

Perlepasan karbon Skop 1 dan 2 telah dikurangkan pada kadar tahunan terkumpul sebanyak -0.6% sejak tahun 2022, menandakan komitmen berterusan kami terhadap tanggungjawab alam sekitar.

Pada tahun 2024, pelaksanaan ESG di seluruh syarikat portfolio kami tetap kukuh. Kadar kemajuan pelaksanaan ESG di Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd, Eagle Cliffe Sdn Bhd (Kaisar Farmasi), dan syarikat yang baru diperolehi adalah lebih perlahan memandangkan keutamaan diberikan terhadap inisiatif penciptaan nilai strategik yang mendesak semasa fasa integrasi dan transformasi.

Untuk tahun 2025, Ekuinas memperkenalkan sasaran tambahan untuk memperkukuh hasil alam sekitar dan tadbir urus. Ini termasuk penggabungan penuh piawaian dan proses ESG ke dalam Ekuinas dan semua syarikat portfolio, menjalankan audit tenaga di dua (2) syarikat portfolio, dan memastikan semua syarikat portfolio yang telah dipegang selama lebih daripada tiga (3) tahun memenuhi sekurang-kurangnya 50% daripada sasaran ESG mereka.

Semasa kami melaksanakan dan mengintegrasikan Kerangka ESG Ekuinas di seluruh syarikat portfolio, kami tetap peka terhadap kepelbagaian industri yang mereka wakili dan tahap kesedaran serta kefahaman ESG yang berbeza. Pencapaian utama yang digariskan di bawah ini ditetapkan untuk memastikan kemajuan yang bermakna dan yang boleh dilaporkan di seluruh empat (4) tema kelestarian kami.

Tema Kelestarian 1 Meningkatkan Usahawan, Komuniti Tempatan, dan Golongan Kurang Berkemampuan

Sejak penubuhannya pada tahun 2012, ILTIZAM telah berdedikasi untuk memajukan perniagaan Bumiputera, memperkasakan belia, dan meningkatkan tahap sosio-ekonomi komuniti di seluruh Malaysia. Pada tahun 2024, kami mencatat pencapaian yang baik, selaras dengan matlamat jangka panjang kami:

Sasaran	Pencapaian
➔ Jangkauan Seluruh Negara	Status: Tercapai; program ILTIZAM telah menjangkau ke semua 14 negeri, membawa manfaat kepada 10,405 orang penerima yang disasarkan.
➔ Pekerjaan Tetap untuk Graduan PDP: Sekurang-kurangnya 90% graduan-graduan lepasan Program Pembangunan Profesional (ILTIZAM PDP) mendapat pekerjaan dalam tempoh 12 bulan setelah tamat program.	Status: Tercapai; 96% daripada graduan graduan PDP kohort ke-11 telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 12 bulan
➔ Perkerjaan Berasaskan Latihan Kemahiran: Sekurang-kurangnya 80% penerima yang disasarkan mendapat pekerjaan untuk pelbagai Program Peningkatan Kemahiran anjuran ILTIZAM berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat latihan berasaskan kemahiran ILTIZAM.	Status: Tercapai; 100% peserta yang terlibat telah berkerja
➔ Pertumbuhan Pendapatan/Hasil di Kalangan PKS yang disokong: Semua perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang disokong di bawah program ILTIZAM Advance dijangka mencapai peningkatan pendapatan sebanyak 15% dalam tempoh dua (2) tahun selepas tamat program.	Status: Sebahagiannya Tercapai; satu (1) daripada tiga (3) syarikat yang disokong dari kohort 2022 mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 15%.

Sasaran & Kemajuan ESG 2024

Tema kelestarian 2 Memupuk Inovasi Perniagaan dan Kakitangan Kami

Sasaran	Pencapaian
➔ Pendigitalan: Semua syarikat portfolio melaksanakan dua (2) inisiatif utama berasaskan digital atau teknologi, dalam tempoh lima (5) tahun selepas pemerolehan.	Status: Tercapai; 100% (dari kalangan syarikat yang layak (tidak termasuk Icon yang telah dijual dan Cosmopoint yang telah digabungkan dengan UNITAR)
➔ Pembangunan Bakat: Sekurang-kurangnya 50% daripada Ekuinas dan syarikat portfolionya menerima latihan yang mencukupi dan relevan.	Status: Tercapai; 90% di Ekuinas dan 76% di seluruh syarikat portfolio
➔ Pematuhan Hak Asasi Manusia: Ekuinas dan 100% syarikat portfolio mencatatkan sifar (0) insiden pelanggaran piawaian buruh di seluruh operasi (selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan).	Status: Tercapai; Sifar (0) insiden yang dilaporkan pada akhir tahun 2024

Tema Kelestarian 3 Bertindak Berasaskan Kebertanggungjawaban Terhadap Alam Sekitar

Ekuinas tetap berkomited dalam penjagaan alam sekitar. Kami terus mendorong integrasi dan penerapan kerangka ESG kami di seluruh organisasi, syarikat portfolio, dan ekosistem yang lebih luas yang kami pengaruhi. Pada tahun 2024, kami mencatat kemajuan yang ketara ke arah pencapaian matlamat alam sekitar jangka panjang kami:

Sasaran	Pencapaian
➔ Mencapai Neutraliti Karbon menjelang 2030. Mengekalkan pengumpulan data Emisi Skop 1 dan Skop 2 sebanyak 100% untuk Ekuinas dan syarikat portfolio.	Tercapai: Pengumpulan data yang komprehensif telah diselesaikan, dengan emisi karbon Skop 1 dan Skop 2 dikurangkan sebanyak 0.6% setiap tahun sejak tahun 2022.

Tema Kelestarian 4 Menanam Tadbir Urus yang Baik Dengan Prinsip Etika

Ekuinas tetap komited untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tertinggi melalui pelaksanaan struktur, dasar, dan rangka kerja tadbir urus yang kukuh dalam organisasi dan di seluruh syarikat portfolio kami. Pada tahun 2024, kami terus menempa kemajuan dalam memperkukuh tadbir urus dan amalan etika:

Sasaran	Pencapaian
➔ Mengekalkan sifar (0) insiden (yang disahkan) rasuah dan penyuapan di Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio.	Dalam pelaksanaan: Sifar (0) kejadian (disahkan) dilaporkan pada tahun 2024. Semua operasi telah dipantau dan disahkan secara dalaman, tiada sebarang laporan dibuat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Laporan Kemajuan ESG Syarikat-Syarikat Portfolio

Kami mengutamakan integrasi prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) di semua syarikat portfolio kami. Menyedari kepelbagaian industri dalam portfolio kami, kami memahami keperluan untuk mengambil pendekatan ESG yang disesuaikan dan unik untuk setiap syarikat, demi menangani cabaran dan memanfaatkan peluang di setiap syarikat kami. Komitmen terhadap ESG penting dalam memupuk kelestarian perniagaan secara jangka panjang dan menyumbang secara positif kepada komuniti dan alam sekitar.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan, kami telah menetapkan pencapaian ESG yang jelas untuk semua syarikat portfolio bagi memastikan kemajuan yang konsisten dan penajajaran dengan strategi ESG keseluruhan Ekuinas. Antara syarikat portfolio kami, Exabytes telah melebihi sasaran ESGnya manakala UNITAR, RVG, dan FVG mencatatkan kemajuan yang terpuji.

Di antara syarikat dalam portfolio kami, pencapaian ini mencerminkan komitmen Ekuinas untuk mencipta nilai melalui amalan perniagaan yang bertanggungjawab, lestari, dan beretika. Gambarajah di bawah mencerminkan pencapaian ESG tertinggi di kalangan syarikat portfolio untuk tahun 2024.

Sasaran ESG: Pencapaian Terbaik



**Exabytes Capital
Group**

>100%
berjaya
dilaksanakan



Revenue Valley

89%
berjaya
dilaksanakan



**UNITAR International
University**

84%
berjaya
dilaksanakan



Flexi Versa Group

73%
berjaya
dilaksanakan

Unjuran dan Jangkaan Terhadap 2025

Ekuinas tetap komited dalam memajukan aspirasi ESGnya pada tahun 2025. Berpandukan Kerangka ESG yang komprehensif, yang berlandaskan empat (4) tema kelestarian utama, kami akan meneruskan integrasi prinsip-prinsip ESG secara mendalam di seluruh operasi dan aktiviti syarikat portfolio. Fokus kami tetap pada pencapaian impak jangka panjang yang boleh diukur, dalam semua dimensi - sosial, alam sekitar, dan tadbir urus.

Sasaran Sosial untuk 2025

Kami akan mengekalkan semua sasaran sosial yang telah ditetapkan, selaras dengan komitmen berterusan kami terhadap keterangkuman, pembangunan komuniti, dan pemerkasaan usahawan serta bakat Bumiputera. Tiada perubahan dibuat kepada sasaran ini untuk tahun 2025, dalam memastikan konsistensi dan kesinambungan dalam impak kami. Pendekatan yang berwibawa ini membolehkan kami mengekalkan momentum yang dibina pada tahun-tahun sebelumnya sambil terus mengorak kemajuan yang bermakna.

Sasaran Alam Sekitar untuk 2025

Untuk memperkukuh strategi tindakan iklim, kami telah memperkenalkan satu (1) sasaran alam sekitar baharu, yang melengkapi matlamat yang sedia ada:

Sasaran Jangka Panjang

Kami tetap komited untuk mencapai neutraliti karbon menjelang tahun 2030.

Sasaran 2025

Untuk tahun 2025, kami berhasrat untuk mengekalkan pengumpulan 100% data pelepasan Skop 1 dan Skop 2 di seluruh Ekuinas dan semua syarikat portfolio.

Sebagai tambahan, dua (2) syarikat portfolio akan melaksanakan audit tenaga untuk mengenal pasti peluang bagi meningkatkan kecekapan operasi dan pengurangan pelepasan karbon.

Tindakan-tindakan ini akan memperkukuh lagi pengurusan alam sekitar kami dan menyelaraskan syarikat-syarikat portfolio kami dengan penekanan yang semakin meningkat terhadap amalan lestari.

Sasaran Tadbir Urus untuk Tahun 2025

Sebagai penambakan berterusan terhadap standard tadbir urus yang tinggi, kami telah memperkenalkan satu (1) sasaran Tadbir Urus tambahan untuk tahun 2025:

Sasaran Jangka Panjang

Segala piawaian dan proses ESG akan diterapkan secara menyeluruh ke dalam Ekuinas dan semua syarikat portfolio.

Sasaran 2025

Semua syarikat yang telah berada dalam portfolio Ekuinas lebih daripada tiga tahun (iaitu, diperoleh sebelum 1 Januari 2022) perlu mencapai sekurang-kurangnya 50% daripada sasaran ESG masing-masing untuk tahun ini.

Sasaran ini akan membantu memperkukuh rangka kerja tadbir urus dan memastikan semua syarikat portfolio maju selaras dengan amalan terbaik.



Lakaran Ke Arah Masa Hadapan yang Lebih Hijau: Inisiatif Alam Sekitar 2024

Ekuinas komited dalam menyokong peralihan Malaysia ke arah masa hadapan karbon sifar bersih. Aspirasi nasional ini dipandu oleh rangka kerja dasar utama, termasuk Peta Jalan Tenaga Boleh Diperbaharui Malaysia, Peta Jalan Teknologi dan Ekonomi Hidrogen, Peta Jalan Peralihan Tenaga Nasional, Kerangka i-ESG, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, dan Buku Panduan Pasaran Karbon Sukarela Bursa Malaysia.

Ekuinas memastikan usaha alam sekitarnya selaras dengan kerangka dan peta-peta jalan nasional ini sambil menanda aras prestasi berdasarkan amalan terbaik antarabangsa. Pendekatan ini membolehkan kami kekal responsif terhadap landskap kelestarian Malaysia yang berkembang sambil mengekalkan piawaian yang diiktiraf di peringkat global dalam pengurusan alam sekitar.

Berpandukan Kerangka ESG Ekuinas yang dilancarkan pada tahun 2022, matlamat alam sekitar kami berlandaskan komitmen untuk mencapai neutral karbon menjelang 2030.

**Mencapai neutraliti
karbon menjelang
tahun 2030**



Pada tahun 2024, Ekuinas memberi tumpuan terhadap pencapaian satu (1) sasaran alam sekitar utama, iaitu:



Mengekalkan pengumpulan **100%** data pelepasan Skop 1 dan Skop 2 untuk Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolionya.

Berdasarkan audit tenaga yang dilaksanakan oleh Xenergi, sebuah syarikat portfolio Ekuinas pada tahun 2023, Ekuinas telah menetapkan tahap asas penggunaan elektrik. Audit ini termasuk data penggunaan tenaga dari sistem, peralatan, dan unit pengendalian udara bangunan di pejabat Ekuinas.

Pada tahun 2024, usaha pengumpulan data secara konsisten diteruskan, merangkumi penggunaan elektrik, insiden alam sekitar, dan pelepasan di Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolionya. Ini membolehkan penilaian prestasi pasca-pandemik yang lebih tepat. Berdasarkan data kami, Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolionya berada di landasan yang betul untuk mengurangkan pelepasan karbon Skop 1 dan 2 pada kadar tahunan terkumpul sebanyak -0.6%.

Sorotan Prestasi Alam Sekitar 2024

- Ekuinas dan syarikat portfolionya berada di landasan yang betul untuk mengurangkan pelepasan karbon Skop 1 dan 2 pada kadar tahunan terkumpul sebanyak -0.6%.
- Mencapai pengumpulan data lengkap untuk pelepasan karbon Skop 1 dan 2 di Ekuinas dan semua syarikat portfolio.
- Pelepasan karbon Skop 1 di seluruh Syarikat portfolio Ekuinas mencatatkan pengurangan tahunan terkumpul sebanyak 3%, dengan sumbangan paling ketara daripada Orkim berdasarkan sifat operasi minyak dan gasnya.



Sosial: ILTIZAM oleh Ekuinas



Ekuinas memacu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) melalui ILTIZAM, dengan objektif yang jelas: untuk memperkasakan usahawan Bumiputera dan menyokong pembangunan komuniti Bumiputera, mendorong mereka mencapai potensi penuh.

ILTIZAM beroperasi di bawah tiga (3) tonggak utama—Keusahawanan, Pendidikan, dan Komuniti dan dilengkapi oleh Skim Zakat Wakalah. Setiap tonggak mempunyai program teras, di samping inisiatif-inisiatif tambahan untuk menjangkau segmen komuniti yang kurang bernasib baik dan kurang mendapat perhatian, secara lebih meluas.

Pada tahun 2024, RM15.3 juta telah disalurkan kepada penerima yang layak di seluruh negara, mengukuhkan komitmen Ekuinas untuk memacu kemajuan sosio-ekonomi dan mencapai impak yang berkekalan dalam pembangunan komuniti Bumiputera.

RM8.8 juta telah disalurkan kepada pemerksaan pendidikan, RM5.0 juta kepada pembangunan keusahawanan dan RM1.5 juta kepada program pengukuhan dan pemerdayaan komuniti.

ILTIZAM 2024


Menjangkau Setiap Pelusuk Negara, Memperkasakan Komuniti yang Kurang Mendapat Perhatian



Usaha tanggungjawab sosial korporat menerusi ILTIZAM terus berkembang selaras dengan komitmen kami yang semakin mendalam di ketiga-tiga tonggak utama - **keusahawanan, pendidikan, dan komuniti** yang menjangkau seluruh negara. Kami memberi tumpuan kepada mengenal pasti dan memperkasakan komuniti Bumiputera yang layak - mereka yang kurang bernasib baik, yang terpinggir dan yang kurang mendapat perhatian. Kami membantu membuka akses kepada sumber dan peluang-peluang yang diperlukan untuk membentuk masa hadapan yang lebih baik dan lestari.



Gambaran Pelaburan Sosial pada 2024



Sosial: Itizam oleh Ekuinas

EKOSISTEM SOKONGAN ILTIZAM									
Teras Program	 ILTIZAM untuk Keusahawanan				 ILTIZAM untuk Pendidikan		 ILTIZAM untuk Komuniti		
	ILTIZAM Direct		ILTIZAM Collaboration		Program Pembangunan Profesional (PDP)	Program Pemerkasaan Pendidikan ILTIZAM (EEP)		Program Sokongan Komuniti (CSP)	ILTIZAM Seni
	Advance	Catalyst	Sosial	Ihsan		ESF*	PCF*		
						ESP*	BTS*		
Objektif	Untuk memperkasakan usahawan Bumiputera ke arah penyertaan ekonomi secara saksama dan lestari serta penciptaan kekayaan.				Untuk memupuk pelajar secara holistik melalui sokongan akademik, vokasional, dan Kemahiran, dari pendidikan awal hingga kesiapan kerjaya.		Untuk menyokong komuniti Bumiputera yang kurang bernasib baik, mendorong pembangunan sosio-ekonomi secara inklusif sambil memelihara dan melestarikan budaya dan seni warisan Malaysia.		
Pendekatan	Kami menyokong usahawan yang komited melalui bantuan yang disesuaikan dan berstruktur, serta sokongan praktikal, memperkukuh asas perniagaan, membina kapasiti, dan membuka peluang untuk pembangunan mampan, sambil memupuk daya tahan dan inovasi.				Kami melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang relevan dan membuka peluang penjanaan pendapatan melalui program-program dinamik yang sentiasa disemak dan diolah bersesuaian dengan tuntutan dan keperluan semasa.		Kami melaksanakan inisiatif yang berkesan, daripada pemulihan seni kepada bantuan makanan, bantuan bencana, sokongan kesihatan mental, dan banyak lagi - dengan tumpuan kepada transformasi sebenar dan berkekalan.		
Sasaran pasaran	Perusahaan Bumiputera Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di seluruh negara.				Pelajar kurang bernasib baik daripada keluarga B40 dari peringkat sekolah ke, institusi pengajian tinggi, belia dalam jurusan bukan akademik, dan kanak-kanak dengan keperluan khas di seluruh negara.		Komuniti bakat seni muda Bumiputera yang sedang membangun, komuniti yang menghadapi krisis, dan yang kurang mendapat perhatian di kawasan luar bandar atau bandar, di seluruh Malaysia.		
Penjajaran dengan Ekuinas	ILTIZAM untuk Keusahawanan menyokong mandat Ekuinas dengan memperkasakan usahawan Bumiputera untuk berkembang dari tahap sematamata bertahan ke kemampuan dan kejayaan jangka panjang.				ILTIZAM untuk Pendidikan menyokong misi Ekuinas dengan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang akan membuka peluang dan membina laluan kerjaya, memacu penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara saksama dan mampan.		ILTIZAM untuk Komuniti mencerminkan misi Ekuinas dengan meningkatkan tahap sosio-ekonomi komuniti Bumiputera, menyalurkan bantuan tatkala bencana, memberi bantuan asas, serta memperjuangkan warisan seni dan budaya Malaysia.		
Impak 2024	787 usahawan/syarikat telah diperkasakan untuk memacu pertumbuhan mampan.				8,902 pelajar dan golongan belia disokong untuk pertumbuhan akademik dan kemahiran.		8,315 golongan muda, wanita, lelaki dan kanak-kanak telah dibantu.		
Jumlah Sumbangan 2024	RM5.0 juta				RM8.8 juta		RM1.5 juta		

*Education Support Fund (ESF) | Portfolio Collaboration Fund (PCF) | Education Skills Programme (ESP) | Back-To-School Programme (BTS)

Sumbangan Skim Zakat Wakalah

- RM17,000 diagihkan kepada asnaf di Sabah, Selangor dan Kelantan di bawah skim Lembaga Zakat Selangor.
- RM15,700 disalurkan kepada mangsa banjir di negeri Perak, Sarawak dan lain-lain untuk usaha pemulihan.
- Dengan kerjasama TERAS, RM98,000 diagihkan untuk menyokong usahawan asnaf dan fakir miskin.
- Di bawah skim PPZ MAIWP, RM337,000 disalurkan kepada pelajar UNITAR yang layak untuk membantu mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi dan membuka prospek kerjaya yang lebih baik.

Memacu Impak yang Bermakna dan Berkekalan

ILTIZAM tetap berdedikasi untuk mencipta transformasi yang bermakna dan berimpak dalam usaha pemerkasaan komuniti yang memerlukan. Setiap inisiatif dianggap sebagai pelaburan, memastikan setiap ringgit yang diagihkan dapat menjangkau seluruh negara, mencapai rangkaian penerima yang luas. Untuk menyokong segmen komuniti yang kurang mendapat perhatian, ILTIZAM secara proaktif mengenal pasti dan berinteraksi dengan mereka yang memerlukan bantuan—daripada pemilik perniagaan mikro, kecil dan sederhana yang mencari peluang untuk membina keupayaan dan pertumbuhan perniagaan, belia yang ingin membina kemahiran yang akan membantu mereka menjana pendapatan, kepada graduan yang bercita-cita mencari peluang kerjaya.

Fokus utama kami adalah kepada individu yang belum menerima sebarang bantuan. Kami mengutamakan impak dan pembangunan mampan. Setiap ringgit digunakan dengan tujuan spesifik, dan kami sentiasa mengukur hasil dan pencapaian inisiatif kami, yang nyata dan tidak nyata, dalam usaha memperbaiki program-program dan meningkatkan impak terhadap kelestarian (seperti mana pendekatan Ekuinas terhadap pelaburannya) komuniti yang kami sasarkan.

ILTIZAM UNTUK KEUSAHAWANAN

Ulasan Program

Advance

Catalyst

Sosial

Ihsan

ILTIZAM Advance

Bersandarkan Rancangan Penciptaan Nilai (VCP) Ekuinas, ILTIZAM Advance membangunkan strategi perniagaan yang disesuaikan untuk menangani cabaran unik setiap syarikat penerima dalam meningkatkan pertumbuhan, mengembangkan rangkaian, dan meningkatkan pengedaran. Sokongan yang kami sediakan termasuk memperkukuh operasi, memperbaiki proses di belakang tabir, dan jika diperlukan, bantuan perancangan kewangan, penjenamaan, dan pemasaran.



Sasaran:

Menyokong lima (5) hingga sepuluh (10) syarikat setiap tahun melalui rancangan penciptaan nilai kami.



Pencapaian:

23 syarikat dibantu sejak 2013.

Laporan Kemajuan 2024

Telah menamat program: FM Media, Quran Pro Academy, AKAL Corporate Advisor dan Tymba Education Group.

Program masih berlangsung: Physiomobile dan Tracker Hero.

Kemasukan baharu di 2024: Ivetworks Sdn Bhd (Ivet) dan Bayu Somerset Sdn Bhd.

iVetworks Sdn Bhd (iVET)

iVET adalah rangkaian klinik veterinar yang kini sohor di Malaysia. Ia mengendalikan lapan (8) klinik dan tiga (3) pusat kesihatan. Ditubuhkan pada tahun 2012, perkhidmatan komprehensif yang disediakan termasuk pembedahan veterinar, rawatan kecemasan, rawatan pencegahan, dan pelbagai produk kesihatan dan pemakanan haiwan peliharaan. Disokong oleh pasukan profesional dan doktor haiwan yang berdedikasi, iVET telah menyediakan penjagaan berkualiti kepada lebih daripada 52,000 pemilik haiwan peliharaan. Pada tahun 2022, mereka menjadi klinik veterinar pertama di Malaysia yang mencapai pensijilan MS ISO 9001:2015.

Inisiatif Utama:

1. Menyelaraskan Pengalaman Pelanggan di Semua Cawangan

Meningkatkan pengalaman pelanggan di semua klinik veterinar (iVET Medical Centre dan iVET Petcare) dan pusat kesihatan dan pemulihan haiwan peliharaan (Hapykat) dengan menyeragamkan operasi, memastikan kualiti perkhidmatan yang konsisten, dan menyelesaikan ketidakcekapan dalam pengalaman pelanggan.

2. Meningkatkan Strategi Pemasaran dan Pelaksanaannya.

Membangunkan strategi pemasaran yang jelas dengan saluran yang tepat, kandungan yang disasarkan, dan matlamat yang boleh diukur untuk meningkatkan kesedaran jenama dan keberkesanan kempen. Melaksanakan strategi seperti yang dirancang untuk mengukuhkan jenama iVET dan keterlihatan di dalam industri.



Sosial: Itizam oleh Ekuinas

Bayu Somerset Sdn Bhd (Bayu Somerset)

Ditubuhkan pada tahun 2021, Bayu Somerset menyediakan baju kurung, kebarung, dan kebaya moden khususnya. Mereka juga menawarkan pakaian kasual, koleksi keluarga, dan pelbagai produk lain. Setiap helai pakaian yang dihasilkan adalah karya seni, direka dengan teliti oleh pereka dalaman atau artis tempatan Malaysia. Bayu Somerset mengendalikan sepuluh (10) cawangan di seluruh Malaysia, dengan tujuh (7) terletak di Lembah Klang dan tiga (3) lagi di Pulau Pinang, Kuantan, dan Terengganu, menawarkan fesyen kontemporari yang menggabungkan keselesaan, keunikan, dan warna-warna ceria.

Inisiatif Utama:

1. Pembangunan Jenama & Strategi Pemasaran

Mengariskan identiti jenama yang jelas dan terperinci, serta membangunkan strategi pemasaran yang komprehensif untuk menyokong pertumbuhan perniagaan jangka panjang dan rancangan pengembangan Bayu Somerset.

2. Meningkatkan Proses Mengrekrut Tenaga Kerja

Meningkatkan kadar pengekelan kakitangan runcit dengan menjalankan analisis perbandingan faedah industri dan amalan terbaik dan meningkatkan kualiti tenaga kerja dengan membangunkan prosedur operasi standard yang terperinci untuk meningkatkan pengalaman pelanggan.



MEMAJUKAN POTENSI KEPADA PRESTASI

ILTIZAM Advance adalah program penciptaan nilai dan bantuan perniagaan yang disesuaikan oleh Ekuinas, direka untuk memperkukuh asas perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera yang berpotensi tinggi. Sejak tahun 2013, **23 syarikat-syarikat Bumiputera** dari pelbagai sektor—termasuk peruncitan, makanan dan minuman (F&B), penjagaan kesihatan, pendidikan, perkhidmatan, pelancongan, dan teknologi—telah mendapat manfaat daripada rancangan penciptaan nilai yang unik dan disesuaikan untuk meningkatkan daya saing dan memacu pertumbuhan mampan. Inisiatif sokongan termasuk pembinaan strategi pemasaran dan pengedaran profesional, pembangunan jenama, analisis kos dan keuntungan, peningkatan keterlihatan digital dan pengoptimuman enjin carian (SEO), serta usaha pengembangan pasaran yang lebih luas. ILTIZAM Advance telah memperkasa perniagaan-perniagaan ini untuk membina jenama yang lebih kukuh, mengoptimumkan operasi, mengembangkan rangkaian pengedaran, dan membuka peluang baharu untuk kejayaan jangka panjang.



SYARIKAT-SYARIKAT YANG DIBINA

Makanan dan Minuman



Fatihah Frozen Food Sdn Bhd (Fatihah Frozen) 2014



Eatalian Express Food Industries Sdn Bhd (Eatalian Express) 2020



Sports Allied Services PLT (Hutan Ration) 2021

Penjagaan Kesihatan



ATF Sport Taping Sdn Bhd (ATF Sport) 2020



PMMY Group Sdn Bhd (Physiobile) 2022




iVetworks Sdn Bhd (iVET) 2024

Peruncitan



Habibah Enterprise Sdn Bhd (Bibah Songket) 2013



Eightdesign Sdn Bhd (EDZ) 2015



Art Star Sdn Bhd (Raw Denim House) 2018



Kapten Batik (M) Sdn Bhd (Kapten Batik) 2019



Zaahara Ventures Sdn Bhd (Zaahara) 2022



Bayu Somerset Sdn Bhd (Bayu Somerset) 2024

Pendidikan



Proquaz Sdn Bhd (CIC) 2016



EYTC Group Sdn Bhd (KinderKaizen) 2017



Quran Pro Academy (QPA) 2021



Tymba Education Group Sdn Bhd (Tymba) 2023

Teknologi



Ultrack Technology Sdn Bhd (TrackerHero) 2023

Pelancongan



Al-Quds Travel Sdn Bhd (Al-Quds) 2014

Perkhidmatan



Graduan Sdn Bhd (Graduan) 2016



Enzee Integrated Sdn Bhd (Enzee) - dahulunya dikenali sebagai SOCIO Intelligence 2021



AKAL Corporate Advisors Sdn Bhd (AKAL) 2022



Parabox Sdn Bhd (Parabox) 2017



FM Media Sdn Bhd (FM Media) 2023

Sosial: Itizam oleh Ekuinas

ILTIZAM Catalyst

ILTIZAM Catalyst adalah inisiatif pembangunan kapasiti yang dilancarkan pada tahun 2022, direka untuk menyokong perusahaan Bumiputera yang lebih kecil dan di peringkat awal yang telah beroperasi sekurang-kurangnya dua (2) tahun, dengan pendapatan tahunan antara RM300,000 hingga RM1,000,000.

Program ini menyediakan sokongan teknikal yang berstruktur dan bimbingan pakar daripada perunding yang berkelayakan, berfokus kepada menangani cabaran perniagaan dalam empat (4) bidang utama iaitu kewangan dan pematuhan, penjenamaan dan pemasaran digital, penerimaan teknologi dan kepimpinan.

Pada tahun 2024, ILTIZAM Catalyst memperkenalkan penambahbaikan kepada proses pemilihan dan garis masa programnya. Usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti Syarikat-syarikat berpotensi tinggi di seluruh negara dan menilai kesediaan mereka untuk berkembang. Proses pemilihan adalah ketat dan penilaian juga dibuat ke atas daya maju perniagaan dan komitmen usahawan terhadap pertumbuhan. Syarikat-syarikat berpotensi dipanggil untuk sesi temuduga dan penilaian dibuat oleh Ekuinas dan juga barisan pakar perunding teknikal yang dilantik untuk mengendalikan program. Seterusnya, Ekuinas akan mengunjungi calon-calon yang disenarai pendekkan daripada sesi temuduga ini di tapak operasi masing-masing untuk meneliti perniagaan mereka dan mengesahkan penemuan-penemuan utama daripada temuduga yang dijalankan.

Setelah mengkaji kohort yang lalu, kami memutuskan untuk melanjutkan garis masa program daripada sembilan (9) kepada 12 bulan untuk pelaksanaan dan pemantauan yang lebih berkesan.


Pada tahun 2024, 19 syarikat telah dipilih untuk menyertai ILTIZAM Catalyst yang telah bermula pada Disember 2024 dan akan berakhir pada suku ketiga tahun 2025. Syarikat-syarikat ini mewakili pelbagai sektor, termasuk penjagaan kesihatan, ICT, makanan dan minuman, pembuatan, peruncitan, dan pendidikan.




Memacu Pertumbuhan, Membina Asas Kukuh

ILTIZAM Catalyst adalah program intervensi berstruktur selama 12 bulan oleh Ekuinas yang disesuaikan untuk menyokong usahawan Bumiputera peringkat awal dan kecil dalam membina perniagaan yang berdaya tahan dan mampu berkembang. Sejak penubuhannya pada tahun 2022, ILTIZAM Catalyst telah memperkasakan sejumlah **57 perniagaan Bumiputera**, dengan memberi tumpuan kepada empat (4) cabaran kritikal—kewangan dan pematuhan, penjenamaan dan pemasaran digital, penerimaan teknologi, dan pembangunan kepimpinan. Program ini menyediakan bimbingan praktikal, pembangunan kapasiti, dan fasa pemantauan selama enam bulan untuk memastikan impak yang berterusan. Dengan menangani isu dan cabaran asas ini, ILTIZAM Catalyst memperkasakan usahawan untuk memperkukuh operasi teras dan merangka trajektori pertumbuhan yang lebih sihat.

Menjangkau Usahawan Di Seluruh Negara



Memperkukuh Pertumbuhan Merentasi Pelbagai Sektor



SYARIKAT-SYARIKAT YANG DIPERKASA

Peruncitan



D'ansar Mart Enterprise (Ansar Mart) 2022



Windrunner Asia (Windrunner) 2022



Khalidza Resources Sdn Bhd (POYA) 2022



Syanas Excellent Wardrobe (Syanas) 2022



One Plus Two Thrift Shop (OPT) 2023

Penjagaan Kesihatan



SMA Dental Sdn Bhd (Klinik Pergigian Saujana) 2022



Habib Bakri Healthcare Sdn Bhd (Klinik Allevia) 2022



As Optometrist 2023



Flex Physiotherapy 2023



Astana Optometry Kerteh PLT (Astana Optometri) 2023



La Artisan Health Sdn Bhd (Artisan Dental) 2023



Leeyana Optometry 2024



Afiya Wellness Sdn Bhd (Klinik 'Afya) 2024

Perkhidmatan



Smokeball Holding Sdn Bhd (Zombie Cookies) 2022



Ketodiet Sifu Sdn Bhd (EatSlim Lifestyle) 2022



Skinny Bakers Group Sdn Bhd (The Skinny Bakers) 2022



Ordinary Baker Sdn Bhd (The Ordinary Baker) 2022



That Last Slice Enterprise (That Last Slice) 2022



Empat Jam Enterprise (Baitun Classic) 2023



Zaman Dairy Fresh 2023



Roti Maria (Butik Roti Maria) 2024



Pagi - Pagi Enterprise (Pagi Place) 2024

Pembuatan



Total Kitchen Marketing Sdn Bhd (Total Kitchen Marketing) 2022



Altat Global Sdn Bhd (Jihām Calligraphy) 2022



Benua Brutti Sdn Bhd (Benua Brutti) 2023



Nab Food Industries Sdn Bhd (NAB) 2023



Wau Tradisi Sdn Bhd (Wau Tradisi) 2023



Mergha Enterprise (Cherita) 2024



HSSA Heritage (2nd Cut BBQ) 2024



Kabinet Guru Enterprise (Kabinet Guru) 2024



Mummy RQ Sdn Bhd (Groomy) 2024

Pendidikan



Tadika Inovasi Mewah 2022



Michi Global Sdn Bhd (Cakap Jepun) 2022



Splashtastik Sdn Bhd (Splashtastik) 2023



Azizol Legacy Sdn Bhd (Easy Ngaji) 2023



MJ Beyond Home Therapy (Kidsaurus Therapy) 2023



Kiddie Care Centre 2024



Jazro Technology Robotics Sdn Bhd (JAZRO) 2024



Aquasplash Academy Sdn Bhd (Aquasplash Academy) 2024



Tech Up Sdn Bhd 2024

Perkhidmatan



Nadirah Enterprise (PopKidsPool) 2022



Pearl Design Centre (Pearl Design) 2022



Siti (Pearl Water Filter) 2022



Abdel Sdn Bhd (Abdel) 2022



FF Studios Sdn Bhd (Financial Faiz) 2022



Alev Global Sdn Bhd (Alev Global) 2023



Taffy Tots Sdn Bhd (Tots & All) 2023



Nadi Timur Empire (M) Sdn Bhd (Nadi Timur) 2024



Medina Success Sdn Bhd (Medina Ladies Beauty Salon) 2024



Suai Design Studio 2024



Shajaratul Collection 2024

Teknologi



Tarsoft Sdn Bhd (Tarsoft) 2024



Thinker Engineering Sdn Bhd (Thinker Digital) 2024




Clazzy Sdn Bhd (Clazzy Tech) 2024

Pertanian



Benefigs Urus Sdn Bhd (Benefigs) 2023



Flow Studio Sdn Bhd 2023

Sosial: Itizam oleh Ekuinas

ILTIZAM SOSIAL DAN ILTIZAM IHSAN

ILTIZAM Sosial

ILTIZAM Sosial berfokus kepada sokongan untuk usahawan sosial dan pada tahun 2024, dua (2) inisiatif utama dilaksanakan di Kelantan dan Borneo:

1. ILTIZAM CULTIVATE Kelantan

Dilaksanakan dengan kerjasama myHarapan. Program pembangunan selama 10 bulan ini direka untuk meningkatkan pertumbuhan peribadi dan perniagaan, memupuk ekosistem sokongan dan daya tahan jangka panjang untuk sepuluh (10) usahawan sosial terpilih di Kelantan. Berlangsung dari Mac hingga Disember 2024, program ini merangkumi empat (4) modul teras: Pengumpulan Dana, Strategi Pemasaran, Pembangunan Produk, dan Perakaunan dan Logistik.

2. ILTIZAM ARISE Borneo

Dilaksanakan dengan kerjasama NeoUprise. Program selama 8 bulan untuk membina kecekapan dan daya tahan dalam Perusahaan Sosial ini direka untuk memperkukuh kemahiran kepimpinan dan meningkatkan kemampuan 12 usahawan sosial terpilih di Borneo. Berlangsung dari Mei hingga Oktober 2024, program ini memberi tumpuan kepada lima (5) bidang perniagaan utama: Kepimpinan, Kewangan, Produktiviti & Pengoptimuman Perniagaan, Inovasi, Penyelesaian masalah & Membuat keputusan, dan Pengurusan Bakat.

Kedua-dua program telah tamat dengan jayanya pada bulan September dan Oktober 2024. Sejak penubuhannya, ILTIZAM Sosial telah memanfaatkan 98 usahawan, menyokong dan memupuk perusahaan sosial di Kelantan dan Borneo. Di dalam aspirasi kami untuk memaksimumkan impak dalam ruang keusahawanan, kami akan menumpukan usaha dan menyelaraskan semua inisiatif di bawah program Advance dan Catalyst. Tahun 2024 menandakan tahun terakhir bagi ILTIZAM Sosial.

ILTIZAM Ihsan

Untuk Tahun Kewangan 2024, bajet sebanyak RM2.5 juta telah diperuntukkan untuk penyaluran akhir ILTIZAM Ihsan melalui empat (4) agensi zakat di Selangor, Pulau Pinang, Terengganu, dan Pahang serta sebuah NGO, Islamic Relief Malaysia.

Sehingga Oktober 2024, semua dana yang diperuntukkan untuk program ILTIZAM Ihsan telah disalurkan sepenuhnya, untuk memastikan bantuan datang tepat pada masanya kepada penerima yang disasarkan. Program ini dilancarkan pada tahun 2020 semasa puncak pandemik COVID-19 untuk menyokong kumpulan rentan, terutamanya asnaf dan usahawan mikro, semasa tempoh ketidakpastian dan ekonomi yang mencabar.

Sepanjang empat (4) tahun yang lalu, kami telah membantu 9,058 asnaf dan usahawan mikro, membolehkan mereka mengekalkan mata pencarian dan mengembangkan perniagaan mereka. Dengan ekonomi yang kini beransur stabil dan banyak perniagaan beralih kepada pemulihan dan pertumbuhan, tahun 2024 menandakan tahun terakhir bagi ILTIZAM Ihsan.



ILTIZAM UNTUK PENDIDIKAN

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL ILTIZAM

Program Pembangunan Profesional ILTIZAM PDP, adalah program teras di bawah tongak Pendidikan. Ia merupakan latihan unik yang direka khas, menggabungkan latihan sambil bekerja dan latihan insaniah yang membina dan memperkasa diri, selama setahun. Program ini menyasar graduan Bumiputera daripada Institusi pengajian Tinggi tempatan yang menghadapi cabaran dalam mendapatkan pekerjaan dan yang menganggur selama lebih daripada enam (6) bulan selepas menamatkan pengajian tinggi mereka.

Direka untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan agar mampu bersaing di alam pekerjaan, PDP memilih 75 peserta setiap tahun dari seluruh Malaysia sebagai 'Graduate Associates' (GAs). Mereka dilengkapi dengan kemahiran insaniah yang penting dan latihan yang relevan dengan industri untuk membentuk laluan kerjaya yang jelas dan berkesan serta mendorong pertumbuhan sendiri dan profesional mereka. Pada tahun 2024, 75 GAs telah ditempatkan di Ekuinas dan 30 syarikat portfolio dan rakan kongsinya.

Struktur Program & Sokongan

Latihan berfokus kepada:

Kepimpinan
Peribadi

Kemahiran
Interpersonal

Penyelesaian Masalah
& Membuat Keputusan

Inovasi &
Keusahawanan

Pembentukan
Kerjaya

Untuk meningkatkan lagi kesediaan industri, ILTIZAM telah menambah modul-modul penting seperti:

- ▶ 'Coaching' atau bimbingan secara individu, bimbingan antara rakan sebaya dan bimbingan berpasukan
- ▶ Pementoran
- ▶ Sesi perkongsian bersama alumni
- ▶ Sesi 'Kopi'- menemukan para alumni dan GA semasa untuk berkongsi pengalaman, mendapatkan pandangan dan membina rangkaian
- ▶ 'Town Hall' dengan pakar industri



Di akhir tahun 2024 sahaja, tepat di pengakhiran program, 61% daripada kumpulan PDP 2024 telah berjaya mendapat pekerjaan tetap, mencerminkan keberkesanan PDP dalam mempersiapkan graduan untuk memasuki alam pekerjaan. Sejak pelaksanaannya, GAs lepasan PDP telah memperoleh pekerjaan tetap di Ekuinas, syarikat portfolionya seperti ORKIM Ship Management, UNITAR Education Sdn Bhd, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd dan organisasi terkemuka lain seperti Telekom Malaysia Berhad, Perbadanan Nasional Berhad (Pernas), Sehat Group, Oriental Food Industries Sdn Bhd, Concentrix Malaysia Sdn Bhd, KAF Investment Bank dan MBSB Bank. Sejak pelaksanaan program pada tahun 2012, program ini telah mengekalkan impak dengan kadar kejayaan purata sebanyak 90%, di mana graduan berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam (6) bulan selepas menamatkan program.

Komitmen ILTIZAM terhadap pembangunan graduan melangkaui penamatan program, dengan pemantauan dan bimbingan berterusan selama 12 bulan tambahan serta rangkaian alumni untuk menyokong pertumbuhan peribadi dan kerjaya jangka panjang.



Sosial: Itizam oleh Ekuinas

PROGRAM PEMERKASAAN PENDIDIKAN ILTIZAM (EEP)

ESF*	PCF*	ESP*	BTS*
------	------	------	------

Dana Sokongan Pendidikan

Sebagai sebahagian daripada Program Pemeraksanaan Pendidikan ILTIZAM, ILTIZAM bekerjasama dengan berbagai organisasi di bawah platform Dana Sokongan Pendidikan (ESF) untuk menyediakan sokongan yang disesuaikan untuk pelajar dengan keperluan pendidikan yang pelbagai. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2024 termasuk:

Terapi Pertuturan dan Permainan oleh IDEAS Autism Centre (IAC)

Inisiatif ini kini menjadi projek tahunan di bawah ESF, yang bertujuan untuk menyokong kanak-kanak autistik dengan meningkatkan kebolehan kognitif dan pembelajaran, agar mereka berpeluang untuk mendaftar di sekolah-sekolah awam. Pada tahun 2024, inisiatif ini memanfaatkan 72 orang kanak-kanak, membantu mereka meningkatkan kemahiran perkembangan dan kesediaan pembelajaran.

Skim Dana Ehsan Pendidikan dan Program Latihan & Penempatan

Kerjasama dengan Yayasan Pelajaran Mara (YPM) ini memanfaatkan 190 orang pelajar melalui:

- *Skim Dana Ehsan Pendidikan* – Program ini menyediakan sokongan kewangan kepada pelajar Bumiputera B40, membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di 12 universiti tempatan.
- *Program Latihan & Penempatan* – Inisiatif latihan kemahiran ini direka untuk pelajar yang kurang kecenderungan akademik, melengkapkan mereka dengan kemahiran teknikal dan praktikal agar berjaya mendapat pekerjaan selepas tamat latihan.

Program Sentuhan Elit SPM

Kerjasama dengan Yayasan Lembaga Tabung AngkatanTentera (LTAT) diteruskan untuk tahun kedua, bagi menyokong pembangunan akademik pelajar Sekolah Dalam Kem (SDK) dan Kolej Tentera Diraja (RMC), dengan tumpuan kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah berkaitan tentera. Pada tahun 2024, sejumlah 618 orang pelajar mendapat manfaat daripada kelas tuisyen, bengkel, program motivasi, dan sesi bimbingan kerjaya.

Inisiatif pembelajaran digital untuk sekolah

Inisiatif ini menawarkan penajaan dan bantuan kewangan kepada sekolah dan institusi yang memerlukan, meningkatkan pengalaman pembelajaran untuk pelajar yang layak, terutamanya mereka dari komuniti B40 dan latar belakang yang kurang bernasib baik. Pada tahun 2024, program ini telah melibatkan empat (4) sekolah, menyokong sejumlah 396 orang pelajar.



DANA KERJASAMA PORTFOLIO

Dana Pendidikan ILTIZAM (Dana ILMU)

Diperkenalkan pada tahun 2013, Dana ILMU menyediakan sokongan kewangan kepada pelajar B40 yang berprestasi tinggi di Universiti Antarabangsa UNITAR, termasuk Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint, kedua-duanya telah digabungkan di bawah Kumpulan Pendidikan UNITAR di tahun 2024. Inisiatif ini membolehkan pelajar menyempurnakan pendidikan tinggi mereka dengan jayanya. Pada tahun 2024, inisiatif ini memberi manfaat kepada 835 orang pelajar.

Program Latihan dan Perkembangan Marin, Industri Minyak & Gas

Dengan kerjasama Orkim Sdn Bhd (Orkim), program latihan 2024 sedang berlangsung di Akademi Laut Malaysia (ALAM), di bawah tajaan ILTIZAM. Sejak tahun 2018, program ini telah memanfaatkan sejumlah 19 orang anggota kru Orkim. Kohort ini dijangka menamatkan latihan pada April 2025.



PROGRAM PENDIDIKAN KEMAHIRAN



ILTIZAM telah melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan dan pembangunan selain daripada sokongan akademik untuk menyediakan peluang kepada komuniti asnaf dan B40 bagi mendapatkan pekerjaan yang mampan, melalui latihan vokasional dan profesional. Projek-projek berikut telah diselesaikan pada tahun 2024 di bawah Program Pendidikan Kemahiran ILTIZAM (ESP):

Projek Walter

Projek hasil kerjasama dengan Walter Academy ini direka untuk melengkapkan belia Bumiputera berumur 16 hingga 24 tahun, dari komuniti B40, dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi tukang gunting rambut dan pendandan rambut yang bertauliah. Pada tahun 2024, sejumlah 42 orang tukang gunting rambut dan lapan (8) orang pendandan rambut telah berjaya menjalani program ini, dengan kesemua 50 graduan mendapat penempatan pekerjaan selepas tamat latihan.

Projek Hero

Projek Hero melibatkan kerjasama dengan Discover Muay Thai Academy (DMT Academy) dan kolaborasi bersama Persatuan Muay Thai Negeri Sabah untuk kali ketiga pada tahun 2024. Program selama empat bulan ini berpusat di Kota Kinabalu, Sabah, dan direka untuk membantu belia B40 yang berisiko melalui latihan kemahiran Muay Thai, membuka peluang untuk peserta mendapat pekerjaan dalam industri seni mempertahankan diri ini. Pada tahun 2024, 16 orang belia telah ditaja melalui program ini, dan kesemuanya berjaya mendapat pekerjaan.

Di Sarawak, Projek Hero menaja lapan (8) orang petanding Muay Thai berpotensi tinggi di Akademi DMT Sarawak. Ia merupakan perjalanan yang mengubah hidup semua peserta; seorang menjadi juara kebangsaan WBC Muay Thai Malaysia, dan pada akhir tahun 2024, kesemua lapan (8) peserta menamatkan program ini dengan jayanya.

Sosial: Itizam oleh Ekuinas

Projek 'Heads Up Second Chance'

Untuk tahun ketiga, kerjasama dengan Saora Industries terus menyokong juvana dan bekas banduan dalam usaha membantu mereka kembali berintegrasi dengan masyarakat. Pada tahun 2024, 100 orang lelaki yang diparol dari Penjara Melaka telah menyertai program latihan kemahiran insaniah komprehensif yang direka untuk meningkatkan kebolehpasaran untuk alam pekerjaan di samping meningkatkan keyakinan diri. Program ini berimpak tinggi dengan kejayaan 100%, di mana semua peserta berjaya mendapat pekerjaan selepas parol.

Selain itu, 50 orang banduan wanita di Penjara Kluang di Johor telah diberi sokongan kesihatan mental serta kemahiran teknikal yang praktikal dan penting, seperti membuat roti, menjahit, dan berkebun, untuk membantu pemulihan serta membuka peluang pekerjaan masa hadapan.

Projek 'Beauty' 2024

Projek Beauty, yang dilaksanakan dengan kerjasama Akademi Kesihatan dan Kecantikan Real Millennium, memperkasakan golongan wanita muda melalui latihan jurusolek dan terapi kecantikan. Kursus latihan selama enam bulan ini, merangkumi pelbagai aspek kecantikan dan estetik, termasuk rawatan kuku, rawatan muka, seni inai dan seni persolekan.

Pada tahun 2024, 25 orang wanita dari komuniti B40 telah menerima latihan kemahiran sebagai terapis kecantikan. Kesemua peserta berjaya mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan program ini.



PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH

Sejak tahun 2016, Program Kembali ke Sekolah ITIZAM telah menyediakan keperluan sekolah asas, termasuk pakaian seragam, beg, stokin, dan kasut kepada kanak-kanak sekolah dari keluarga berpendapatan rendah di seluruh Malaysia. Pada tahun 2024, program ini telah menjangkau 57 buah sekolah di seluruh negara dan membantu 4,710 orang pelajar.



ILTIZAM UNTUK KOMUNITI

PROGRAM SOKONGAN KOMUNITI ILTIZAM (CSP)

Program Pengagihan Makanan Care

Pada tahun 2024, ILTIZAM memperuntukkan RM300,000 untuk inisiatif ini bagi menyokong komuniti yang kurang berkemampuan melalui pengagihan makanan. Sepanjang tahun 2024, program ini telah memanfaatkan seramai 2,515 orang penerima di seluruh Malaysia, termasuk keluarga B40, penduduk *Program Perumahan Rakyat (PPR)*, orang kurang upaya, ibu tunggal, dan anak yatim.

Sumbangan Dana, Bantuan Bencana dan Sokongan Kesihatan Mental

Pada tahun 2024, ILTIZAM bekerjasama dengan lapan (8) NGO untuk menyokong komuniti yang kurang berkemampuan melalui pendidikan khas untuk individu kurang upaya, bantuan perubatan, sokongan kesihatan mental, dan bantuan ketika bencana. Sebanyak RM204,000 telah diagihkan untuk inisiatif-inisiatif ini, yang telah memanfaatkan kira-kira 4,500 orang penerima di seluruh negara, termasuk asnaf, pelajar kurang berkemampuan, dan orang kurang upaya.

ILTIZAM SENI


ILTIZAM Seni, program teras di bawah tonggak ILTIZAM Komuniti adalah program residensi seni yang direka khas untuk menyokong ekosistem seni yang dinamik di Malaysia dan memperkasakan artis Bumiputera muda dari latar belakang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan. Peserta terpilih, yang juga dikenali sebagai Artis Tetap (Resident Artists atau RA), menjalani program residensi selama enam bulan. Program ini bertujuan untuk menyediakan artis-artis ini dengan kemahiran, pendedahan rangkaian, dan peluang untuk membina kerjaya yang mampan dalam industri seni Malaysia.

ILTIZAM Seni dilaksanakan dengan kerjasama Galeri PUTEH, sebuah galeri terkenal yang mempamerkan artis kontemporari Malaysia.



Pada tahun 2024, sepuluh (10) Artis Residen telah dipilih untuk menyertai program residensi seni sepanjang enam (6) bulan ini, yang bertempat di sebuah banglo di atas bukit, dengan persekitaran yang tenang. Mereka diasah dengan kemahiran kreatif di bawah bimbingan beberapa artis terkemuka Malaysia, di samping latihan insaniah dan teknikal lain yang penting dalam membina kehidupan mampan. Pada akhir residensi, artis-artis residen ini berpeluang untuk mempamer dan menjual karya seni mereka di Galeri PUTEH. Hasil daripada jualan membantu memulakan kerjaya seni mereka, dengan sebahagian daripadanya dilaburkan semula ke dalam komuniti seni melalui inisiatif CSR yang disusun khas.

Pada tahun 2024, RM780,600 telah diagihkan untuk membiayai program ILTIZAM Seni, mengukuhkan lagi komitmen kami untuk memupuk generasi artis Bumiputera yang akan datang.



Sosial: Itizam oleh Ekuinas

SKIM ZAKAT WAKALAH

Di bawah skim ini, Ekuinas berperanan sebagai wakil kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) dalam pengagihan Zakat Wakalah kepada golongan asnaf yang tidak termasuk sebagai penerima bantuan di bawah mandat ITIZAM yang sedia ada.

Kategori asnaf yang layak termasuk: Fakir, Miskin, Muallaf, Fisabilillah, dan Gharimin, manakala golongan Amil, Al-Riqab, dan Ibn Sabil tidak termasuk.

ILTIZAM memulakan tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM131,200 daripada LZS, yang diagihkan kepada penerima yang layak di seluruh Selangor, Sabah, dan Kelantan, serta kepada mangsa banjir di Perak dan juga Program Lori Bergerak di bawah Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) pada tahun 2024.

Selain daripada itu, RM337,038 yang diterima daripada PPZ MAIWP telah diagihkan untuk menyokong 337 orang pelajar yang mendaftar di UNITAR, membantu mereka meneruskan pendidikan tinggi dengan sokongan kewangan yang sangat diperlukan.



NOTA PENGHARGAAN

Di ILTIZAM, kami komited untuk mengoptimumkan impak positif setiap ringgit yang diagihkan melalui inisiatif kami. Aspirasi kami ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan yang tidak berbelah bahagi dan dedikasi daripada pihak berkepentingan dan rakan kongsi kami.

Setinggi-tinggi penghargaan kami ucapkan kepada Lembaga Pengarah Ekuinas, Jawatankuasa CSR, kakitangan, pihak berkepentingan, syarikat portfolio, syarikat rakan kongsi PDP, pakar perunding, pelatih, serta rakan-rakan NGO, di atas sokongan, penyertaan, dan dedikasi yang tidak ternilai yang telah menjadi kunci kejayaan program-program kami.

Kepada Kementerian Ekonomi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, dan kementerian serta agensi kerajaan yang lain, sokongan anda telah menjadi faktor penting dalam mencapai impak, jangkauan, dan kejayaan program-program ILTIZAM. Kami amat berterima kasih atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Penghargaan tulus ikhlas kami kepada Dato' Abdul Mutalib Alias, Pengerusi Jawatankuasa CSR Ekuinas. Kepimpinan dan komitmen anda yang tidak berbelah bahagi terhadap perjuangan ini telah menjadi pemangkin dalam memajukan inisiatif ILTIZAM, memastikan ia selaras dengan objektif, misi, nilai Ekuinas, dan berdasarkan piawaian tadbir urus yang tinggi.

Sambil ILTIZAM meneruskan misinya untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti yang kurang berkemampuan di seluruh Malaysia, kami kekal dengan dedikasi untuk melaksanakan program-program transformatif yang bermakna, program yang mengubah kehidupan. Kami yakin bahawa usaha kami bukan sahaja memperkasakan mereka yang kami sasarkan, malah di samping mencapai matlamat mereka sendiri, menginspirasi kepada orang di sekeliling mereka, mewujudkan kesan berantai positif yang mengukuhkan struktur masyarakat kita.



Sebahagian daripada Artis Residen ILTIZAM Seni Kitaran 1 & 2 bersama hasil karya seni mereka.


Penyata Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Ekuinas komited sepenuhnya terhadap tadbir urus yang baik, ketelusan dan pelaporan berkualiti dalam Laporan Tahunannya. Sejak penubuhannya dan daripada pelbagai pendedahan yang dibuat setiap tahun, Ekuinas telah menunjukkan bahawa ia mematuhi prinsip-prinsip yang berkaitan dan terpakai mengenai keperluan tadbir urus korporat seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia), Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Kod) dan garis panduan lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh badan-badan kawal selia walaupun Ekuinas bukan entiti tersenarai awam.


Kenyataan ini telah disediakan berpanduan kepada prinsip pendedahan dan panduan amalan korporat terbaik yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR), MCCG 2021 serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Kenyataan ini bertujuan untuk menyediakan pihak berkepentingan Ekuinas dengan maklumat peringkat tinggi yang bermakna dan penting tentang amalan tadbir urus Ekuinas, dengan tumpuan kepada tiga (3) prinsip utama yang tertera di dalam Kod iaitu Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga, Audit Berkesan & Pengurusan Risiko dan Integriti dalam Pelaporan Korporat & Hubungan Bermakna dengan Pihak Berkepentingan.

KERANGKA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Kerangka Tadbir Urus Korporat kami, diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dilaksanakan sejak tahun 2010 adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:




KERANGKA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS



Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah terus memastikan piawaian tertinggi tadbir urus korporat diamalkan dan dipertingkatkan lagi demi melindungi dan meningkatkan nilai untuk pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah menerima pakai Piagam Tadbir Urus yang mentakrifkan prinsip tadbir urus utama yang perlu dipatuhi oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat dan menetapkan nilai-nilai, prinsip-prinsip dan etos utama Ekuinas.

Piagam ini bukan sahaja sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga, tetapi juga sebagai pernyataan umum tentang hasrat dan jangkaan tentang bagaimana Lembaga akan melaksanakan tugas mereka. Piagam ini membincangkan antara lain, Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah, Komposisi Lembaga Pengarah, Pengasingan Kuasa, Tatakelakuan, Perwakilan Kuasa, Penglibatan Pihak Berkepentingan dan Komunikasi serta Kawalan Dalaman dan Proses Audit.



Penyata Tadbir Urus Korporat


MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, TEGUH DAN BERKESAN

Pengerusi, yang merupakan Pengarah bukan eksekutif, mengetuai dan menyelia kerja Lembaga Pengarah semasa mesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan Lembaga Pengarah, kecekapan organisasi dan fungsi, serta memastikan prinsip-prinsip dan proses-proses Lembaga Pengarah dikekalkan. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah untuk pembangunan dan pelaksanaan strategi, dasar, perniagaan dan tatakelakuan Ekuinas.

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif jelas diasingkan dan dipegang oleh individu yang berasingan tanpa hubungan kekeluargaan antara satu sama lain untuk memastikan keseimbangan kuasa. Pengasingan peranan yang jelas menggalakkan perbincangan yang membina, meningkatkan keberkesanan dalam membuat keputusan, meningkatkan kepercayaan, mengurangkan berat sebelah dan mengukuhkan keupayaan serta kesanggupan para Pengarah Bebas untuk melaksanakan pertimbangan secara berdikari.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang kesemuanya merupakan individu yang berkecuali dan cemerlang, membawa kepada Lembaga, pengetahuan mendalam dalam bidang masing-masing. Mereka tidak mengambil bahagian dalam operasi harian dan tidak terlibat dalam sebarang urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Ekuinas untuk memastikan bahawa mereka mampu melaksanakan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan terbaik Ekuinas. Profil ahli Lembaga Pengarah diserahkan pada halaman 14 sehingga 23 dalam Laporan Tahunan ini.

KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH



Memandangkan Kerajaan Malaysia secara tidak langsung adalah pemegang saham muktamad Syarikat, sebagai tambahan kepada definisi yang ditetapkan dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR) Bursa Malaysia, Lembaga Pengarah juga mempertimbangkan sebagai sebahagian daripada kriteria mengenai Pengarah Bebas, ahli-ahli yang masih dalam perkhidmatan kerajaan dan telah berkhidmat selama dua (2) tahun lepas sebagai tidak bebas.

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan perwakilan Pengarah Bebas yang kukuh dalam Lembaga serta memastikan objektiviti terhadap semua isu yang dibincangkan. Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap Pengarah memastikan tiada individu atau kumpulan yang mendominasi proses dalam membuat keputusan.

Lembaga Pengarah yang diterajui oleh ahli yang aktif dan berpengalaman dengan latar belakang profesional yang berkaitan dan pelbagai termasuk Kewangan dan Pelaburan, Kerajaan dan Kawal Selia, ESG, Pengurusan Perniagaan dan Undang-undang. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam memimpin arah strategik dan prestasi Ekuinas untuk menjadi firma pengurusan modal persendirian bertaraf dunia dan membimbing organisasi dalam mencapai objektif dan visinya.

Pada 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh (7) orang ahli, iaitu majoriti adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Datuk Ali Abdul Kadir telah berkhidmat untuk tempoh selama (9) tahun dan telah meletak jawatan pada 30 Jun 2024.

Nama Pengarah	Status Jawatan Pengarah	Tempoh Kumulatif (Tahun)
Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan	Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif	2
Datuk Ali Abdul Kadir (Meletak jawatan pada 30 Jun 2024)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	9
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5
Dato' Nor Azmie Diron	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	2
Datuk Maimoonah Mohamed Hussain	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3
Dato' Abdul Mutalib Alias	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3
Dato' Rizal Rickman Ramli (Berkuatkuasa pada 19 Disember 2024)	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	–
Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir	Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)	9

Perlantikan ke Lembaga Pengarah dan Pemilihan Semula Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC), yang bertujuan untuk memastikan saiz Lembaga Pengarah adalah kondusif untuk mempertimbang serta membuat keputusan yang efektif dan Lembaga Pengarah mempunyai bilangan Pengarah Bebas yang secukupnya. NRC juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah termasuk meminimumkan potensi konflik kepentingan.

NRC menetapkan dan menyemak profil yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara, atau Pengarah baharu perlu dilantik, NRC akan mengkaji kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri Lembaga Pengarah serta komposisi Lembaga Pengarah. NRC kemudiannya akan mengenal pasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon-calon dengan profil yang sesuai untuk pencalonan atau pencalonan semula. Jika perlu, NRC boleh mendapatkan nasihat daripada perunding luar sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan semua ahli semasa adalah Pengarah Bebas. Butiran mengenai skop, fungsi dan aktiviti NRC sepanjang tahun kewangan boleh didapati pada halaman 139 sehingga 140 dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

Kebebasan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah, melalui NRC, menjalankan penilaian ke atas kebebasan semua Pengarah Bebas semasa tahun kewangan

untuk memastikan pertimbangan bebas dilaksanakan demi kepentingan terbaik Syarikat. Pengarah Bebas mempunyai kewajipan untuk mengisytiharkan kebebasan mereka dan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah tentang sebarang kemungkinan konflik kepentingan. Penilaian kebebasan adalah berpandukan takrifan Pengarah Bebas seperti yang ditetapkan oleh MMLR Bursa Malaysia.

Keberkesanan Lembaga Pengarah

Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEE) adalah untuk Lembaga Pengarah memantau prestasinya sendiri dan komitmen untuk penambahbaikan yang berterusan. Melalui NRC, penilaian formal dijalankan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, prestasi dan sumbangan Pengarah individu. NRC menjalankan BEE dengan bantuan Jabatan Perundangan Syarikat dan CGRM. Prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya, termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif disemak melalui soal selidik dan penilaian sendiri mengenai bidang-bidang utama termasuk Tanggungjawab Lembaga Pengarah, Komposisi dan Pentadbiran Lembaga Pengarah, Tatakelakuan Lembaga Pengarah, Interaksi dan Komunikasi Lembaga Pengarah, serta Struktur dan Proses.

BEE yang paling terkini telah dijalankan pada tahun 2025 untuk Tahun Kewangan 2024. Keputusan BEE yang dijalankan adalah positif, mengesahkan bahawa Lembaga Pengarah berkesan dalam memberikan panduan strategik, pemantauan pelaksanaan, sambil mengekalkan tanggungjawab fidusiari mereka. Lembaga Pengarah mengambil tindakan segera dalam menangani bidang-bidang penambahbaikan yang diketengahkan dalam laporan tersebut termasuklah penambahbaikan kepada komposisi Lembaga Pengarah dan perancangan penggantian untuk Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.

Penyata Tadbir Urus Korporat

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan mengenai prestasi, pelan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung setiap tahun kewangan untuk mempertimbangkan dan meluluskan belanjawan Syarikat untuk tahun berikutnya. Mesyuarat Lembaga Pengarah tambahan diadakan apabila perlu untuk membincangkan perkara-perkara yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah. Jadual mesyuarat Lembaga Pengarah dimaklumkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk membolehkan perancangan awal dan komitmen kehadiran daripada semua ahli Pengarah.

Kehadiran di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko	Jawatankuasa Pencalonan & Ganjaran	Jawatankuasa Pelaburan	Jawatankuasa CSR	Jawatankuasa Kredit Persendirian
Bilangan Mesyuarat yang Diadakan	13	5	5	3	2	2
Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Dihadiri					
Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan	13	–	–	–	–	–
Datuk Ali Abdul Kadir	6*	1*	–	1*	–	–
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed	13	5	5	3	–	–
Datuk Maimoonah Mohamed Hussain	12	4*	5	3	–	2
Dato' Abdul Mutalib Alias	13	5	5	–	2	2
Dato' Nor Azmie Diron	5	–	–	–	–	–
Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir	12	–	–	3	2	2

* Menunjukkan bilangan mesyuarat semasa tempoh perkhidmatan mereka/setelah dilantik ke jawatankuasa tersebut.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN HAD KUASA

Lembaga Pengarah telah menetapkan Had Kuasa yang memperuntukkan kuasa penuh membuat keputusan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara khusus seperti:

- i. Pemodelan dan pelupusan pelaburan;
- ii. Pelan tahunan, belanjawan dan strategi Syarikat;
- iii. Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa, dan
- iv. Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif;

Selain daripada perkara-perkara di atas yang secara khusus memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah juga meluluskan urus niaga yang melebihi had ambang tertentu, sambil mewakili kuasa untuk urus niaga di bawah had tersebut kepada Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi. Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan oleh itu, bertanggungjawab untuk perkara-perkara berikut:

- bimbingan strategik untuk Ekuinas dengan mempengaruhi bagaimana objektif-objektif Ekuinas ditentukan dan dicapai;
- peningkatan nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan Ekuinas sambil memelihara dan melindungi nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- Memantau pengurusan Ekuinas secara efektif termasuk sistem kawalan dan akauntabiliti;
- meluluskan dan memantau hala perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;

- menyemak dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod tatakelakuan, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang serta dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, di samping memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- melulus dan memantau laporan kewangan dan laporan-laporan lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- meluluskan pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luar.

Sejak penubuhannya, Ekuinas tetap komited dan telah mengamalkan pelaburan yang mampan dalam melaksanakan semua pelaburannya. Dalam konteks ini, Lembaga Pengarah sedar akan tanggungjawabnya termasuk menetapkan strategi, keutamaan dan sasaran kelestarian Syarikat. Pada TK2021, Lembaga Pengarah telah melancarkan Kerangka ESG Ekuinas dan pendekatan pelaksanaannya. Butiran matlamat dan pencapaian kelestarian kami dinyatakan pada halaman 104 hingga 111 dalam Laporan Tahunan ini.

KOD TATAKELAKUAN

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas yang berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Kod Etika Pengarah menetapkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhannya.

Selaras dengan komitmen Lembaga Pengarah dalam menyokong dan menggalakkan budaya integriti di syarikat selaras dengan keperluan dan jangkaan dalam Garis Panduan Tatacara Mencukupi (GAP) Seksyen 17A Akta SPRM, Dasar Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi yang berkaitan telah diwujudkan dan dilaksanakan di Ekuinas dan semua syarikat dalam portfolionya.



Penyata Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah ditubuhkan, seperti berikut:



Fungsi dan Terma Rujukan (TOR) bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan di mana berkenaan, mematuhi saranan Kod. Had kuasa dan TOR disemak secara berkala untuk memastikan ia relevan dan dikemas kini.

Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan Jawatankuasa dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah jika perlu.

Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan tanggungjawab utama mereka adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) kini terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:

- Pengerusi: Dato’ Abdul Hamid Sheikh Mohamed
Ahli : Dato’ Ali Abdul Kadir (Sehingga 30 Jun 2024)
: Dato’ Abdul Mutalib Alias
: Datuk Maimoonah Mohamed Hussain
(Dilantik pada 30 Jun 2024)

Butiran lanjut mengenai TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sepanjang tahun kewangan dibentangkan di muka surat 141 hingga 142 dalam Laporan Tahunan ini.

b. Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC) terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang kesemuanya adalah bebas daripada Pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mengganggu pelaksanaan dan pertimbangan bebas mereka. Ahli NRC terdiri daripada:

- Pengerusi: Datuk Maimoonah Mohamed Hussain
Ahli : Dato’ Abdul Hamid Sheikh Mohamed
: Dato’ Abdul Mutalib Alias

Terdapat lima (5) mesyuarat diadakan sepanjang tahun kewangan dan rekod kehadiran dibentangkan dalam jadual di muka surat 132. Butiran lanjut mengenai aktiviti NRC sepanjang tahun kewangan dihuraikan dengan lebih lanjut di halaman 139 hingga 140.

c. Jawatankuasa Pelaburan (IC)

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan sekurang-kurang seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur ini lazimnya dipraktikkan di kebanyakan firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan pelaburan yang profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama IC termasuk:

- meluluskan cadangan bagi semua Keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- meluluskan semua Keputusan berkaitan pengurusan semua pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan berkaitan dengan semua pelaburan.

Ahli IC adalah seperti berikut:

- Pengerusi: Datuk Ali Abdul Kadir (Sehingga 30 Jun 2024)
: Dato’ Abdul Hamid Sheikh Mohamed
(Dilantik pada 30 Jun 2024)
Ahli : Datuk Maimoonah Mohamed Hussain
: Dato’ Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
: Heng Khim Hui
: Ahmad Hilmy Abd Jalil
: Aliff Omar Mohamad Omar
: Zain Azmir Zain Azhari

d. Jawatankuasa CSR (CSRC)

Jawatankuasa CSR (CSRC) yang dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan terdiri daripada ahli-ahli Pengurusan Kanan, ditubuhkan untuk menyemak dan memantau program CSR Ekuinas dan memastikan Syarikat melaksanakan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi aktiviti CSR pada standard tertinggi. Kumpulan Pengurusan dikehendaki memaklumkan aktiviti-aktiviti dan program-program CSR kepada Jawatankuasa CSR dan kepada Lembaga Pengarah apabila diarahkan.

Tanggungjawab dan fungsi utama CSRC termasuk:

- ▶ menyemak dan meluluskan pelan tahunan program-program dan belanjawan CSR Ekuinas;
- ▶ memantau pelaksanaan semua aktiviti CSR; dan
- ▶ mempertimbangkan sebarang isu mustahak mengenai projek-projek CSR yang mempunyai risiko kewangan atau reputasi kepada Ekuinas.

Ahli CSRC adalah seperti berikut:

Pengerusi: Dato' Abdul Mutalib Alias
Ahli : Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
: Hizwani Hassan
: Fazlin Abu Hassan Shaari

e. Jawatankuasa Kredit Persendirian (PCC)

Jawatankuasa Kredit Persendirian (PCC) adalah untuk menyemak dan mencadangkan permohonan kredit daripada unit Kredit Persendirian bagi kelulusan Lembaga Pengarah semasa fasa awal perniagaan. Sebaik sahaja Lembaga Pengarah menentukan peralihan kepada "Fasa Dioptimumkan," Jawatankuasa akan diberi kuasa untuk meluluskan permohonan kredit dalam had dan parameter yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Tanggungjawab dan fungsi utama PCC termasuk:

- ▶ meluluskan pelaburan kredit dan keputusan pelupusan Dana;
- ▶ meluluskan pelantikan dan penamatan khidmat mana-mana akauntan bebas dan penasihat berhubung dengan potensi pelaburan kredit;
- ▶ meluluskan keputusan dalam membuat panggilan modal ke atas pelabur;
- ▶ meluluskan belanjawan tahunan Kredit Persendirian dan rancangan perniagaan; dan
- ▶ melaporkan kepada Lembaga Pengarah Ekuinas setiap suku tahun mengenai operasi dan prestasi Kredit Persendirian Ekuinas.

Ahli Jawatankuasa PCC terdiri daripada yang berikut:

Pengerusi: Datuk Maimoonah Mohamed Hussain
Ahli : Dato' Abdul Mutalib Alias
: Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
: Phua Pao Ann

f. Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC)

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC) dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, ditubuhkan untuk membantu ARMC dan Lembaga Pengarah dalam melaksanakan fungsinya berhubung hal-hal operasi dan pengurusan risiko di Ekuinas. SMC bermesyuarat setiap suku tahun untuk menyemak laporan risiko suku tahunan sebelum membentangkan laporan tersebut kepada ARMC.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan kewangan yang komprehensif secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan mengemukakan agenda mesyuarat bersama-sama dengan satu set kertas kerja Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat yang relevan kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberikan masa yang secukupnya untuk ahli Lembaga Pengarah menyemak, mempertimbangkan dan memahami dengan lebih mendalam perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan dan mempunyai peluang yang secukupnya untuk mempertimbangkan dan membincangkan perkara-perkara berkaitan.

Kertas kerja Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan baik, konsisten dan padat serta merangkumi kedua-dua maklumat kuantitatif dan kualitatif, membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan yang teliti berdasarkan maklumat menyeluruh. Kertas kerja Lembaga Pengarah termasuk antara yang berikut:

- i. Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- ii. Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;
- iii. Laporan perkara-perkara berbangkit;
- iv. Laporan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- v. Laporan kewangan dan laporan prestasi pelaburan setiap suku tahun dan;
- vi. Hal-hal penting yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa. Lembaga Pengarah boleh menggunakan budi bicaranya untuk mendapatkan nasihat profesional bebas, jika dianggap perlu, untuk memastikan ketersediaan maklumat dan nasihat yang lengkap sebelum keputusan penting dibuat.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, serta memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

INTEGRITI DALAM PELAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berhasrat menyediakan dan membentangkan penilaian yang seimbang dan bermakna terhadap prestasi kewangan Syarikat dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menyelia proses pelaporan kewangan dan kualiti pelaporan kewangan, selain menyemak dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Ia juga menyemak kesesuaian dasar perakaunan Syarikat dan perubahan kepada dasar ini dan memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan perakaunan dan kawal selia serta amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan dan ini merupakan forum di mana juruaudit luar boleh mengemukakan, antara lain, sebarang kebimbangan mengenai aspek pematuhan penyata kewangan. Semua piawaian perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada sebarang penjelasan mengenai perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah menjalinkan hubungan formal dan telus dengan juruaudit Syarikat, baik luaran mahupun dalaman. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan menyemak pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit dan membuat cadangan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari akan potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan bukan audit lain kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko menyemak prestasi, kebebasan dan yuran juruaudit luar.


PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah bagi operasi yang berkesan dan cekap dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, yang memberikan gambaran keseluruhan tentang keadaan kawalan dalaman dalam Syarikat, dibentangkan pada halaman 143 sehingga 149 dalam Laporan Tahunan ini.

Fungsi Audit Dalaman

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada pihak Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan sambil mematuhi etika perniagaan dan piawaian tadbir urus yang tinggi. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga berfungsi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menunjukkan komitmen Syarikat untuk mengekalkan integriti Rangka Kerja tadbir urusnya. Struktur pelaporan fungsi CGRM adalah seperti yang digambarkan di bawah:




Penyata Tadbir Urus Korporat

Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU)

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) di bawah Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) bagi menyokong Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) untuk menggalakkan budaya yang lebih telus, akauntabiliti dan integriti. NACP bertujuan mengubah Malaysia ke arah negara yang berintegriti dan bebas daripada rasuah.

Lembaga Pengarah juga telah meluluskan pelantikan Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai Pegawai Integriti untuk Ekuinas. IGU bertanggungjawab untuk empat (4) fungsi utama seperti yang digambarkan di bawah dan melaporkan setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan inisiatif integriti dan pencegahan rasuah.



HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Dalam memenuhi peranan dan objektifnya sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan. Syarikat mengiktiraf kepentingan mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti sambil menguruskan hubungan yang baik dan produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat. Oleh itu, Syarikat memberikan penekanan terhadap kepentingan penyebaran maklumat tepat pada masanya dan ketelusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

Penglibatan dan Komunikasi Pihak Berkepentingan

Syarikat telah menerima pakai dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif, yang disemak secara berkala. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk orang awam, media, badan kerajaan dan pihak berkuasa bagi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya. Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman sesawang sebagai satu lagi saluran komunikasi untuk menyebarkan maklumat kepada pihak berkepentingan dan orang awam. Syarikat komited untuk memastikan bahawa orang awam mempunyai akses mudah kepada maklumat melalui laman sesawangnya www.ekuinas.com.my. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Perkara Umum Komunikasi E-mel: info@ekuinas.com.my Telefon : 03-77107171 Faks : 03-77107173
Perkara Tadbir Urus Korporat Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko E-mel: governance@ekuinas.com.my
Saluran Pemberitahuan Maklumat Laporan Pemberitahuan Maklumat E-mel: whistleblowing@ekuinas.com.my

FUNGSI JAWATANKUASA PENCALONAN DAN GANJARAN

Peranan dan Tanggungjawab

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC), selaras dengan terma rujukannya, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dengan perkara-perkara berkaitan dengan pencalonan dan ganjaran, yang termasuk:

- Pelantikan para Pengarah dan Pengurusan Kanan serta mengaturkan program induksi untuk para Pengarah baharu, juga latihan yang sesuai untuk para Pengarah baharu dan yang sedia ada secara berterusan;
- Menyemak gabungan kemahiran, pengalaman, kecekapan utama dan ciri-ciri lain yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah Ekuinas;
- Menentukan Rangka Kerja atau dasar untuk pakej ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli Pengurusan yang lain seperti yang ditetapkan untuk dipertimbangkan;
- Menyemak ganjaran para Pengarah Bukan Eksekutif untuk memastikan ia sejajar dengan pasaran dan mencerminkan pengalaman dan kepakaran yang setanding dengan tugas dan tanggungjawab;
- Mengkaji sebarang perubahan besar dalam struktur manfaat kakitangan di seluruh Syarikat dan jika difikirkan sesuai cadangan diangkat kepada Lembaga Pengarah untuk diterima pakai; dan
- Menyemak Rangka Kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diterima pakai.

Terma Rujukan Terperinci NRC boleh didapati di <https://www.ekuinas.com.my/governance>

Ringkasan Aktiviti Pada Tahun 2024

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, NRC telah menjalankan beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- Menjalankan penilaian tahunan tentang komposisi dan kebebasan Pengarah Bebas;
- Mempertimbangkan dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas untuk TK2023, Pembayaran Bonus untuk TK2023, dan Kenaikan Merit dan Pelarasan Gaji untuk TK2024;
- Menyemak Cadangan Rangka Kerja KPI untuk TK2024;
- Berbincang dan memberi saranan kepada Cadangan Kemas Kini Kad Skor Korporat TK2024; dan
- Berbincang dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berkaitan perancangan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif, pelantikan Pengarah Ekuinas baharu dan pembaharuan pelantikan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuinas, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Kanan.

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH, PENYUSUNAN SEMULA DAN PERANCANGAN PENGANTIAN

Untuk memastikan Ekuinas terus mempunyai Lembaga Pengarah yang kukuh, komited dan dinamik dengan gabungan kemahiran dan pengalaman yang relevan selaras dengan dengan keperluan Syarikat yang sentiasa berkembang. Sepanjang tahun kewangan tersebut, NRC telah berusaha dalam mencadangkan calon berpotensi sebagai pengganti CEO, dan pelantikan Pengarah baharu di Ekuinas. Jawatankuasa meneliti pelbagai aspek dalam usaha penggantian, termasuk kemungkinan konflik dan kepentingan pengurusan persepsi awam dan memastikan tadbir urus yang berkesan.

GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar Syarikat mengenai ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah berkaliber yang diperlukan untuk memimpin Syarikat dengan jayanya. Bagi Pengarah Eksekutif, bahagian komponen ganjaran distrukturkan untuk menghubungkan ganjaran kepada prestasi korporat dan individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap ganjaran mencerminkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh pengarah berkenaan.

NRC mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Rangka Kerja pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah adalah menjadi tanggungjawab utama seluruh Lembaga Pengarah untuk meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran semua Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, secara keseluruhan dikategorikan ke dalam komponen utama, adalah seperti berikut:

Ganjaran	Jumlah Keseluruhan (RM)
Gaji/Bayaran	4,381,236
Ganjaran lain (contoh, Elaun dan manfaat lain)	1,053,515

Ganjaran yang dibayar kepada para pengarah sepanjang tahun dianalisa mengikut julat yang sepadan adalah seperti berikut:


Ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
Bawah RM100,000	—	1
RM100,000 – RM500,000	—	5
1 juta ke atas	1	—

Penyata Tadbir Urus Korporat

LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah memperakui kepentingan pendidikan berterusan untuk para Pengarah bagi memastikan mereka diperlengkapkan bagi menghadapi cabaran dan melaksanakan fungsi mereka sebagai Lembaga Pengarah. Program latihan, persidangan dan seminar yang bermanfaat kepada para Pengarah dikenal pasti secara berterusan dan Syarikat memperuntukkan belanjawan yang khusus untuk latihan bagi menyokong pembangunan berterusan para Pengarah. Para Pengarah juga sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan perniagaan Syarikat termasuk taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu yang berkaitan dengan bidang atau industri tertentu berserta dengan cadangan strategik.

Program pembangunan dan latihan yang dihadiri oleh para Pengarah serta penyertaan mereka sebagai penceramah di konvensyen tempatan dan antarabangsa mengenai topik yang berkaitan dengan peranan mereka pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:



Penyata Tadbir Urus Korporat ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 13 Mac 2025

Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

KOMPOSISI DAN KEHADIRAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

ARMC telah ditubuhkan pada tahun 2010 selaras dengan Kod dan MMLR Bursa Malaysia. Ahli Jawatankuasa dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:

- Dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- Majoriti adalah pengarah bebas;
- Semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif;
- Sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan; dan
- Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC.

Komposisi ARMC dan rekod kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Status jawatan pengarah	Bilangan mesyuarat yang dihadiri	%
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed (Pengerusi Jawatankuasa)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100
Datuk Ali Abdul Kadir (sehingga 30 Jun 2024)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	1 daripada 1*	100
Datuk Maimoonah Mohamed Hussain (Dilantik pada 30 Jun 2024)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4 daripada 4*	100
Dato' Abdul Mutalib Alias	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100

* Kehadiran berdasarkan bilangan mesyuarat yang dijadualkan sepanjang tempoh Pengarah menyandang jawatan.

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

ARMC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dan lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. ARMC juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat ARMC pada 14 Mac 2024.

Pengerusi ARMC membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah dan minit-minit setiap mesyuarat didokumenkan dan diedarkan kepada setiap ahli ARMC.

Peranan dan Tanggungjawab

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, ARMC dipandu oleh Terma Rujukan dan ditugaskan dengan objektif utama berikut:

- Untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tugas fidusiarinya dan menyediakan pengawasan tadbir urus dalam pengurusan Rangka Kerja risiko Syarikat dan strategi dalam menguruskan risiko utama;
- Untuk menyemak kecukupan dengan keberkesanan amalan dan prosedur pengurusan risiko, proses perniagaan, pelaporan kewangan dan kawalan dalaman;
- Untuk memastikan kebebasan audit dalaman dan fungsi audit luaran dan menyemak aktiviti, kecekapan dan prestasi mereka; dan
- Menyemak, menyokong, mempromosi dan memantau program kod etika (COE) di seluruh Syarikat yang termasuk mengurus konflik kepentingan, mencegah penyalahgunaan kuasa, korupsi, dagangan orang dalam dan pemindahan wang haram serta memastikan program pemberitahuan maklumat dilaksanakan di seluruh syarikat.

Terma rujukan ARMC yang lengkap dan terperinci boleh didapati di ekuinas.com.my/governance.

Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Aktiviti-aktiviti

Selaras dengan terma rujukan untuk ARMC, aktiviti-aktiviti berikut telah dijalankan sepanjang tahun kewangan:

- Menyemak dan meluluskan pelan audit Jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja mereka untuk tahun kewangan yang disediakan oleh Jabatan CGRM dan juruaudit luar masing-masing;
- Menyemak laporan untuk Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar serta mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak dasar dan prosedur utama yang dicadangkan untuk diterima pakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan.
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan;
- Menyemak prestasi, kebebasan dan yuran juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai ARMC, Penyata Tadbir Urus Korporat dan SORMIC sebelum dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan membincangkan laporan audit, isu-isu dan cadangan daripada juruaudit luar dan dalaman daripada audit yang dijalankan sepanjang tahun;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecukupan kakitangan dalam fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan dan hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) untuk kelulusan Lembaga Pengarah, sebelum diserahkan kepada Kementerian Ekonomi atau agensi-agensi Kerajaan lain;

Fungsi Audit Dalam

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman yang dilaksanakan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melapor terus kepada ARMC dan secara pentadbiran; kepada CEO. Fungsi audit dalaman dilaksanakan oleh empat (4) kakitangan yang terdiri daripada Ketua CGRM, seorang (1) Pengurus, seorang (1) Eksekutif dan seorang (1) Siswazah Perantis. Ketua CGRM, Muhd Hafiz Muhtar ialah Ahli Bersekutu Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

Jabatan CGRM telah menerima pakai Piagam Tadbir Urus Korporat yang membenarkan kebebasannya dalam menilai dan melaporkan tentang kemampuan integriti dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Inisiatif penambahbaikan semakan dan kawalan yang dijalankan oleh CGRM telah ditakrifkan dalam pelan audit tahunan yang telah disemak dan diluluskan oleh ARMC semasa tahun kewangan.

Pada tahun ini, mengikut pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumen juga mewujudkan dasar dan prosedur Syarikat, serta melancarkan semakan risiko dan dokumentasi pelaporan risiko Ekuinas kepada SMC dan ARMC. CGRM turut terlibat dalam menyokong pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik di syarikat-syarikat portfolio.

CGRM juga terlibat dalam pelaksanaan usaha wajar bagi cadangan pengambilalihan atau pelaburan, meliputi risiko tadbir urus dan pelaburan. Penemuan utama diketengahkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara berhemat.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan CGRM selaras dengan Kerangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) Institut Juruaudit Dalaman (IIA) dan Rangka Kerja Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway (COSO) yang memastikan kakitangan audit dalaman bebas daripada sebarang perhubungan atau konflik kepentingan yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasan mereka.

Tiada bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar sepanjang tahun kewangan.

Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 13 Mac 2025.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

PENGENALAN


Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) ini menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR) Bursa Malaysia untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan pematuhan kepada amalan terbaik, meskipun Syarikat tidak tertakluk kepada MMLR.

STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO DAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah melaksanakan sistem dan proses berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Kerangka Tadbir Urus Korporat kami yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko yang telah diluluskan untuk Syarikat menetapkan asas pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, yang dihubungkan kepada objektif strategik dan organisasi serta disepadukan ke dalam proses perniagaan Syarikat. Rangka Kerja menentukan akauntabiliti dan tanggungjawab yang jelas untuk proses pengurusan risiko, termasuk pengenalpastian dan pengurusan risiko yang boleh memberi kesan material kepada objektif atau pelaksanaan strategik Syarikat.

Sistem dan struktur pengurusan risiko dan kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:



Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalamannya

Walaupun mana-mana sistem hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan mutlak terhadap kerugian material, penipuan, salah nyata atau pelanggaran undang-undang atau peraturan, Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk memastikan kemampuan dan integriti melalui proses semakan, pemantauan dan jaminan.

Untuk membantu Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) telah ditubuhkan di mana tanggungjawab utama adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman, yang dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan kedua-duanya dalam Ekuinas dan semua syarikat portfolio bagi melaksanakan dasar dan prosedur Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan (ARMC) mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam Syarikat dengan tanggungjawab utama untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan baik, menilai pendedahan risiko dan menyemak isu kawalan dalaman yang diketengahkan oleh Jabatan Tadbir Urus & Pengurusan Risiko (CGRM), pihak Pengurusan dan juruaudit luar dan menyemak fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM, yang melaksanakan fungsi audit dalaman untuk Syarikat melapor terus kepada ARMC.

Majoriti ahli ARMC adalah ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan mempunyai akses penuh kepada kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luaran tanpa kehadiran pihak Pengurusan, sekurang-kurangnya sekali setahun.

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC)

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC) ialah pemilik risiko yang menyelaraskan usaha untuk mengurangkan dan mengurus risiko sambil membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan fungsi berkaitan pengurusan risiko.

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab utama SMC berkaitan pengurusan risiko dan kawalan dalaman:

- menyemak dan mencadangkan dasar dan laporan pengurusan risiko untuk kelulusan ARMC dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan risiko Syarikat dan syarikat portfolio dan mencadangkan tindakan strategik di mana perlu;

- menyemak prestasi keseluruhan syarikat-syarikat portfolio, inisiatif-inisiatif yang dijalankan dan risiko perniagaan utama setiap suku tahun;
- menyemak sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko; dan
- mengekalkan, berkomunikasi dan memantau pematuhan terhadap dasar dan prosedur.

Melalui perbincangan dengan setiap pasukan portfolio, ketua-ketua jabatan dan pihak pengurusan syarikat portfolio, inisiatif-inisiatif dan kawalan utama (jika perlu) yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan risiko dikenal pasti. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan kemudiannya didokumenkan dalam laporan dan dibentangkan kepada SMC dan ARMC setiap suku tahun. Laporan Pengurusan Risiko suku tahunan yang terhasil kemudiannya dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah.

Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)

Peranan Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) adalah untuk membantu ARMC dan pihak Pengurusan Syarikat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan dengan mewujudkan kawalan dalaman yang kos efektif, menilai risiko, mencadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko dan memastikan proses tadbir urus yang sewajarnya disediakan. Sebagai sebahagian penting daripada proses ini, CGRM menyediakan ARMC dengan analisis bebas, penilaian, nasihat dan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang disemak.

Pelan Tahunan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) CGRM disemak dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah dan keputusan audit dimaklumkan dan dilaporkan kepada Pengurusan dan ARMC secara berkala.

AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik yang berterusan bagi mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat dalam pencapaian objektif dan strateginya. Keberkesanan Rangka Kerja pengurusan risiko disemak dan diperbaiki secara sistematik dan berkala, jika perlu.

Syarikat telah mengenal pasti empat (4) kategori risiko di peringkat Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio. Kategori risiko ini tidaklah lengkap; namun, ia menyediakan asas untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan risiko, dan risiko berkaitan pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan yang paling kritikal dalam Syarikat. Pada tahun 2024, Ekuinas mengembangkan aktiviti pelaburannya ke dalam Kredit Persendirian dan memulakan aktiviti operasinya.

RISIKO EKUINAS' (SYARIKAT)			
Strategik	Pelaburan Langsung	Program Penyumberan Luar (OFM)	Operasi
- Persekitaran luaran - Pembiayaan - Kawalan selia - Pihak berkepentingan	- Penyumberan dan penilaian urus niaga - Prestasi dan pengurusan pelaburan - Objektif bukan kewangan	- Pemilihan OFM - Prestasi OFM - Pengurusan OFM	- Sumber Manusia - Perbendaharaan - Pengurusan dan Pelaporan Kewangan - Pematuhan - Perkhidmatan Guna Sama - Korupsi dan Rasuah

RISIKO SYARIKAT PORTFOLIO			
Strategik & Pasaran	Perniagaan & Kewangan	Strategi Penciptaan Nilai	Pelaksanaan
- Persekitaran luaran - Industri - Kerajaan dan Kawal Selia	- Operasi perniagaan - Perbelanjaan modal dan pelaburan - Penggearing/Hutang	- Pengembangan Perniagaan - Penggabungan dan Pengambilalihan	- Sumber Manusia - Sistem dan Proses IT - Pengurusan dan Pelaporan Kewangan - Korupsi dan Rasuah

Semua risiko utama yang dikenal pasti kemudiannya dinilai secara individu berdasarkan parameter potensi kesan dan kemungkinan yang disediakan dalam Rangka Kerja Penarafan Risiko. Melalui perbincangan dengan pihak pengurusan, inisiatif-inisiatif utama untuk mengurangkan risiko tersebut kemudiannya dikenal pasti untuk dilaksanakan.

Proses ini dilaksanakan sekurang-kurangnya setiap suku tahun, dengan mengenal pasti risiko perniagaan baharu dan menyemak risiko perniagaan sedia ada serta memantau keberkesanan langkah-langkah pengurangan yang dikenal pasti.



Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalamannya

STRATEGI PENGURANGAN RISIKO

Inisiatif pengurangan risiko dilaksanakan berdasarkan empat strategi iaitu mengelak, mengurangkan, memindahkan atau menerima melalui pelaksanaan proses kawalan dalaman dan dasar selaras dengan selera risiko organisasi.

Sebagai contoh, proses membuat keputusan pelaburan Syarikat dipandu oleh parameter pelaburan yang dilaksanakan melalui Rangka Kerja Pelaburan Syarikat, untuk memastikan urus niaga yang dijalankan adalah dalam kriteria pelaburan utama di mana sektor-sektor keutamaan dikenal pasti berdasarkan pendekatan penyaringan yang telus dan beberapa sektor dikecualikan daripada pertimbangan pelaburan.

Rangka Kerja Pelaburan juga menggabungkan pengurusan risiko dengan menyemak risiko untuk semua cadangan atau urus niaga strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diuruskan secara konsisten. Semua pelaburan tertakluk kepada penelitian rapi bagi memastikan ia sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat, mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambil kira semua faktor risiko lain yang berkaitan seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah disertakan dengan penilaian risiko yang komprehensif dan cadangan strategi mitigasi oleh pihak Pengurusan.

Risiko strategik diuruskan melalui pemantauan berterusan petunjuk ekonomi utama, prospek industri dan perkembangan kawal selia, serta penglibatan dan kemas kini secara berkala dengan pihak Kerajaan.

Bagi menguruskan risiko kewangan, dasar perbendaharaan Syarikat dan had kuasa kewangan didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah Dasar yang diluluskan menetapkan parameter untuk pengurusan kecairan, risiko rakan niaga dan pembiayaan Syarikat. Sebarang risiko kewangan yang ketara seperti kecairan, penggearan, hutang bersih dan pendedahan kredit akan dikenal pasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah.

Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan menggunakan pakai dasar dan prosedur operasi standard, rangka kerja pelaporan berkala yang merangkumi pelaporan operasi dan kewangan dan di mana perlu, mengambil insurans perlindungan untuk mengurangkan potensi risiko.

Selaras dengan Strategi Anti-Rasuah Kebangsaan (NACS) 2024-2028 yang merupakan kesinambungan kepada Pelan Anti-Rasuah Kebangsaan (NACP) 2019-2023, amalan berterusan diambil daripada Objektif Strategik NACP 6.2: Ketahanan Entiti Korporat yang Lebih Besar terhadap Ancaman Rasuah di mana penilaian terhadap Risiko Rasuah dan Suapan dimasukkan sebagai sebahagian daripada proses pengurusan risiko dan pelaporan Syarikat. Kawasan berpotensi di mana rasuah dan suapan mungkin berlaku dikenal pasti dan risiko dikurangkan dengan kawalan sedia ada serta inisiatif baharu seperti memperkukuh dasar yang berkaitan dengan perkara Anti-Suapan dan Anti-Rasuah, mengendalikan taklimat kepada pekerja dan program kesedaran berkala.

MEMASTIKAN KECUKUPAN DAN KEBERKESANAN SISTEM

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah diwujudkan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, antara lain, adalah seperti berikut:

- **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan, sebagai tambahan kepada Lembaga Pengarah, Syarikat telah mewujudkan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa CSR dan pada tahun 2024 Jawatankuasa Kredit Persendirian Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah ini diwujudkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam menyediakan pengawasan bebas ke atas pengurusan Syarikat dengan tanggungjawab dan kuasa digariskan dengan jelas dalam terma rujukan masing-masing.

- **Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Prosedur bertulis mengenai proses-proses utama dalam Syarikat didokumenkan, diwujudkan dan dijelaskan oleh Pengurusan kepada kakitangan selaras dengan Dasar dan Rangka Kerja SOP yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman diterapkan dalam operasi Syarikat. Seajar dengan penubuhan Jabatan Kredit Persendirian, Dasar Kredit telah diwujudkan dan diluluskan pada Julai 2024. Piagam Audit Dalaman juga telah disemak semula pada tahun 2024.

Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)



Nota: Rangka Kerja Pelaburan 1 & 2 telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PERKHIDMATAN BERSAMA	KEWANGAN & PERAKAUNAN	SUMBER MANUSIA (HR)
	Dasar dan/atau Prosedur Operasi Standard Perakaunan meliputi: • Aset tetap • Tunai Runcit (<i>Petty cash</i>) • Dasar dan Prosedur Pelaporan Kewangan • Belanjawan • Pembayaran dan Tuntutan • Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan	Dasar dan/atau Prosedur Sumber Manusia meliputi: • Pengurusan Gaji • Latihan & Pembangunan • Pengambilan & Perancangan Modal Insan • Pengurusan Prestasi & Ganjaran • Pelan Pengkalan Jangka Panjang • Pengurusan Bakat • Hubungan Pekerja
	PERBENDAHARAAN	PERUNDANGAN
	• Dasar Perbendaharaan dan Prosedur Operasi Standard	• Dasar Undang-undang dan Prosedur Operasi Standard
	PEROLEHAN & PENTADBIRAN	M.I.S
	• Dasar Perolehan dan Prosedur Operasi Standard	• Dasar IT dan Prosedur Operasi Standard
	TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)	KOMUNIKASI
	• Dasar CSR dan Prosedur Operasi Standard	• Dasar Komunikasi dan Prosedur Operasi Standard
	PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN	DASAR PENDEDAHAN
	• Dasar Pengurusan Pihak Berkepentingan dan Prosedur Operasi Standard	• Dasar Pendedahan dan Rangka Kerja Pendedahan

• Kod Etika

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi tingkah laku korporat dan tadbir urus korporat. Kod Etika telah dipersetujui dan diterima pakai oleh para Pengarah dan Kakitangan untuk menggalakkan standard tatakelakuan yang tinggi yang dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod masing-masing dan menandatangani borangakuan penerimaan.

• Kod Tatakelakuan Penyedia Perkhidmatan

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan harus berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan akauntabiliti dan menentang keras sebarang bentuk rasuah atau korupsi. Dengan objektif ini, Kod Tatakelakuan Penyedia Perkhidmatan memerlukan semua penyedia perkhidmatan utama termasuk perunding, penasihat profesional dan pembekal utama, mematuhi Kod ini apabila berurusan dengan Ekuinas, dan tindakan yang boleh diambil termasuk, tetapi tidak terhad kepada penamatan dan pengecualian daripada perkhidmatan masa hadapan.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

- Had Kuasa yang Didokumenkan

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendalikan operasi harian, membuat keputusan pelaburan, pemerolehan dan pelupusan aset, sebagai kawalan untuk meminimumkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- Anti-Penipuan, Anti-Suapan dan Anti-Korupsi (ABC) dan Dasar Pemberitahuan Maklumat

Untuk mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar pemberitahuan maklumat telah diwujudkan bagi menyediakan saluran untuk kakitangan yang berniat baik untuk melaporkan sebarang kesalahan yang disyaki. Dasar ini menekankan komitmen Syarikat terhadap integriti dan tingkah laku beretika dengan membantu memupuk dan mengekalkan persekitaran di mana pekerja boleh bertindak sewajarnya tanpa rasa takut. Dasar disemak secara berkala dan semakan terakhir telah dijalankan pada tahun 2023.

- Kawalan Pelaburan

Pengarah Kanan Ekuinas dilantik ke Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif dan Lembaga Pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bidang operasi utama.


Di samping menjalinkan hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas juga terlibat dalam proses operasi utama untuk inisiatif penciptaan nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik di syarikat portfolio.

Ekuinas juga menyediakan dana kepada Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) iaitu pihak ketiga yang melaksanakan pelaburan bagi pihak Ekuinas. Walau bagaimanapun, Ekuinas tidak mempunyai pengaruh ke atas operasi dan kepentingan kawalan mereka dalam syarikat pelaburan OFM, oleh itu mereka tidak diuruskan sebagai sebahagian daripada Kumpulan dalam pelaksanaan sistem kawalan dan akan tertakluk kepada amalan pengurusan risiko dan kawalan dalam masing-masing.

PELAPORAN PENGURUSAN RISIKO

Proses Pelaporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko, penilaian keberkesanan kawalan sedia ada dan keperluan untuk kawalan tambahan untuk mengurangkan risiko bagi Syarikat dan semua syarikat portfolio. Elemen utama proses ini adalah seperti berikut:

PENDEKATAN PENILAIAN RISIKO



Proses pelaporan dan pemantauan berkala ini digunakan untuk menyemak pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan bertindak sebagai platform untuk mengesahkan bahawa tindakan yang perlu telah atau sedang diambil untuk memperbaiki sebarang kegagalan atau kelemahan ketara yang dikenal pasti semasa proses pengurusan risiko.

Kecukupan Pengurusan Risiko dan Sistem Kawalan Dalam

Kecukupan Pengurusan Risiko dan Sistem Kawalan Dalam Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalam Syarikat beroperasi dengan memuaskan dan berkesan dalam semua aspek material bagi tahun kewangan dalam semakan dan sehingga tarikh kelulusan Penyata ini.

Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar

Juruaudit luaran telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara, yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam (SORMIC) yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan dalam perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Tersenarai dan tiada maklumat dalam SORMIC yang tidak tepat.

Kajian jaminan terhadap mereka dilakukan mengikut Panduan Amalan Audit dan Jaminan (AAPG) 3 – Panduan untuk Juruaudit mengenai Penglibatan untuk Melaporkan Kenyataan mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam yang disertakan dalam Laporan Tahunan yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG3 tidak memerlukan juruaudit luaran untuk mempertimbangkan sama ada SORMIC merangkumi semua risiko dan kawalan, atau untuk membentuk pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalam Syarikat, termasuk penilaian dan pendapat Lembaga dan Pengurusan mengenainya.

KESIMPULAN

Bagi tahun kewangan dalam semakan sehingga tarikh kelulusan penyata ini, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Ini berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan dan tumpuan berterusan yang ditunjukkan oleh Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan terhadap langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampuan perniagaan.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 13 Mac 2025.



Ekuiti Nasional Berhad

Aras 16, Surian Tower,
No.1, Jalan PJU 7/3,
Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor.

Tel : +603 7710 7171
Faks : +603 7710 7173

www.ekuinas.com.my